



93-1747

# LIEW AH KIM

## Anak Kampung Jadi YB Di Kota

oleh

Amir Machmood

*Hadiah Ikhlas Daripada:*

PENERBITAN BUKU EMAS  
136-2, Jalan Esar  
Satak Selatan

57100 Kuala Lumpur,  
Tel: 7813958

PERPUSTAKAAN AWAM MELAKA  
9 JUN 1993

**APB 721720**

Diterbitkan oleh: PENERBITAN BUKU EMAS  
36-2 Jalan Besar Salak Selantan  
57100 Kuala Lumpur

Copyright © Amir Machmood

Cetakan pertama 1993

Dicetak oleh: Prinpac Trading, Kuala Lumpur

Harga: RM8

*Persahabatan hanya dapat dibeli dengan persahabatan juga, dan seseorang mungkin menguasai orang lain, tetapi dia tidak akan dapat memiliki hati mereka kalau seseorang itu tidak menjual hatinya sendiri terlebih dahulu.*

**-Thomas Wilson**



## **KANDUNGAN**

1	Janji Anak Kampung	1
2	Cabaran Getir	24
3	Menungkah Arus	48
4	Patah Sayap	75
5	Janji Bermula	102
6	Wakil Rakyat Di Kota	127

## PENDAHULUAN

Kebanyakan buku-buku politik yang diterbitkan setakat ini akan ditulis mengenai biografi tokoh tertentu atau fikiran pengarang mengenai ramalan terhadap masa depan politik tokoh terbabit. Tetapi buku '**LIEW AH KIM: Anak Kampung Jadi YB Di Kota**' bukan mengenai biografi tokoh atau ramalan penulis terhadap masa depan politiknya.

Buku ini satu perspektif yang menggarap sumbangan pemikiran seseorang tokoh dalam kerjaya politiknya, di samping mencari nilai keperibadian masyarakat Malaysia dalam sebuah negara berbilang kaum. Kadangkala masyarakat membuat tanggapan terhadap diri seseorang apabila mereka belum mengenal hati budinya. Oleh itu sudah menjadi amalan masyarakat Malaysia, kalangan orang-orang Melayu meminggirkan diri daripada politik orang-orang bandar.

Nilai keperibadian terhadap ras menjadi senjata untuk membunuh perpaduan, apabila satu pihak cuba menuntut keadilan. Liew Ah Kim, tokoh yang dibicarakan tidak percaya dengan perjuangan kaum, kerana rakyat Malaysia cintakan perpaduan yang sejati.

Oleh itu buku politik ini tidak menggambarkan biografi Liew Ah Kim seorang anak kampung yang dipilih menjadi wakil rakyat di tengah kota Kuala Lumpur ini, atau ramalan

penulis terhadap masa depan politiknya. Buku ini mengajak pembaca sama-sama merenung kehadapan apakah mahu membiarkan diri kita terus terpinggir, atau bersedia memahami erti kehidupan yang mencabar ?

Cabaran sebenar rakyat Malaysia bukanlah pertentangan Melayu dan Cina, tetapi menuntut keadilan sosial supaya tidak wujud penindasan manusia kepada manusia. Musuh utama rakyat Malaysia juga bukanlah dengan menggalakkan Melayu memusuhi orang Cina, atau Cina memusuhi orang India dan sebaliknya. Tetapi musuh rakyat Malaysia ialah ‘kemiskinan’.

Mereka yang berfikiran waras memahami bahawa ‘Kemiskinan’ yang menyebabkan berlakunya ketidak adilan sosial. Kes yang menyebabkan orang-orang Melayu di kampung tradisional di Batu Kikir, Negeri Sembilan menghadapi dilema bukanlah di eksplot oleh parti-parti pembangkang. Malah mereka juga tidak dimusuhi oleh masyarakat Cina.

Apa yang berlaku ialah berlakunya sikap tidak ada keadilan sosial yang dicetuskan oleh kerajaan sendiri. Siapakah yang menimbulkan kesulitan kepada masyarakat Melayu di Batu Kikir ini ? Adakah DAP yang selama ini dianggap sebagai tidak pernah berjuang untuk orang Melayu ? Buku ini sebagai satu bukti bahawa Liew Ah Kim bersama DAP tidak pernah menyulitkan masyarakat Melayu, tetapi sama-sama berjuang dengan semua masyarakat

Malaysia menuntut keadilan sosial dan menentang penindasan manusia kepada manusia.

- AMIR MACHMOOD  
Januari 1993  
Kuala Lumpur.

## 1 JANJI ANAK KAMPUNG

SUASANA ladang getah dengan kicau burung-burung setiap pagi dingin, atau kesepian malam yang kadangkala digangu getar cengkerik, sudah menjadi nyanyian hidupnya memulakan janji anak kampung apabila melangkah melanjutkan pelajaran ke Universiti Nanyang di Singapura tahun 1962. Di Universiti beliau terus mengasah bakat sebagai penyair yang amat dikenali oleh masyarakat Cina dengan nama penanya JIT LOON.

Sajak-sajaknya dalam bahasa Mandarin banyak mengungkapkan kehidupan masyarakat bawahan yang serba tidak bernasib baik. Beliau amat prihatin terhadap kesusahan golongan tidak bernasib baik ini seperti diungkapkan dalam beberapa buah sajaknya. Di antaranya termasuk sajak 'Cinta di Ladang Getah' yang meletakkan harapan penoreh-penoreh getah ketika daun-daun getah hijau subur dan berombak-ombak ditiup angin. Tetapi apabila daun-daun getah gugur kekuningan, seluruh perasaan penoreh-penoreh getah ikut gugur bersama daun-daun getah tersebut.

Jit Loon atau nama sebenarnya LIEW AH KIM, tidak menumpukan lagi pemikirannya ke bidang penulisan setelah berkecimpung lebih serius dalam bidang politik. Perjuangan membela golongan tidak bernasib baik sudah dibawa

kepada skop yang lebih luas melalui cita-cita politiknya. Kalau sebelumnya Liew Ah Kim hanya garang menyuarakan kritikan sosial melalui sajak-sajak dan prosa, tetapi selepas tahun 1969 suaranya lebih lantang membuat kritikan terhadap dasar-dasar kerajaan.

Dalam sajak-sajaknya Liew tidak sahaja mengkritik pemerintah, malah masyarakat bawahan juga. Dalam sebuah sajaknya Liew pernah menulis mengenai kemalangan jalanraya, apabila orang ramai datang berkumpul. Mereka tidak berikhtiar menyelamatkan mangsa kemalangan, tetapi berebut-rebut mencatatkan nombor kenderaan untuk tujuan membeli ‘empat nombor ekor’.

Sensitiviti Liew kepada alam keliling banyak membantunya dalam perjuangan politik apabila menyertai Parti Tindakan Demokratik (DAP) tahun 1966. Liew memilih DAP bukan disebabkan beliau graduan Universiti Nanyang yang ijazahnya tidak diiktiraf oleh kerajaan Malaysia tetapi beliau percaya kepada perjuangan *multiracial* yang diperjuangkan oleh DAP.

Dengan kemenangan Liew Ah Kim dalam pilihanraya umum 1986 di kawasan parlimen Seputeh, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjadikan beliau anak kampung yang menjadi wakil rakyat di tengah ibu kota. Masalah di kota tidak banyak berbeza dengan di desa, kerana musuh utama masyarakat ialah ‘kemiskinan’ bukannya perbezaan kaum.

Orang-orang Cina yang tinggal di kawasan setinggan mempunyai nasib yang sama dengan orang-orang Melayu atau India yang menjadi setinggan. Mereka tinggal di kawasan sesak yang terdedah kepada pelbagai kemungkinan termasuk kebakaran dan kesihatan yang tidak sempurna. Malah gangguan daripada penguasa Dewan Bandaraya (DBKL) juga sentiasa membimbangkan keluarga mereka.

Kawasan setinggan tidak akan mendapat khidmat DBKL bagi membersihkan perkampungan, hingga sampah sarap berselerak di merata tempat. Lalat dan nyamuk membiak dalam kawasan paya dan tempat membuang sampah yang tidak teratur. Semua ini menjadi cabaran kepada Liew anak kampung yang tiba-tiba menjadi wakil rakyat di tengah kota ini.

Dalam pilihanraya 1986 Liew Ah Kim mewakili DAP bertanding di kawasan parlimen Seputeh, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapat 36,782 undi, mengalahkan calon BN (MCA) David Chua Kok Tee yang hanya memperolehi undi sebanyak 15,789. Kemenangan besar yang beliau capai dalam pilihanraya itu merupakan sokongan moral terhadap DAP.

Ini disebabkan Ketua UMNO bahagian parlimen Seputeh ketika itu ialah Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri. Ghafar Baba dalam kempennya di Seputeh dalam pilihanraya itu telah menjanjikan penduduk-penduduk di Salak Selatan dengan pembinaan pasar baru sama ada BN menang ataupun kalah. Tetapi selepas

pilihanraya berakhir pasar baru yang dijanjikan di kawasan parlimen Seputeh masih tidak terlaksana, sekalipun pilihanraya 1990 sudah berlangsung.

Dengan 83.1 peratus pengundi Cina di kawasan parlimen Seputeh, membuktikan Liew mendapat sokongan besar masyarakat Cina. Sebagai penulis dan penyair Mahua memang ramai masyarakat Cina mengenali beliau. Liew melibatkan diri dalam bidang penulisan sejak di bangku sekolah lagi iaitu ketika berusia belasan tahun sewaktu menuntut di Chan Hwa High School, Jalan Temiang, Seremban (1956-1969).

Liew Ah Kim juga menggunakan beberapa nama pena selain daripada Jit Loon terutama di luar genre puisi. Di antara nama-nama penanya ialah ZER LING, TING LING YEN KER SA LING dan LAN SAN JUEN. Dengan samping menulis prosa, beliau juga menterjemahkan karya-karya sastera Melayu terutamanya genre cerpen ke dalam bahasa Mandarin.

Kebanyakan karya-karya sastera Melayu yang diterjemahkan oleh Liew disiarkan dalam akhbar **NANYANG SIANG PAU**. Beberapa buah cerpen karya Shahnon Ahmad, Usman Awang Dharmala N S, dan siri 'Pak Pandir Modern' yang ditulis oleh Allahyarham Pak Sako telah diterjemahkan ke bahasa Mandarin. Penglibatan Liew Ah Kim menterjemahkan karya-karya sastera Melayu ke bahasa Mandarin membolehkan pemikiran pengarang-pengarang Melayu

dapat dinikmati bersama oleh pembaca-pembaca Cina.

"Melalui sastera rasa persaudaraan rakyat Malaysia lebih terjalin," jelas Liew Ah Kim apabila menerangkan minat beliau menterjemahkan karya-karya sastera Melayu ke bahasa Mandarin. Beliau mahukan luahan perasaan masyarakat Melayu melalui sastera dapat difahami dengan lebih berkesan oleh masyarakat Cina dalam usaha memupuk perpaduan kebangsaan.

Cita-cita untuk melihat perpaduan rakyat Malaysia tidak digugat oleh rasa sentimen perkauman, Liew banyak menumpukan masa membuat terjemahan karya-karya sastera Melayu sekitar tahun 1970-an. Beliau juga kerap kali membawa masalah masyarakat Melayu ke Parlimen semenjak menjadi Ahli Parlimen. Di antaranya mengenai kes tanah **Puan Sepiah binti Maarif** yang diambil oleh kerajaan di Batu Kikir, Negeri Sembilan.

Liew telah membangkitkan di Parlimen isu penindasan ke atas keluarga Puan Sepiah apabila tanah mereka lot EMR 2233 di Bukit Perah, Batu Kikir diambil oleh kerajaan dengan pampasan RM3,000/- sahaja atas alasan untuk membina jalan Batu Kikir-Padang Lebar. Tanah seluas 2 ekar 3 rod 4 pool itu merupakan sebahagian daripada tanah Puan Sepiah yang telah diambil sebelum itu untuk membina bangunan sekolah.

Dalam kenyataan akhbarnya 25 April 1991 menyuarakan masalah masyarakat Melayu di kampung, Liew menegaskan :

"... Puan Sepiah sudah menyerahkan tanah getahnya lot 76 EMR 2178 seluas 0.200 ekar untuk membina Sekolah Kebangsaan Batu Kikir dengan menerima pampasan \$1,300/- sahaja.

Beberapa tahun kemudian, Puan Sepiah juga menyerahkan lagi tanah getah sebagai sumber rezekinya dari sebahagian lot seluas 2 ekar 3 rod 4 pool untuk bangunan tambahan Sekolah Kebangsaan Batu Kikir.

Pengorbanan yang beliau tunjukkan beberapa tahun lalu membuktikan Puan Sepiah tidak pernah menentang pembangunan demi kepentingan masyarakat tempatan.

Puan Sepiah kecewa apabila rayuannya kepada pihak pejabat tanah di sini tidak diberi perhatian, setelah tapak rumahnya di lot 1189 EMR 2233 akan diambil untuk projek jalan Batu Kikir-Padang Lebar ..." Tidak ada apa-apa kepentingan politik bag

Liew Ah Kim apabila membangkitkan isu berkenaan, kerana Batu Kikir terletak di kawasan Parlimen Jempol yang diwakili oleh Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Pembangunan Koperasi. Bagaimanapun Liew secara simbolik menyindir kenapa masalah tanah orang Melayu berlaku di kawasan parlimen timbalan mente-

yang berikrar mahu melindungi tanah orang-orang Melayu.

"Musuh rakyat Malaysia ialah kemiskinan," tegas Liew Ah Kim kalau di tanyakan isu perpaduan nasional kepadanya. "Kita tidak boleh mencapai matlamat perpaduan nasional kalau orang-orang Melayu, Cina dan India tidak bersatu menentang musuh utama mereka iaitu kemiskinan," beliau memberitahu mengenai cita-cita politik jangka panjangnya.

Alasan beliau amat jelas iaitu orang-orang Melayu tidak wajar memusuhi orang-orang Cina dan India, begitu juga orang-orang Cina musuh mereka bukan orang Melayu atau orang India, malah orang-orang India juga tidak perlu memusuhi orang Melayu dan orang Cina. Mereka perlu memusuhi kemiskinan yang menyebabkan rakyat Malaysia sentiasa bimbang akan masa hadapan anak cucu mereka.

Bukan semua orang-orang Cina mewah dengan kekayaan, kecuali segelintir orang yang mempunyai hubungan rapat dengan kerajaan melalui MCA atau Parti Gerakan. Ramai orang-orang Cina di tengah bandaraya Kuala Lumpur menjadi penjaja kecil, pemandu teksi, tukang gunting rambut, penjual mee, penjual aiskrim dan lain-lain yang mempunyai pendapatan kecil. Sebahagian lagi tinggal di kawasan setinggan dengan berkebun sayur atau menjadi tukang kayu untuk menyara keluarga.

Orang-orang Cina yang tinggal di kampung-kampung baru juga masih belum mendapat

pembelaan sepenuhnya. Masalah yang sama juga dihadapi oleh orang-orang Melayu yang menjadi petani dan nelayan di kampung-kampung, atau orang-orang India di ladang-ladang getah. Kemiskinan yang menyebabkan mereka tidak berasas baik apabila bersaing dalam usaha mencari peluang.

"Ini hakikat sebenar yang dihadapi oleh semua rakyat Malaysia tidak mengira agama, warna kulit dan kebudayaan," tegas Liew Ah Kim apabila memilih wadah politiknya melalui DAP. Arah politik yang dibawa oleh DAP ialah sebuah masyarakat Malaysia yang adil, di mana setiap rakyat berhak menikmati hasil kekayaan negara dengan tidak menghadapi diskriminasi kaum.

## PILIHANRAYA UMUM 1969

Fizikalnya yang kurus disebabkan Liew Ah Kim pernah jatuh sakit ketika masih menuntut di Universiti Nanyang, Singapura 1964. Sakit yang dialaminya hampir menjelaskan kesihatan dirinya hingga terlantar kira-kira dua tahun. Bagaimanapun setelah sembuh Liew berkhidmat di Ladang Bukit Bertam, Linggi di Negeri Sembilan. Ketika berkhidmat sebagai kerani di ladang berkenaan tahun 1966 beliau berkawancara rapat dengan salah seorang pemimpin DAP Negeri Sembilan Sdra Toh Leong Huat.

Toh Leong Huat ialah pengurus di Ladang Bukit Bertam ketika itu. Persahabatan dengan Toh inilah mendorong Liew membabitkan diri dalam perjuangan politik, sekalipun sebelumnya beliau lebih berminat dalam bidang penulisan. Sewaktu perjumpaan bakal calon-calon DAP dalam pilihanraya umum 1969 diadakan di Seremban, saya mengiringkan ayah saya yang dipilih menjadi calon DAP di Negeri Sembilan.

Hampir saya keliru sewaktu Liew sampai bersama Toh Leong Huat, disebabkan mereka berdua terlewat tiba dalam perjumpaan berkenaan. Pada mulanya saya menjangka Toh Leong Huat menjadi calon disebabkan fizikalnya yang segak, malah wajahnya juga mirip Lee Siok Yew (Tan Sri, bekas Timbalan Presiden MCA dan Menteri Kesihatan). Dengan keadaan fizikalnya memang siapapun tidak menjangka Liew Ah Kim salah seorang bakal calon DAP ketika itu.

Sewaktu dipilih menjadi calon DAP dalam pilihanraya umum 1969 di kawasan Dewan Undangan Negeri Sembilan, Sungai Ujong, beliau baru berusia 31 tahun.

Liew dilahirkan di Ladang Labu, Seremban pada 1 Jun 1938. Ayahnya LIEW CHOO dan emaknya TOO MOI menjadi penoreh getah ketika berhijrah dari negeri China. Liew memulakan alam persekolahan dengan memasuki Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C), Kampung Baru Labu Batu 8. Oleh itu kehidupan awalnya memang terdidik dalam kemiskinan yang menjadi musuh utama rakyat Malaysia itu.

Akibat kemiskinan keluarganya meneroka tanah, kemudian berpindah ke kampung baru ketika darurat memuncak tahun 1950-an. Ketika umurnya 20 tahun, Liew berpindah pula ke Ladang Brawall, Siliau di Rantau. Ini bermakna beliau dibesarkan dalam suasana yang di kelilingi oleh kehidupan di ladang. Malah beliau banyak menulis mengenai kehidupan masyarakat ladang menerusi karya-karya sasteranya.

Kemiskinan juga menyebabkan Liew terpaksa berhenti sekolah setelah menamatkan pengajian di Chan Hwa High School, Jalan Temiang Seremban dalam tahun 1959, dan terus berkhidmat menjadi guru. Sebelum itu di antara tahun 1953 hingga 1956 beliau memasuki Chin Hwa (Junior Middle) School, Jalan Temple Seremban bagi memulakan persekolahan peringkat menengahnya.

Liew tidak lama berkhidmat menjadi guru dan mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), Gemencheh di Gemas. Selama satu tahun berkhidmat sebagai guru, beliau berpindah ke Kuala Lumpur berkhidmat dengan sebuah penerbitan untuk meneruska cita-citanya sebagai penulis dan penyair, dalam tahun 1961. Setelah berjaya memasuki universiti dalam tahun 1962, beliau mengambil keputusan meletakkan jawatan di syarikat penerbitan berkenaan.

Semasa berkahwin dalam tahun 1964, Liew masih lagi menuntut di Universiti Nanyang. Dikatakan sebabkan menderita sakit dalam tahun 1966, Liew tidak banyak menyumbangkan karyanya

dalam kesusasteraan Mahua di Malaysia. Suara garangnya memperjuangkan masyarakat bawahan seolah-olah terjejas akibat terlantar sakit, hingga fizikalnya juga ikut memberi kesan.

Sebab itulah hampir saya tidak percaya beliau merupakan salah seorang calon DAP dalam pilihanraya 1969, apabila buat pertama kali bertemu beliau menghadiri perjumpaan bakal-bakal calon DAP bagi menghadapi pilihanraya umum 1969. Liew pula diletakkan bertanding di Dewan Undangan Negeri kawasan Sungai Ujong yang terletak di bawah kawasan Parlimen Seremban Timur (sekarang Seremban).

DAP meletakkan 16 calon bertanding untuk DUN dan 3 bagi kerusi Parlimen, di Negeri Sembilan. Parlimen Seremban Timur calonnya Penggerusi Kebangsaan DAP Dr Chen Man Hin, dengan 3 kerusi DUN termasuk Rahang, Sungai Ujong dan Rantau. Sebelum ini kedudukan kerusi DUN di dalam sesuatu kawasan Parlimen tidak menentu.

Terdapat 6 kerusi Parlimen dengan 24 kerusi DUN di Negeri Sembilan semasa pilihanraya umum 1969. Susunan kerusi yang tidak menentu itu ialah:

**Kawasan Parlimen**

1. Jelebu-Jempol

**Kawasan Dewan Undangan Negeri**

- i) Kuala Klawang
- ii) Pertang
- iii) Bahau
- iv) Jempol
- v) Rompin

- |                   |   |
|-------------------|---|
| 2. Kuala Pilah    | i) Pilah<br>ii) Seri Menanti<br>iii) Ulu Muar<br>iv) Johol              |
| 3. Rembau-Tampin  | i) Kota<br>ii) Tampin<br>iii) Terentang<br>iv) Gemas                    |
| 4. Seremban Timur | i) Rahang<br>ii) Sungai Ujong<br>iii) Rantau                            |
| 5. Seremban Barat | i) Bukit Nanas<br>ii) Labu<br>iii) Lenggeng                             |
| 6. Port Dickson   | i) Linggi<br>ii) Pasir Panjang<br>iii) Si Rusa<br>iv) Lukut<br>v) Jimah |

Pecahan yang tidak menentu itu ialah kawasan Parlimen Jelebu-Jempol dan kawasan Parlimen Port Dickson mendapat 5 kerusi DUN, kawasan Parlimen Kuala Pilah dan kawasan Parlimen Rembau-Tampin mendapat 4 kerusi DUN, manakala kawasan Parlimen Seremban Timur dan kawasan Parlimen Seremban Barat pula hanya 3 kerusi DUN.

Dalam pilihanraya umum 1969 ini DAP menyapu bersih semua kerusi DUN di kawasan Parlimen Port Dickson (sekarang Teluk

Kemang), dan memenangi 3 kerusi Parlimen daripada jumlah 6 kerusi ke semuanya. Dalam kejayaan gemilang DAP dalam pilihanraya pada 10 Mei 1969 itulah, Liew Ah Kim menang bagi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Sungai Ujong.

Malangnya, selepas berakhir pilihanraya telah tercetus rusuhan kaum di Kuala Lumpur pada 13 Mei 1969. Wakil-wakil rakyat yang dipilih tidak dapat bersuara apabila kerajaan mengisytiharkan darurat dengan meletakkan pemerintahan MAGERAN (Majlis Gerakan Rakyat), yang dibentuk tidak mengikut peraturan sistem demokrasi.

Dengan penggantungan kuasa Parlimen oleh kerajaan Perikatan (UMNO-MCA-MIC), Ahli-ahli Perlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri juga tidak berfungsi. Liew Ah Kim yang terpilih menjadi ADUN di Negeri Sembilan, terpaksa menumpukan khidmatnya di Ladang Bertam, disebabkan semua kegiatan politik ikut diharamkan.

MAGERAN yang dibentuk bagi mengekal-kan kuasa Parti Perikatan, berjaya menekan kerajaan negeri di Pulau Pinang yang dikuasai oleh Parti Gerakan yang memenangi pilihanraya umum itu bagi negeri Pulau Pinang, dengan sokongan DAP setelah parti-parti pembangkang mencapai persefahaman. Parti Gerakan tidak mempunyai pilihan untuk mengekalkan kuasanya di Pulau Pinang hanya dengan mengadakan kerajaan campuran dengan UMNO.

Semua taktik kotor Parti Perikatan (UMNO-MCA-MIC) setelah mengalami kekalahan besar dalam pilihanraya 1969, dapat menarik beberapa orang wakil rakyat pembangkang melompat menyertai kerajaan bagi mengukuhkan kedudukan parti pemerintah. Setelah kedudukannya kuat barulah Parti Perikatan bersetuju memansuhkan MAGERAN, untuk memulihkan demokrasi berparlimen.

Peraturan baru dibuat setelah Parlimen dipulihkan dalam bulan Januari 1970, iaitu perbahasan tidak lagi dibenarkan menggunakan bahasa Inggeris. Semua urusan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri diwajibkan dalam bahasa Malaysia. Taktik ini adalah usaha kerajaan menyekat suara parti-parti pembangkang, kerana kebanyakan wakil rakyat pembangkang tidak dapat menguasai penggunaan bahasa Malaysia ketika itu.

Bagi menghadapi cabaran ini Dr Chen Man Hin yang memimpin DAP di Negeri Sembilan telah mempelawa saya mengajar bahasa Malaysia kepada semua ADUN parti di Negeri Sembilan. DAP memenangi 8 kerusi DUN dan 3 kerusi Parlimen di Negeri Sembilan ketika itu. Mereka yang memenangi kerusi Parlimen ialah:

1. Dr Chen Man Hin (Parlimen Seremban Timur)
2. Dr S Seevaratnam (Parlimen Seremban Barat)
3. Dr A Soorian (Parlimen Port Dickson)

• Sementara 8 kerusi DUN yang dimenangi oleh DAP di Negeri Sembilan dalam pilihanraya umum 1969 itu:

1. Dr Chen Man Hin (ADUN Rahang)
2. Dr S Seevaratnam (ADUN Bukit Nanas)
3. Dr A Soorian (ADUN Linggi)
4. Liew Ah Kim (ADUN Sungai Ujong)
5. Haji Hassan bin (ADUN Si Rusa)  
Haji Ahmad
6. Chin Chan Sung (ADUN Lukut)
7. Oh Keng Seng (ADUN Jimah)
8. Lee Geok Shean (ADUN Pasir Panjang)

Bagaimanapun hanya 5 orang sahaja ADUN yang mengikuti kelas bimbingan belajar bahasa Malaysia itu, iaitu Dr Seevaratnam, Lee Geok Shean, Oh Keng Seng, Chin Chan Sung dan Liew Ah Kim sendiri. Dr Seevaratnam hanya beberapa kali sahaja menghadiri kelas dan kemudian mengalah atas alasan umur beliau sudah menjangkau 56 tahun, terlalu sukar mahu mengikuti kelas berkenaan. Sementara Chin Chan Sung pula tidak pernah datang disebabkan beliau tinggal di Lukut.

• Disebabkan Liew Ah Kim tidak pernah meninggalkan kelas bimbingan itu, menjadikan hubungan beliau dengan saya begitu akrab. Beliau tekun mengikuti kelas bimbingan bahasa Malaysia ini untuk membolehkannya berbahas dengan lancar apabila Dewan Undangan Negeri bersidang. Sikap tekun Liew Ah Kim mahu memperbaiki bahasa Malaysia menjadikan beliau cepat memahami perbahasan dalam bahasa

Malaysia, sekalipun apabila berucap sebutannya tidaklah begitu baik.

Bagaimanapun kelas bimbingan bahasa Malaysia itu tidak terhad kepada ADUN parti sahaja, tetapi beberapa orang ahli DAP seperti Lim Cheng Hoe dan A Sabaratnam ikut sama. Kelas bimbingan tersebut tidak berjalan lama disebabkan masing-masing sibuk dengan urusan, di samping Dewan Undangan Negeri Sembilan sudah mula bersidang.

Liew Ah Kim tetap mengambil bahagian dalam perbahasan, sekalipun sebutan bahasa Malaysianya tidak sempurna. Ketika ini ADUN daripada Parti Perikatan menerima baik kelemahan ADUN DAP menggunakan bahasa Malaysia. Dewan Undangan Negeri Sembilan yang dipimpin oleh Menteri Besar baru Encik Mansor Othman (sekarang Datuk) tidak pernah mengejek-ejek ADUN DAP sekiranya sebutan mereka menggunakan bahasa Malaysia kurang tepat.

Sepanjang Dewan bersidang buat pertama kali selepas peristiwa 13 Mei, kerajaan dan pembangkang sama-sama membuat jemputan mengadakan makan tengah hari. Sikap Dr Chen Man Hin yang memimpin DAP di DUN Negeri Sembilan begitu prihatin terhadap masalah rakyat, amat dihormati oleh Menteri Besar Encik Mansor Othman.

Beberapa kali pula Mansor Othman memuji--muji ucapan Liew Ah Kim, sekalipun kerapkali juga mereka bertegang ketika berbahas. Satu

ketika seorang ADUN daripada UMNO Datuk Aminuddin Manaf (Pertang) secara lantang membidas Liew kerana menggunakan bahasa yang berunsur sastera, katanya:

"Dalam Dewan ini lebih baik gunakan bahasa yang berterus terang dan mudah difahami, kenapa gunakan bahasa yang bersastera sasteri?".

Tetapi Menteri Besar, Mansor Othman pula menggemari bahasa yang digunakan oleh Liew Ah Kim sewaktu mengambil bahagian dalam perbahasan. Mansor Othman dalam keadaan tegang membidas DAP, Beliau sempat tersenyum memberitahu: Saya suka sama Ah Kim (maksudnya menyukai ucapan Liew Ah Kim).

## APA KHABAR YB

Tugas menjadi ADUN bukanlah mempunyai elaon yang besar ketika itu. Seorang ADUN mendapat elaon \$500.00, manakala Ahli Parlimen ialah \$750.00. Liew Ah Kim tidak meletakkan jawatannya di Ladang Bukit Bertam apabila menjadi ADUN Sungai Ujong. Oleh itu beliau terpaksa berulang alik dari Ladang Bukit Bertam ke Seremban kira-kira 40 kilometer untuk memberikan khidmat kepada pengundi-pengundinya.

Setelah pucuk pimpinan DAP di Negeri Sembilan disusun semula tahun 1970, Liew Ah Kim dipilih menjadi setiausaha. Beliau mene-tapkan hari Selasa dan Khamis berkhidmat di

pejabat parti yang terletak di 29 A, Jalan Wilkinson, Seremban, disamping memberikan khidmat kepada pengundi-pengundi di kawasan Sungai Ujong. Pengurus DAP Negeri Sembilan Oon Khor Hong, tidak bertanding dalam pilihanraya umum,

Oon Khor Hong, mahukan setiap Ahli Parlimen dan ADUN mempunyai jadual bagi menemui pengundi-pengundi. Apabila beliau berpindah ke Kuala Lumpur jawatan pengurus diambil alih oleh Dr S Sevaratnam, dan Liew Ah Kim kekal memegang jawatan setiausaha.

Dengan keputusan Parlimen meluluskan kenaikan elan wakil rakyat, Liew juga menikmati kenaikan elan ADUN kepada \$750.00 sebulan. Sehingga tahun 1974, Liew masih menetap di Ladang Bukit Bertam. Beliau akan datang ke Seremban setiap Selasa dan Khamis. Kadangkala jam 12 tengah malam barulah Liew balik ke Ladang Bukit Bertam di Linggi.

Sepanjang menjadi ADUN bagi penggal 1969-1974, banyak insiden yang menjadi kenangan kepada Liew. Fizikalnya yang kurus di samping pakaianya yang *simple* menjadikan beliau tidak dikenali oleh pagawai-pegawai kerajaan, apabila beliau berurusan dengan jabatan-jabatan kerajaan. Satu ketika beliau telah membawa satu kes lelaki tua yang mahu dimasukkan ke rumah kebajikan orang-orang tua di Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Liew ke jabatan berkenaan bersama Fong Lee Chien, setiausaha (pembantu politik) kepada

Dr Chen Man Hin dengan membawa lelaki tua berkenaan. Fong berjalan di hadapan terus masuk ke bilik pegawai tersebut, sementara Liew berjalan beriringan dengan lelaki tua itu.

"Ini orangkah mahu masuk itu rumah kebajikan ?" pegawai kebajikan itu bertanya kepada Fong sebaik sahaja Liew Ah Kim masuk ke bilik dengan menunjuk ke arah beliau.

"Bukan, dia YB Liew Ah Kim," beritahu Fong Lee Chien tersenyum disebabkan pegawai berkenaan terkeliru kerana menyangka Liew Ah Kim lelaki tua yang memohon mahu dimasukkan ke rumah kebajikan orang-orang tua.

Beliau juga pernah dijerkah oleh Penolong Pegawai Daerah Seremban, apabila menemui pegawai itu mengenai kes menanam tebu di atas sebidang tanah kerajaan. Tetapi pegawai berkenaan cepat-cepat meminta maaf setelah menyedari Liew Ah Kim seorang ADUN yang menjalankan tugasnya. Sikap berpakaian sederhana ini kekal hingga sekarang kepada Liew, sehingga orang ramai tidak menyangka beliau seorang wakil rakyat.

Pemikiran politik Liew Ah Kim hanya mempastikan kerajaan tidak boleh melakukan sebarang penyelewengan dalam membelanjakan wang rakyat. Beliau menyertai DAP bagi menjadi '*watchdog*' supaya kerajaan sentiasa berlaku adil kepada semua rakyat dengan tidak mengira kaum, keturunan, kepercayaan dan warna kulit. Beliau akan menjadi pengkritik yang positif

terhadap tindakan-tindakan kerajaan yang merugikan rakyat dan negara.

Ketika berucap di Dewan Rakyat pada 27 Jun 1991 membahaskan akta Kelab Lumba Kuda, Liew menegaskan:

"... Tidak hairanlah di mana-mana pun di dunia ini 'raja judi' akan hidup mewah. Hanya kaki-kaki judi menjadi mangsa dan krisis moral di kalangan masyarakat berterusan.

Sepatutnya kita berbangga apabila Kelab Lumba Kuda di Jalan Ampang akan ditutup, dan tapaknya digunakan untuk taman rekreasi yang boleh memberi manfaat kepada rakyat.

Pelancong-pelancong luar juga boleh membawa kenangan manis apabila balik ke negara mereka sekiranya taman rekreasi (atau 'park' dengan izin) dibina di tapak Kelab Lumba Kuda di Jalan Ampang sekarang. Sudah tentu tidak ada apa-apa yang dapat dibanggakan dengan Kelab Lumba Kuda itu kepada para pelancong.

Di Britain terdapat banyak taman rekreasi yang boleh dikunjungi di bandar-bandar. Pelancong-pelancong luar datang ke Britain tidak akan melepaskan peluang berkunjung ke taman-taman rekreasi ini. Kalau kita menjadi pelancong juga, sudah tentu kita akan memilih tempat yang

dikunjungi ialah taman rekreasi dan bukannya Kelab Lumba Kuda ..."

Kritikan Liew terhadap akta Kelab Lumba Kuda di Parlimen, menunjukkan beliau tidak menentang kerajaan kerana ianya parti politik UMNO, MCA, MIC atau Parti Gerakan. Tetapi langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan boleh merugikan rakyat dan negara. Sebab itulah Liew mempunyai pendirian bahawa rakyat tidak perlu bimbang menjadi anti-kerajaan, tetapi mestilah tidak bersikap anti-Malaysia.

Beberapa kali juga Liew menyuarakan pembelaan terhadap akhbar dan media-massa di Parlimen seperti ditegaskan dalam ucapannya pada 27 Jun 1991 ketika membahaskan akta Kelab Lumba Kuda itu. Dalam Ucapannya Liew membela kebebasan akhbar dengan menegaskan:

"... Tidak lama dulu ada menteri kabinet mahu menyaman akhbar kerana melaporkan satu tabung Yayasan Gerak Bakti yang diselenggaraknya mendapat derma RM250 ribu daripada taukeh judi. Akhbar tersebut terpaksa meminta maaf bukan disebabkan mereka salah lapor, tetapi atas sebab-sebab tiada pilihan lain. Menteri itu sendiri mengakui memang tabung yang dikendalikannya ketika itu menerima sumbangan derma daripada taukeh judi, bukannya 'duit judi' dan jumlahnya sebenar RM250 ribu dan bukannya RM500 ribu seperti yang dilaporkan oleh akhbar berkenaan.

**Isu sebenarnya ialah menteri berkenaan ada menerima sumbangan derma hasil perjudian. Tidak timbul soal teknikal ‘duit judi’ atau ‘taukeh judi’ dan jumlahnya RM250 ribu atau RM500 ribu. Oleh itu amat jelas akhbar itu terpaksa meminta maaf kepadanya atas sebab-sebab tiada pilihan, dan bukannya membuat laporan fitnah.**

**Pendedahan akhbar mengenai sumbangan derma hasil perjudian yang diterima oleh menteri dan parti politik menjadi satu kesalahan. Tetapi membina kawasan perjudian dengan lebih hebat tidak pula menjadi kesalahan, malah dianggap sebagai pembangunan yang sesuai dengan Wawasan 2020 Perdana Menteri ...”**

Pilihanraya umum 1969 memulakan langkah pertama Liew Ah Kim menjadi wakil rakyat dalam sistem demokrasi berparlimen di negara ini. Di kalangan masyarakat Cina beliau lebih dikenali sebagai Liew Kim Wah, sehingga pernah menimbulkan masalah ketika beliau memberi sokongan kepada satu permohonan meminta pasport antarabangsa di pejabat imigresen di Seremban.

Sekitar tahun 1970-an permohonan bagi mendapatkan pasport antarabangsa atau pasport terhad memerlukan sokongan pemimpin-pemimpin masyarakat atau pegawai-pegawai tinggi kerajaan. Oleh itu Liew Ah Kim telah menyokong satu permohonan dengan memberi

pengakuan mengenali pemohon lebih daripada tiga tahun. Apabila disoal oleh pegawai imigresen sama ada pemohon itu kenal atau tidak Liew Ah Kim, pemohon berkenaan lantas memberitahu tidak kenal.

Setelah pegawai berkenaan menghubungi Liew Ah Kim, memanglah pemohon tersebut tidak mengenalinya. Bagi penduduk-penduduk di Seremban beliau dikenali dengan panggilan 'Liew Kim Wah'. Inilah sebahagian daripada detik-detik terawal Liew Ah Kim memulakan kerjaya politiknya sebagai seorang wakil rakyat yang mewakili parti pembangkang.

## 2 CABARAN GETIR

MENJELANG pilihanraya 1974, DAP menghadapi pelbagai tekanan daripada kerajaan. Beberapa buah parti pembangkang seperti Parti Gerakan, PAS dan Parti Progresif Rakyat (PPP) telah menyertai kerajaan campuran dan membentuk Barisan Nasional (BN) bersama UMNO, MCA dan MIC. Hanya DAP sahaja kekal menjadi pembangkang untuk menjalankan peranan sebagai 'watchdog'.

Di Negeri Sembilan, kerja-kerja parti banyak diserahkan kepada Liew selaku setiausaha. Ketika Goh Hock Guan dan Dr A Soorian dua orang Ahli Parlimen DAP dipecat daripada parti, Seremban telah dipilih menjadi tempat diadakan kongres khas bagi mendapatkan mandat daripada ahli-ahli parti. Liew Ah Kim dengan sokongan CEC (Jawatankuasa Kerja Pusat) menyusun kongres itu diadakan di rumah Dr Chen Man Hin di No 8 Jalan Swettenham, Seremban.

Semasa kongres khas berlangsung secara tertutup, beberapa orang penyokong Goh Hock Guan mengadakan tunjuk perasaan di luar kawasan rumah Dr Chen. Dalam kongres tersebut ahli-ahli parti memberi mandat kepada CEC memecat Goh Hock Guan, Dr Soorian, Walter Loh dan Richard Ho. Sekalipun pahit untuk diterima, tetapi DAP terpaksa memecat

empat orang Ahli Parlimen itu bagi memelihara perpaduan parti.

Seminggu sebelum CEC mengambil keputusan untuk memecat empat orang Ahli Parlimen itu, Dr Chen berbual dengan saya mengenai langkah parti yang amat menyulitkan itu. Dalam keadaan sugul Dr Chen menjelaskan kepada saya:

"Hal dalam parti sama macam penyakit, kalau sakit sangat bahaya kita mesti potong tidak kira tangan atau kaki. Kita tak boleh simpan penyakit yang boleh bahayakan diri kita."

Apabila saya memberitahu Liew mengenai perbualan dengan Dr Chen, beliau agak kecewa. Goh Hock Guan merupakan bekas Setiausaha Agung selepas C V Devan Nair meletakkan jawatan sebelum pilihanraya 1969. Beliau melepaskan jawatan Setiausaha Agung selepas tercetusnya peristiwa 13 Mei, dan Lim Kit Siang ketika itu Setiausaha Organisasi ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Dalam pilihanraya 1969, Goh Hock Guan menang di kawasan Parlimen Bangsar, sementara rakan-rakannya Dr Soorian di Port Dickson, Walter Loh di Setapak dan Richard Ho di Lumut. Walter Loh dan Richard Ho kemudian menyertai MCA, dan Goh Hock Guan menyertai Parti Gerakan.

Peristiwa yang berlaku dalam pergolakan awal selepas pilihanraya 1969 ini memang memberi kesan juga kepada DAP. Berikutnya dengan krisis Dr Soorian, Ahli Parlimen Port

Dickson, Liew sebagai setiausaha DAP Negeri Sembilan terpaksa meredakan suasana di Negeri Sembilan. Beberapa siri ceramah politik dan rapat umum diadakan (ketika ini rapat umum dibenarkan oleh kerajaan).

Di kalangan ahli-ahli parti memang Liew Ah Kim tidaklah popular, disebabkan beliau sentiasa dibayangi oleh tokoh-tokoh di peringkat pusat seperti Dr Chen Man Hin, Dr Seevaratnam dan Chin Chan Sung. Apa lagi sikapnya yang lemah lembut dan tidak banyak gimmik politik. Oleh itu setiap kali rapat umum diadakan Liew tidaklah berapa menonjol.

Sebelum Dr Soorian dipecat daripada DAP, rungutan di kalangan pengundi-pengundi di Port Dickson sudah semakin ketara. Ejekan yang digunakan oleh Dr Soorian sebagai kempen dalam rapat-rapat umum pilihanraya 1969 iaitu: *Undi mari Mahima Singh (calon Parti Perikatan/MIC) mari, undi habis Mahima Singh lari*, telah digunakan pula oleh pengundi-pengundi bagi mengejek Dr Soorian. Ketika rapat umum diadakan di pekan Port Dickson tidak lama selepas perhimpunan politik dibenarkan dengan pemulihian parlimen akibat 13 Mei, sambutan orang ramai tidak menggalakkan.

Tidak seperti rapat-rapat umum yang diadakan di bandar Seremban. Setelah parlimen dipulihkan selepas peristiwa 13 Mei itu, DAP Negeri Sembilan mengatur siri rapat umum di seluruh negeri. Hanya dua orang sahaja ADUN yang mengambil inisiatif untuk bergerak cergas

iaitu Liew Ah Kim (setiausaha) dan Oh Keng Seng (setiausaha organisasi DAP Negeri Sembilan). Oh Keng Seng juga menjadi setiausaha DAP Seremban.

Dr Chen dan Dr Seevaratnam lebih menumpukan kegiatan di peringkat pusat kerana mereka merupakan Pengurus dan Bendahari Kebangsaan. Lee Geok Shean, ADUN Pasir Panjang sibuk dengan perniagaan, sekalipun beliau melantik seorang pembantu politik (setiausaha) bagi menguruskan kerja-kerja di kawasan pilihanranya. Sementara Chin Chan Sung ADUN Lukut dan Haji Hassan Haji Ahmad ADUN Si Rusa, banyak menghadapi masalah peribadi sehingga meninggalkan aktiviti parti.

Semasa diadakan satu seminar di Port Dickson berikutan dengan tuduhan MCA berlakunya '*secret talk*' tahun 1971, empat orang ADUN berkenaan tidak kelihatan di seminar tersebut. Rungutan pengundi-pengundi terhadap prestasi khidmat mereka, terpaksa menjadi beban kepada DAP Negeri Sembilan yang dipimpin oleh Oon Khoor Hong, pengurus dan Liew Ah Kim, setiausaha.

Dalam pilihanraya kecil Parlimen Rembau-Tampin berikutan kematian Ahli Parlimen UMNO (Dr Sulaiman Atas) tahun 1972, Oh Keng Seng dipilih menjadi pengarah pilihanraya. Sewaktu pilihanraya kecil itu berlangsung, Liew Ah Kim pula menghadapi masalah peribadi. Tetapi beliau tetap ikut sama berkempen

membantu calon DAP Haji Mohd Shariff Haji Harun.

DAP Negeri Sembilan terus menerima cabaran getir, apabila Oh Keng Seng selepas pilihanraya kecil itu ditangkap di bawah Akta Hasutan. Sebelum itu Timbalan Setiausaha Agung, Fan Yew Teng didakwa di bawah Akta Hasutan kerana menyiaran teks ucapan Pengurus DAP Pulau Pinang Dr Ooi di dalam lidah rasmi parti 'The Rocket'. Oh Keng Seng dituduh membuat ucapan yang menghasut ketika berkempen dalam rapat umum di pekan Tampin semasa pilihanraya kecil itu berlangsung.

Dalam kepimpinan DAP Negeri Sembilan, Liew Ah Kim memang tidak agresif seperti Oh Keng Seng. Beliau lebih banyak bertindak mengikut nasihat Dr Chen Man Hin, daripada terburu-buru dalam mengambil sebarang keputusan. Sikapnya menghormati pemimpin dalam sebarang langkah berhubung dengan parti, menyebabkan beliau sentiasa berunding apabila menghadapi apa sahaja isu.

ADUN-ADUN daripada UMNO di Dewan Undangan Negeri Sembilan juga amat menghormati beliau. Sewaktu berihat minum petang setiap kali Dewan bersidang, Liew akan berbual-bual dengan beberapa orang ADUN UMNO seperti Dahlan Aman (Kota), Haji Khatib Mohd Noor (Jempol), Puan Safiah Talib (Johol) dan Taha Talib (Tampin). Malah sekali sekala Dato' Mansor Othman (Menteri Besar) dan Dato' Idris

Mat Sil (Speaker) juga akan berbual-bual sama, sekiranya mereka keluar dari bilik VIP.

Hubungan baik ADUN-ADUN pembangkang dan kerajaan di Dewan Negeri ini adalah disebabkan Menteri Besar Dato' Mansor Othman dan ketua pembangkang Dr Chen Man Hin saling menghormati di antara satu sama lain. Malah beberapa usul yang memberi kepentingan kepada rakyat diluluskan dengan mendapat sokongan daripada DAP.

Begaimanpun Ahmad Manaf (ADUN UMNO - Labu) tidak menyenangi ADUN daripada DAP dalam setiap kali perbahasan diadakan. Malah beliau pernah menyifatkan Dato' Mansor sebagai Menteri Besar Kuala Pilah, disebabkan pembangunan banyak disalurkan ke daerah Kuala Pilah. Tetapi Liew Ah Kim pula beberapa kali memuji Dato' Mansur sebagai Menteri Besar yang kuat bekerja.

"Menteri Besar seorang sahaja bekerja kuat tidak mencukupi, kita mahu semua orang mesti kuat bekerja seperti Menteri Besar, "Liew Ah Kim pernah berucap di Dewan Undangan Negeri apabila mengkritik pembangunan yang lebap disebabkan kerentak birokrasi dalam pentadbiran. Memang Liew Ah Kim tidak senang dengan birokrasi yang menyebabkan rakyat merasa terpisah apabila membuat perhubungan dengan jabatan-jabatan kerajaan.

Setelah menjadi Ahli Parlimen pun Liew tetap mengkritik kerentak birokrasi di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang mengha-

lang rakyat berurusan dengan pegawai-pegawai. Dalam kenyataan akhbarnya pada 6 April 1991, Liew pernah menegaskan:

"Pegawai-pegawai kerajaan tidak wajar menganggap jawatan mereka sebagai hobi, tetapi mesti ada semangat tanggung-jawab terhadap masalah dan kesulitan orang ramai.

Apabila kes yang dibawa kepada UDA dirujuk kepada DBKL, demikian juga sebaliknya, tentu meletakkan rakyat dalam keadaan serba salah menentukan agensi mana yang boleh membantu mereka.

Kalau agensi-agensi ini tidak mahu bertanggungjawab menyelesaikan masalah mereka, kepada siapa pula mereka harus meminta pertimbangan ?".

Sebelum itu Liew telah menulis surat kepada Pengurus UDA, Puan Siti Zainab Syeikh Abu Bakar membuat bantahan atas sikap angkuh seorang pegawai UDA apabila beliau menge-mukakan kes seorang penduduk di kawasan Parlimen Bukit Bintang. Pegawai berkenaan memberitahu kes yang terbabit itu di dalam kawasan Parlimen Bukit Bintang, sedangkan beliau adalah Ahli Parlimen Seputeh.

Ini menunjukkan tahap pemikiran pegawai kerajaan yang cuba mengelak daripada tanggung-jawab. Seorang Ahli Parlimen bukan sebagai pegawai kerajaan yang hanya mahu menyelesaikan masalah di dalam kawasan mereka bertugas, tetapi beliau adalah Ahli Parlimen Malaysia yang

memberi khidmat kepada sesiapa sahaja rakyat Malaysia apabila mereka memerlukan bantuan khidmat. Liew Ah Kim tetap memberikan khidmat kepada sesiapa sahaja yang menemui beliau, tidak mengira di luar dari kawasan parlimen Seputeh.

Seperti diberitahu oleh pembantu politiknya (setiausaha), John Ho Sow San, dalam menjalankan perkhidmatannya Liew Ah Kim akan segera datang ke pejabat apabila dihubungi di rumahnya di Taman Gembira Ketika banjir kilat berlaku di Jalan Chan Sow Lin tahun 1992, Liew Ah Kim terpaksa menunggu hingga malam untuk uruskan tempat penduduk-penduduk berkenaan berpindah.

"Dia bertindak bukan sangat agresif, tetapi kalau ada kes penting memang dia akan agresif sampai dapat selesaikan," tegas John Ho memberikan pendapat mengenai khidmat yang disumbangkan oleh Liew Ah Kim kepada pengundi-pengundi di kawasannya.

Dalam bulan Mac 1991 juga lima orang warganegara Malaysia yang ditahan oleh pihak berkuasa Thailand di **Malaysia Room, IDC P O Box 12-1070, 301 Suanphlu Yanawa Road, Bangkok** telah menulis surat kepada Liew, meminta bantuannya supaya dibawa balik ke Malaysia setelah dokumen perjalanan mereka ditahan. Mereka terdiri daripada:

1. **Loke Boon Chai k/p 6278131** ditahan pada 26 Julai 1990.

2. Tan Chong Hoak k/p 8223253 ditahan pada 3 Ogos 1990.
3. Cheow Kim Lin k/p 5271884 ditahan pada 18 Jun 1990.
4. Tan Kok Sang k/p 5128813 ditahan pada 3 Februari 1990.
5. Lim Yong Ling ditahan pada 29 Oktober 1990.

Mereka semua ditahan di Sungai Golok sebelum dipindahkan ke Bangkok untuk soal siasat. Pihak kedutaan Malaysia di Bangkok telah ditemui oleh lima orang warganegara itu, tetapi pihak kedutaan enggan membantu. Oleh itu mereka telah menulis surat kepada Liew Ah Kim, selaku Setiausaha Publisiti DAP Kebangsaan. Bagi menyelesaikan kes ini Liew telah menemui pegawai kedutaan Thailand di Kuala Lumpur.

Pihak kedutaan Thailand di Kuala Lumpur memberi jaminan akan membantu. Liew telah berusaha membantu lima orang warganegara yang terkandas di negeri orang itu, sekalipun pada peringkat awalnya tidak mendapat kerjasama daripada kedutaan Malaysia di Bangkok. Lima orang warganegara itu pula bukanlah tinggal dalam kawasan pilihanrayanya di Seputeh.

Khidmat yang dijalankan oleh Liew bukanlah mempunyai kepentingan politik, tetapi semata-mata menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang Ahli Parlimen. Beliau sedia memberikan khidmatnya sekalipun sesuatu kes itu sudah dibawa kepada MCA. Misalnya di Seremban

dalam tahun 1970-an seramai 13 keluarga diarahkan berpindah apabila kerajaan mengambil tanah yang diduduki oleh mereka untuk membina lebuhraya Seremban-Tampin di Rahang Kecil.

Mereka telah menemui pemimpin-pemimpin MCA bagi mendapatkan bantuan, tetapi pemimpin-pemimpin MCA di Seremban menasihatkan mereka mematuhi arahan kerajaan supaya berpindah. Tetapi di manakah mereka mahu berpindah dalam masa dua minggu lagi akan menghadapi Tahun Baru Cina ? Oleh itu 13 keluarga tukang kayu, penjual aiskrim dan penjaja mee itu menemui pemimpin-pemimpin DAP.

Dr Chen Man Hin membuat rayuan kepada Menteri Besar bukan berdasarkan undang-undang yang dibuat oleh tangan manusia, tetapi atas dasar peri memanusiaan. 13 keluarga itu perlu ditangguhkan pemindahan mereka sehingga selepas menyambut Tahun Baru Cina dengan diberi tapak baru tempat berpindah dan pampasan sebagai sagu hati.

Rayuan DAP diterima oleh Menteri Besar, dan 13 keluarga itu diberi tapak tempat berpindah di Hulu Temiang. Pemindahannya ditangguhkan selepas Tahun Baru Cina dan mereka diberi pampasan RM2,000/- hingga RM2,500/- satu keluarga. Kenapa MCA yang berjanji mahu membela masyarakat Cina hanya menasihatkan mereka berpindah dengan tidak mendapat apa-apa ganti rugi ?

Tentulah ini amat menghairankan apabila Pengurus MCA Melaka, Gan Boon Leong dalam Kenyataan akhbar 10 November 1992 memberi amaran bahawa mereka yang telah mengadu masalah kepada DAP sekiranya gagal, jangan menemui MCA untuk menyelesaikannya. Hakikat sebenarnya mereka yang menemui DAP adalah setelah gagal diselesaikan oleh MCA yang seringkali menasihatkan mereka mematuhi sahaja sebarang keputusan daripada kerajaan.

Beberapa kes mengenai permohonan kerakyatan di Seremban sekitar tahun 1970-an yang dibawa kepada Liew Ah Kim atau Dr Chen Man Hin, ialah setelah pemohon-pemohon berkenaan menemui pemimpin-pemimpin MCA tetapi gagal diselesaikan. Apalah ertinya MCA di dalam kerajaan sekiranya mereka sekadar menasihatkan masyarakat Cina mematuhi sahaja keputusan yang tidak adil, misalnya 13 keluarga yang mendiami tanah TOL di Rahang Kecil itu berpindah dengan tidak diberi peluang membuat apa-apa rayuan.

## **TEKANAN SEMAKIN MERUNCING**

Bagi menyekat pengaruh DAP, kerajaan mengaitkan Singapura dan Lee Kuan Yew sebagai modal. Ahli-ahli Melayu di dalam DAP pula dituduh sebagai pengkhianat bangsa Melayu. Tidak pula ada bukti yang menunjukkan ahli-ahli Melayu DAP terbabit dalam skandal

rasuah, jenayah membunuh, jenayah merogol dan sebagainya yang merugikan orang-orang Melayu.

Bagaimanapun mahkamah sudah membuktikan pemimpin-pemimpin UMNO yang terbabit dalam skandal dan jenayah demikian. Malah kes jenayah yang membabitkan pembunuhan dengan melibatkan pemimpin UMNO telah didengar selama 76 hari di mahkamah. Di manakah letaknya ahli-ahli Melayu DAP berkhianat kepada bangsa Melayu ?

UMNO terpaksa menjalankan apa sahaja helah bagi menyekat orang-orang Melayu menyertai DAP. Sebaik mengambil alih jawatan Setiausaha Publisiti DAP Kebangsaan dalam tahun 1992, Liew Ah Kim memberi tumpuan kepada penerbitan akhbar lidah rasmi parti dalam empat edisi iaitu Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil. Hanya edisi Cina dan Inggeris sahaja mendapat sambutan di kalangan orang ramai.

Kerajaan tidak mengambil berat kalau edisi Cina dan Inggeris 'Roket' dijual secara terbuka, disebabkan UMNO tidak bimbang sokongan DAP di bandar-bandar. Dalam bulan Oktober 1991, Liew menerima surat amaran daripada Kementerian Dalam Negeri bahawa beliau akan didakwa di mahkamah sekiranya terus melanggar peraturan permit yang dikeluarkan untuk menerbitkan akhbar 'Roket'.

Setelah lebih 20 tahun akhbar Roket diterbitkan hanya pada bulan Oktober 1991 baru kerajaan memberi amaran akhbar lidah rasmi

parti tidak boleh diedarkan kepada orang ramai. Halangan daripada kerajaan ini disebabkan akhbar Roket edisi bahasa Malaysia dijual di kampung-kampung dan dibaca oleh masyarakat Melayu. Ini disebabkan ‘Roket’ edisi bahasa Malaysia memuatkan berita kemiskinan yang masih menyelubungi penduduk-penduduk di luar bandar.

Di antara isi ‘Roket’ edisi Melayu yang menimbulkan rasa tidak senang UMNO ialah mengenai nasib penduduk-penduduk di Kampung Padang Serai Dalam di kawasan Parlimen Kuala Kangsar yang mendiami tanah seluas 900 ekar. Dalam laporan Roket edisi bahasa Malaysia mengenai kes itu:

“... Pihak Felcra yang ditugaskan memajukan tanah penduduk-penduduk di Kampung Padang Serai Dalam seluas 900 ekar, hanya mengikut arahan pejabat daerah dan tanah Taiping. Mereka tidak tahu sama ada hakmilik mereka akan diberi selepas Felcra memajukan tanah berkenaan.

Akibatnya Felcra menghadapi masalah apabila penduduk-penduduk di situ tidak mahu berpindah, bagi membolehkan Felcra memajukan tanah tersebut. Bagaimanapun pihak Felcra tidak tahu sama ada pejabat daerah dan tanah di sini menyediakan penduduk-penduduk ini tapak rumah yang lain.

Penduduk-penduduk terpaksa menebang anak-anak kelapa sawit Felcra disebabkan ditanam di tiang rumah atau halaman rumah mereka. Dalam tinjauan pemberita kita ke kampung berkenaan mendapati penduduk-penduduk di sini tidak puas hati dengan rancangan 'hala cara baru' kerajaan ke atas tanah mereka ..."

'Roket' edisi bahasa Malaysia juga menyiar kan mengenai kemiskinan satu keluarga di Kampung Sungai Nipah Baruh, di Bagan Datoh, Perak yang anaknya mendapat keputusan baik dalam peperiksaan SPM tahun 1990. Potongan akhbar 'Roket' itu telah ditampalkan oleh seorang penduduk di kedai kampung berkenaan untuk tatapan orang ramai.

Malah 'Roket' edisi bahasa Malaysia yang dipimpin oleh Liew Ah Kim menyiar kan artikel yang ditulis oleh Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia Dato' Haji Ahmad Arshad (bekas Ahli Parlimen Tangkak dan tokoh veteran UMNO), dan melaporkan mengenai penjualan kereta Proton Saga di Great Britain yang memberi subsidi dengan dua tahun service percuma. Semua yang dilaporkan oleh Roket edisi bahasa Malaysia ini mendapat sambutan orang-orang Melayu di luar bandar.

Langkah menyekat Roket diedarkan kepada orang ramai seperti surat amaran Kementerian Dalam Negeri yang ditujukan kepada Liew Ah

Kim sebagai pemegang permit, adalah untuk menghalang maklumat dan fakta benar disampaikan kepada rakyat Malaysia. Dr Mahathir Mohamad dalam tahun 1960-an juga pernah menulis artikel di akhbar Roket edisi bahasa Inggeris.

Tetapi ketika ini Kementerian Dalam Negeri tidak pernah memberi amaran apa-apa. Malah menterinya Allahyarham Tun Dr Ismail bin Abdul Rahman tidak menghalang Roket diedarkan kepada orang ramai, sekalipun negara baru sahaja pulih daripada kemelut rusuhan 13 Mei 1969.

Di samping tekanan-tekanan kerajaan, DAP menghadapi taktik-taktik kotor MCA yang hilang kepercayaan masyarakat Cina terhadapnya akibat sentimen perkaumannya yang tebal. MCA irihati dengan kejayaan DAP mengajak rakyat Malaysia mengamalkan dasar Malaysia untuk rakyat Malaysia'. Liew Ah Kim juga menjadi sasaran MCA ketika kempen pilihanraya 1974.

MCA telah membuat cabaran supaya Liew mengadakan rapat umum di Jalan Murry, Seremban iaitu kubu kuatnya. Cabaran ini disambut oleh Liew, dengan membatalkan satu rapat umum di Temiang. Pada malam tersebut dua rapat umum diadakankan oleh DAP di kawasan DUN Sungai Ujong iaitu di Pantai dan di Jalan Murry. Dr Chen Man Hin, calon parlimen menghadiri rapat umum di Pantai sebelum ke Jalan Murry, sementara Liew pula menghadiri rapat umum di Jalan Murry terlebih dahulu.

Kira-kira jam 9.30 malam sewaktu Liew naik ke pentas berucap, satu letupan kuat tidak diketahui puncanya telah berlaku. Liew terus berucap sekalipun orang ramai mulai gelisah. Setelah melihat orang ramai yang mendengar rapat umum tidak berundur sekalipun letupan kuat meletus, tiba-tiba sekumpulan pemuda melontarkan batu ke arah pentas rapat umum bertalu-talu. Liew yang berdiri di pentas tidak berundur sekalipun dihujani dengan lontaran batu. Akibatnya beberapa orang cedera termasuk seorang perempuan tua dari Jalan Sungai disinggahi oleh lontaran batu itu.

Pilihanraya 1974, Liew bertanding mempertahankan kerusi DUN Sungai Ujong dalam penyusunan kawasan baru pilihanraya. Semua kawasan parlimen di Negeri Sembilan mengandungi 4 kerusi Dewan Undang Negeri. Parlimen Seremban Timur yang diwakili oleh Dr Chen diubah menjadi kawasan Parlimen Seremban dengan mempunyai 4 kerusi DUN iaitu:

1. Rahang
2. Sungai Ujong
3. Rantau
4. Terentang.

Kawasan DUN Terentang yang dimasukkan di bawah Parlimen Seremban terletak di daerah Rembau dengan majoriti pengundinya Melayu. Parlimen Seremban Barat yang dimenangi oleh Dr Seevaratnam dalam pilihanraya 1969 juga diubah kepada Parlimen Mantin dengan memasukkan kawasan DUN Jimah yang terletak

di daerah Port Dickson. Memang taktik kotor yang dirancang oleh kerajaan melalui penyusunan baru sempadan pilihanraya memberi keuntungan kepada mereka.

Pilihanraya 1974 juga Parti Perikatan gabungan tiga parti UMNO-MCA-MIC yang bersimbolkan kapal layar mengorak langkah dengan membawa parti-parti pembangkang lain menyertainya. Mereka membentuk Barisan Nasional (BN) dengan simbol baru iaitu neraca. Ketika ini semua parti pembangkang di Semenanjung, kecuali DAP dan PSRM (sekarang PRM) telah menyertai BN.

Wilayah Persekutuan juga semenjak ditubuhkan tahun 1972 mempunyai lima kerusi Parlimen yang dipertandingkan iaitu:

1. Kuala Lumpur Bandar
2. Sungai Besi
3. Kepong
4. Damansara
5. Setapak

Liew Ah Kim masih tidak menyerlah di peringkat pusat tahun 1974 ini, dan beliau tidaklah dibawa bertanding di peringkat parlimen. BN dengan mandat baru di bawah Allahyarham Tun Razak menggunakan gambar poster beliau bersalam dengan Mao Tze Tong sewaktu melawat Republik Rakyat China, bagi mendapat sokongan pengundi-pengundi sepanjang pilihanraya 1974 itu.

Pengundi-pengundi Cina juga diugut dengan ancaman rusuhan kaum 13 Mei, bagi menghalang

sokongan mereka kepada DAP. Taktik kotor kerajaan ini tidaklah menjelaskan kedudukan DAP. Dalam pilihanraya 1974 ini DAP masih mendapat sokongan dengan memenangi 9 kerusi parlimen dan 21 kerusi Dewan Undangan Negeri. Di Negeri Sembilan DAP memenangi satu kerusi parlimen dan 3 kerusi DUN.

Liew dapat mengekalkan kerusi DUN Sungai Ujong. Kejayaan DAP terus bertahan secara tidak langsung memadamkan ramalan awal Timbalan Presiden UMNO (Allahyarham) Tun Dr Ismail sewaktu berucap di parlimen bahawa DAP akan gulung tikar (maksudnya berkubur) selepas pilihanraya 1974. Sayanyanya Tun Dr Ismail meninggal dunia dalam bulan Ogos 1973 sebelum sempat melihat keputusan pilihanraya 1974 itu.

Sekalipun kerajaan terus mengenakan tekanan-tekanan, namun DAP terus membawaikan harapan baru kepada rakyat Malaysia. Di samping tekanan-tekanan daripada luar, DAP juga menghadapi pergolakan di kalangan ahlinya sendiri. Sebelum pilihanraya 1978, berlaku krisis di Pulau Pinang yang dicetuskan oleh pengerusinya Yeap Ghim Guan.

Oh Keng Seng (Ahli Parlimen Petaling) yang merupakan kawan baik Liew Ah Kim dalam kepimpinan DAP di Negeri Sembilan telah memberi sokongan kepada Yeap dalam pergolakan tersebut. Mungkin juga Oh Keng Seng terhutang budi kepada Yeap yang menjadi peguambelanya

dalam menghadapi kes Akta Hasutan, menyebabkan beliau menentang CEC.

Sekalipun Liew merupakan kawan baik Oh Keng Seng, tetapi beliau tetap setia dengan parti. Beberapa kali Oh Keng Seng cuba menghubunginya melalui telefon, namun Liew tetap menjauhkan diri. Kesetiaan Liew kepada parti menyebabkan beliau tidak pernah terbabit dalam mana-mana pergolakan parti.

## MENETAP DI KUALA LUMPUR

Selepas pilihanraya 1974, Liew Ah Kim berpindah ke Kuala Lumpur. Beliau berkhidmat dengan syarikat pemaju perumahan, disebabkan pemecahan ladang menimbulkan masalah pembuangan kerja. Dasar baru kerajaan mengenai cukai ke atas ladang-ladang menyebabkan pengurusan ladang-ladang mengambil langkah pemecahan itu.

Ladang Bukit Bertam tempat Liew berkhidmat juga menghadapi masalah pemecahan ini. Kawannya Toh Leong Huat juga tidak lagi berkhidmat dengan ladang berkenaan, dan memulakan perniagaan sendiri. Dengan perkembangan itulah Liew berkhidmat dengan sebuah syarikat pemaju perumahan di Kuala Lumpur. Sekalipun menetap di Kuala Lumpur, Liew mempunyai jadual yang sama melawat kawasannya iaitu setiap hari Selasa dan Khamis.

Apabila datang ke Seremban, Liew tidak akan tidur di hotel. Beliau lebih senang tidur di bilik seorang rakannya sasterawan Dharmala N S. Bilik sempit di sebuah bangunan kedai di Jalan Wilkinson itulah Liew menginap dengan tidur di atas kanvas. Hubungan baiknya dengan sasterawan Dharmala bukanlah disebabkan rakannya itu pernah menjadi calon DAP dalam pilihanraya 1974, tetapi mereka mempunyai aliran pemikiran yang sama; iaitu kemanusiaan sejagat yang menjadi perjuangan setiap sasterawan.

Setelah Dharmala berpindah ke Rasah tinggal di sebuah rumah papan ditepi rel keretapi, Liew juga datang menginap di situ apabila berkhidmat di kawasannya setiap hari selasa dan Khamis. Ketika ini pula Dharmala berkhidmat di Harrison & Crossfield di Seremban yang banyak masanya terluang. Kebetulan pula Dharmala mempunyai ramai kawan-kawan di kalangan orang-orang Cina, termasuk Yim Chee Chong seorang pemimpin PSRM di Seremban (sekarang Ahli Parlimen Seremban, dan menyertai MCA).

Disebabkan Dharmala menyertai kelas malam bersama Yim Chee Chong bagi mengambil peperiksaan sebagai calon persendirian, Liew akan menelefon ke pejabat sebelum beliau datang ke Seremban. Sekiranya DUN Negeri Sembilan bersidang, Liew akan menyewa bilik hotel dan beliau akan mengajak Dharmala pula menginap sama.

Hubungan baik Liew dengan Dharmala, memperlihatkan beliau mempunyai sikap 'kemanusiaan sejagat'. Beliau bukanlah mengamalkan sentimen perk�uman sekalipun kerapkali menyuarakan masalah masyarakat Cina. Liew juga akan memilih makanan masakan Melayu sekiranya mengajak Dharmala keluar makan. Dalam satu kenyataannya di akhbar WATAN kepada pemberita Ong Boon Teck pada 27 Februari 1990, Liew memberitahu:

**"Dharmala NS atau nama sebenarnya Abdul Muluk Haji Daud adalah kawan rapat saya. Saya mengenali ayahnya Haji Daud sebagai seorang pemimpin Parti Buruh yang sangat aktif dalam politik satu ketika dulu. Antara saya dengan Dharmala masih menghubungi antara satu dengan lain ..."**

Beliau juga tidak kekok bercampur dengan masyarakat Melayu. Apabila dijemput menghadiri majlis kahwin anak seorang rakan yang tinggal di Felda Sendayan, Labu beliau juga tidak keberatan menghadirinya. Malah ketika menghadiri majlis perkahwinan anak seorang kawan Haji Shariff bin Haji Harun di Penajis, Rembau, Liew pernah memberitahu Dharmala bahawa beliau menggemari masakan rendang daging.

Liew dapat menghayati cara hidup masyarakat Melayu disebabkan beliau banyak membaca karya sastera Melayu. Sebilangan besar karya sasterawan Melayu sudah dibaca oleh Liew, malah telah diterjemahkan ke bahasa Mandarin

untuk dihayati pula oleh masyarakat Cina. Semenjak beberapa waktu dahulu Liew sudah mengenali karya-karya Usman Awang, Kris Mas, Masuri SN, Pak Sako, Noor SM dan Shahnon Ahmad.

Perpindahannya ke Kuala Lumpur tahun 1975 dan berkhidmat dengan sebuah syarikat pemaju perumahan mungkin tidak sesuai dengan jiwanya sebagai seorang penyair dan penulis. Beliau tidak memilih berkhidmat di syarikat penerbitan mungkin disebabkan kedudukannya sebagai seorang ADUN menyulitkan syarikat penerbitan untuk menerima beliau. Bagaimanapun sepanjang penglibatnya dalam bidang penulisan, Liew telah menghasilkan :

1. 3 buah antologi prosa
2. Sebuah antologi cerpen
3. Sebuah antologi sajak.

Sebagai penulis Liew memang peka dengan masalah rakan-rakan penulis terutama wartawan menjalankan tanggungjawab masing-masing. Dalam ucapannya di Konvensyen DAP Wilayah Persekutuan pada 13 September 1992 yang berlangsung di Hotel Federal, Liew membidas kerajaan mengugut wartawan-wartawan dengan Akta Rahsia Rasmi (OSA) seperti ditegaskannya:

"... Kerajaan BN pimpinan Dr Mahathir adalah jelas mengamalkan polisi menutup mulut sesiapa sahaja yang bercakap benar. Wartawan yang mendedahkan penyelewengan dalam isu DBKL diancam dengan Akta Rahsia Rasmi (OSA). Dr Mahathir

dan Anwar Ibrahim memberitahu akhbar, mereka yang menyalurkan segala keburukan kerajaan kepada pembangkang akan didakwa di bawah OSA. Bagaimana pula kalau wartawan menyalurkan keburukan pembangkang kepada kerajaan? Apakah Dr Mahathir dan Anwar menyembunyikan segala keburukan dan penyelewengan dalam kerajaan yang membabitkan wang rakyat ? Kalau mendedahkan penyelewengan dianggap melanggar OSA, apakah rakyat mahu terus membiarkan sebuah kerajaan yang menyalah gunakan kuasa mentadbir negara ini ?

Bagaimana satu penyiasatan berkesan boleh dilaksanakan bagi membersihkan segala penyelewengan, kalau kerajaan BN terus menyembunyikannya disebalik undang-undang yang dihalalkan oleh mereka ?

Kalau pengaduan dibuat mengikut saluran, sudah tentu mereka yang membuat aduan itu menjadi mangsa, dan pengaduan mereka tidak akan sampai kepada Dr Mahathir atau Anwar. Bagaimanapun kalau pembelian kereta Volvo DBKL dianggap melanggar OSA, demi keadilan maka Anwar Ibrahim juga patut didakwa di bawah OSA kerana isu kereta Lamborghini.

Sebenarnya Dr Mahathir dan Anwar gagal membersihkan diri mereka dari-

pada beberapa isu yang membabitkan moral dan kepentingan rakyat. Oleh itu mereka terpaksa membuat ugutan melalui undang-undang, sedangkan mereka sendiri membelakangkan undang-undang terutama dalam isu penyingkiran Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas dahulu. Mereka terus mempertahankan Vijendran dengan menyalahkan Karpal Singh kerana mendedahkan isu skandal video ..."

Perpindahan Liew ke Kuala Lumpur juga memulakan era baru dalam kerjaya politiknya. Liew mulai menyerlah dalam kepimpinan pusat menjelang tahun 1978. Beliau terpaksa meninggalkan kepimpinan peringkat Negeri Sembilan kepada Hu Sepang dan M Kuppusamy, apabila menumpukan perhatian kepada ibu pejabat parti pula. Liew Ah Kim kemudiannya dipilih menjadi setiausaha DAP negeri Selangor mulai tahun 1978.

Dalam pilihanraya umum 1978, Liew juga berpidnah kawasan bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri, Selangor kawasan Kajang iaitu kubu kuat MCA ketika itu. Kawasannya di Sungai Ujong, Negeri Sembilan pula ditandingi oleh Hu Sepang yang ditentang oleh calon MCA (Chin Chan Sung, bekas ADUN DAP). Hu Sepang berjaya mempertahankan kerusi Sungai Ujong, manakala Liew Ah Kim pula dapat menawan DUN Kajang di Selangor daripada tangan MCA.

### 3 MENUNGKAH ARUS

TEKANAN kerajaan terhadap parti pembangkang terutamanya DAP semakin keras menjelang pilihanraya 1978. Ketika ini krisis dalam BN sendiri memuncak sehingga PAS disingkirkan, menyebabkan tekanan berterusan dibuat oleh BN. Dalam pilihanraya penuh muslihat dalam tahun 1978 itu UMNO berjaya menawan negeri Kelantan daripada PAS. Kemenangan besar UMNO itu berpunca daripada dua langkah khusus ke atas PAS yang kembali menjadi pembangkang, iaitu:

1. Simbol PAS menggunakan bulan bintang diharamkan dan diganti dengan bulan purnama.
2. Rapat umum diharamkan.

Dengan dua tekanan inilah UMNO berjaya mengalahkan penguasaan PAS di Kelantan sejak tahun 1959 lagi. Bagi mengekalkan terus kuasanya UMNO mendapati pengharaman rapat umum dalam pilihanraya adalah langkah berkesan menyekat kemaraan parti-parti pembangkang. Oleh itu selepas pilihanraya khas DUN Kelantan tahun 1978, BN mengisyiharkan pembubaran parlimen tidak lama selepas itu.

Dalam pilihanraya umum 1978 inilah buat pertama kali BN yang diketuai oleh UMNO mengharamkan rapat-rapat umum. Mengkritik tekanan BN dengan mengharamkan rapat umum

dalam pilihanraya Liew Ah Kim menegaskan ketika berucap di Konvensyen DAP Wilayah Persekutuan pada 13 September 1992:

**"Dengan menghapuskan rapat-rapat umum ketika kempen pilihanraya, kerajaan BN bukan sahaja melaksanakan polisi tutup mulut malah telah menjualkan amalan demokrasi dengan harga yang terlalu murah ..."**

Rapat umum adalah asas demokrasi sebagai forum politik bagi menilai pendirian sesebuah parti politik. Sayangnya BN yang sekian lama tergoda dengan kemenangan dalam pilihanraya khas DUN Kelantan beberapa bulan sebelum pilihanraya umum 1978, mendapati hanya dengan menjual demokrasi sahaja kerajaan BN boleh mengekalkan kuasa.

Liew Ah Kim juga menulis dalam akhbar 'Roket', bahawa amalan menjual harga demokrasi yang terlalu murah inilah berlakunya beberapa orang Ahli Parlimen dan ADUN sanggup menjual kerusi mereka daripada pembangkang untuk menyertai UMNO.

Dalam period tekanan ke atas pembangkang dilipat gandakan tahun 1978, Liew pula diarahkan oleh DAP bertanding di kawasan DUN Selangor yang menjadi kubu kuat MCA sejak pilihanraya 1959 iaitu KAJANG. Ketika ini Liew sudah dilantik menjadi setiausaha DAP negeri Selangor, dengan pengurusinya Lee Lam Thye.

Kesan pengharaman rapat umum oleh kerajaan menjadikan pilihanraya itu penuh

muslihat, semata-mata untuk menunjukkan kepada dunia dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bahawa pilihanraya masih diwujudkan. Hanya tiga orang sahaja calon DAP menang di DUN negeri Selangor dalam pilihanraya 1978 itu, iaitu Lee Lam Thye menang di Serdang, Liew Ah Kim sendiri menang di Kajang, dan Pan Su Pin (Kuala Kubu Baru).

Liew mendapat 6,841 undi menewaskan calon BN (MCA) Kan Tong Fong 4,313 undi, Datuk Kampo Radjo (PSRM) 550 undi dan Aman Khan (Pekemas) 308 undi dengan majoritinya 2,528. Sekalipun Liew selaku setiausaha DAP Selangor berjaya menembusi kubu MCA, tetapi beliau kecewa kerana kubu DAP di Petaling Jaya dapat ditawan oleh BN.

Memang kejutan yang dibuat oleh BN dengan mengharamkan rapat umum itu menyebabkan rakyat tidak dapat menyesuaikan diri dengan corak politik demikian. Atas sebab-sebab hal demokrasi rakyat sudah dirampas dalam pilihanraya 1978 itu, DAP mengalami kekalahan di beberapa tempat kubu kuatnya. Ini ditambah lagi dengan krisis yang dicetuskan oleh beberapa orang pemimpin DAP negeri Pulau Pinang yang diketuai oleh Yeap Ghim Guan.

Dalam krisis tahun 1978 itu Liew Ah Kim lebih banyak mendiamkan diri. Beliau tidak mahu menjadi juara dalam saat parti menghadapi masalah. Ketika kawan rapatnya Oh Keng Seng yang menjadi Ahli Parlimen kawasan Petaling cuba menghubunginya setelah membuat sokong-

an kepada Yeap Ghim Guan, beliau sentiasa mengelak tidak mahu dihubungi oleh Oh Keng Seng.

Kesetiaan Liew kepada parti juga mendorong beliau secara sukarela mahu mengosongkan kerusi Parlimen Seputeh selepas pilihanraya kecil di Bentong pada 13 Mei 1989. Keputusan tersebut dibuat apabila Lee Kim Sai, Timbalan Presiden MCA mencabar Lee Lam Thye ketika itu Timbalan Setiausaha Agung DAP bertanding di dalam pilihanraya kecil di kawasan majoritinya pengundi Cina bagi menguji parti mana sebenarnya yang mendapat sokongan masyarakat Cina di Malaysia.

Apabila kawasan Parlimen Seputeh dipilih menjadi medan untuk menguji sokongan pengundi-pengundi Cina terhadap DAP atau MCA, Liew Ah Kim telah menandatangani surat perletakkan jawatan sebagai Ahli Parlimen dengan syarat Lee Kim Sai Menteri Buruh dan Ahli Parlimen Hulu Langat meletakkan jawatan serentak dengan Lee Lam Thye, Ahli Parlimen Bukit Bintang.

Cabar mencabar itu hanya di antara Lee Lam Thye dan Lee Kim Sai, tetapi Liew Ah Kim bersedia meletakkan jawatan setelah kawasan Seputeh dipilih menjadi tempat pertandingan bagi pilihanraya kecil itu. Bagaimanapun BN menasihatkan Lee Kim Sai supaya tidak menyahut cabaran tersebut. Sandewara Lee Kim Sai mahu bertanding dalam pilihanraya kecil di kawasan Parlimen Seputeh, memang sudah di

ramalkan oleh pemerhati-pemerhati politik tidak akan menjadi kenyataan.

Begaimanapun sewaktu menyerahkan surat perletakan bersyarat kepada Speaker Dewan Rakyat memang Lee Lam Thye juga bimbang untuk menghadapi cabaran Lee Kim Sai. Tetapi Liew Ah Kim bukan sahaja sukarela membenarkan kawasan yang diwakilinya itu dijadikan medan pertandingan, malah beliau bersedia kehilangan kerusi sekiranya dipilih bertanding dalam pilihanraya kecil itu sama ada di Bukit Bintang atau Hulu Langat.

Kesediaan Liew melepaskan kerusi yang diwakilinya menunjukkan beliau bukanlah tamak untuk kekal menjadi wakil rakyat. Malah menjelang pilihanraya umum 1974, Liew pernah memujuk rakannya Abdul Muluk Daud supaya bertanding di kerusi DUN kawasan Sungai Ujong dengan beliau memilih kawasan Labu atau Rantau iaitu kubu kuat BN.

Tetapi Abdul Muluk Daud menolak pelawaan Liew atas sebab-sebab kepentingan parti. Dalam pilihanraya 1974 itu Abdul Muluk Daud memilih bertanding di kerusi Parlimen Jelebu, dan DUN kawasan Kuala Klawang. Peristiwa tawar menar war kerusi di antara dua orang sahabat ini, memperlihatkan mereka yang terbabit dalam perjuangan DAP tidak pernah mengejar kepentingan sendiri.

## **PERJUANGAN MEMBELA SETINGGAN**

Masalah setinggan memang isu yang sering kali dihadapi oleh Liew Ah Kim sepanjang penglibatannya sebagai ADUN. Sama ada ketika menjadi ADUN Negeri Sembilan bagi kawasan Sungai Ujong (1969-1978), mahupun ADUN Selangor bagi kawasan Kajang (1978- 1982) Liew terpaksa menerima hakikat bahawa beliau adalah menjadi tempat setinggan-setinggan mengadukan masalah mereka.

Peristiwa 14 keluarga setinggan di Batu 14 Hulu Langat, selepas pilihanraya 1978 dirobohkan rumah mereka, telah memaksa Liew ikut terbabit sekalipun bukan dalam kawasan pilihanrayanya. Batu 14 Hulu Langat terletak dalam kawasan DUN Dusun Tua yang diwakili oleh Dato' Mohd Azmir Nazir (UMNO). MCA dan Dato' Mohd Azmir sekadar menasihatkan 14 keluarga setinggan itu berpindah dengan tidak diberi tempat tinggal yang baru dan sagu hati dengan pengambilan tapak rumah mereka.

Ketika pihak berkuasa pejabat daerah Kajang datang merobohkan rumah keluarga setinggan ini, Liew Ah Kim tampil mempertahankan setinggan-setinggan ini. Sebelum itu Liew telah mewakili mereka merayu kepada pihak pejabat daerah supaya menimbangkan bayaran sagu hati serta tempat mereka untuk berpindah. Malah permohonan mereka mendapatkan rumah murah dihalang oleh MCA di Batu 14 Hulu Langat.

Setelah rayuan dan permohonan setinggan-setinggan ini tidak dihiraukan, kepada siapakah lagi tempat mereka mengadu? Apa lagi dalam saat pihak pejabat daerah sudah bersiap sedia dengan pasukannya untuk merobohkan rumah setinggan-setinggan terbabit. Disebabkan tidak ada pilihan lain, Liew Ah Kim telah masuk ke dalam rumah yang sedang dirobohkan itu sebagai bantahan di atas sikap pejabat daerah yang tidak muhun mendengar rayuan dan permohonan berdasarkan peri kemanusiaan.

Keberanian Liew Ah Kim menyabung nyawa bagi membantah langkah tidak berperi kemanusiaan kepada setinggan-setinggan di Batu 14 Hulu Langat ini bukanlah perkara luar biasa. Dalam awal tahun 1970-an beliau juga menghadapi dugaan demikian apabila Abdul Latiff Hassan, Penolong Pegawai Daerah Seremban ketika itu menolak rayuannya supaya tidak menghalau penanam-penanam tebu di atas tanah kerajaan di Ampangan, Seremban.

"Saya tidak menentang undang-undang, tetapi meminta pertimbangan dari aspek peri kemanusiaan," jelas Liew Ah Kim sewaktu menemui Penolong Pegawai Daerah Seremban. Memang penanam-penanam tebu itu bersalah menggunakan tanah kerajaan, tetapi selagi pembangunan belum dirancang di kawasan berkenaan apalah salahnya mereka bercucuk tanam ?

Mereka juga sepatutnya diberi peluang sehingga tebu-tebu yang ditanam boleh ditebang sebelum diminta mengosongkan kawasan ber-

kenaan. Tetapi Abdul Latiff Hassan dengan tidak menghiraukan rayuannya, terus memimpin satu pasukan menebang pokok-pokok tebu yang masih belum cukup masa untuk ditebang.

Oh Keng Seng ADUN Jimah bersama Hu Sepang, pembantu politik Dr Chen Man Hin (Ahli Parlimen Seremban Timur) telah berkejar lebih awal ke kawasan berkenaan, disebabkan Liew Ah Kim masih dalam perjalanan dari Ladang Bukit Bertam. Kira-kira jam 3.00 petang, Liew bersama rakannya Abdul Muluk Daud sampai di kawasan tanaman tebu di atas tanah TOL itu.

Ketika mereka sampai Oh Keng Seng dan Hu Sepang sudah tidak dapat lagi menghalang Abdul Latiff Hassan menebang pokok-pokok tebu berkenaan dan diangkut dengan lori Majlis Bandaran Seremban. Dengan adanya Liew Ah Kim, Oh Keng Seng, Hu Sepang dan Abdul Muluk Daud bertindak menghalang, pihak pejabat daerah bersetuju memberhentikan gerakan menebang pokok-pokok tebu berkenaan, tetapi memberi amaran supaya penanam-penanam tebu berkenaan menebang sendiri.

Langkah keras pejabat daerah Seremban itu hanya didorong oleh sentimen, bukan berdasarkan peri kemanusiaan. Hu Sepang dan Abdul Muluk Daud mengawasi supaya tidak seorang pun pekerja-pekerja pejabat daerah memakan tebu-tebu semasa operasi berjalan. Mereka berdua juga memastikan setiap batang tebu yang diangkut di dalam lori Majlis Bandaran tidak

diambil oleh pekerja-pekerja tetapi mestilah disimpan di pejabat daerah, sehingga dituntut oleh penanam-penanam tebu berkenaan.

Tindakan DAP bekerja sebagai satu pasukan dalam menghadapi masalah demikian telah menyedarkan pejabat daerah Seremban bahawa langkah kekerasan bukanlah penyelesaian sebenarnya. Mereka perlu membuka pintu rundingan bagi mendengar masalah orang ramai. Tidak lama selepas itu Abdul Latiff Hassan juga bertukar ke Kuala Lumpur.

## BERKHIDMAT SEPANJANG MASA

Sekalipun Liew Ah Kim menetapkan hari Selasa dan Khamis menemui pengundi, tetapi khidmatnya memang sepanjang masa. Ketika menjadi ADUN Kajang di Selangor, beliau mempunyai pejabat di pekan Kajang dengan Ean Yong Pin Sin berkhidmat sepenuh masa sebagai pembantu politiknya. Bagaimanapun sewaktu menjadi ADUN Sungai Ujong di Negeri Sembilan, Liew tidak mempunyai seorang pun pembantu politik.

Bagaimanapun beliau dibantu oleh rakan-rakannya seperti Abdul Muluk Daud, Hu Sepang dan K Raman dalam urusan dengan pengundi-pengundi di Sungai Ujong. Malah secara sukarela Abdul Muluk Daud akan mengikut beliau ke Kampung Baru Sikamat, ke Temiang, ke Jalan

Lobak dan beberapa tempat lagi hingga jam 10.00 malam semata-mata memberikan khidmat kepada pengundi-pengundi.

Ketika Abdul Muluk Daud berkhidmat di Harrison & Crosfield Sdn Bhd di Seremban pun, beliau masih membantu urusan surat menyurat Liew Ah Kim dengan jabatan-jabatan kerajaan. Hubungan mereka berdua bukan lagi sebagai ahli parti ketika itu, malah sudah menjadi sahabat dan rakan seperjuangan di dalam bidang penulisan.

Liew banyak menterjemahkan karya-karya sastera yang ditulis oleh Abdul Muluk Daud seperti cerpen dan sajak ke bahasa Cina. Karya-karya sastera itu disiarkan dalam akhbar Nanyang Siang Pau. Di antara cerpen Abdul Muluk Daud yang diterjemahkan oleh Liew ialah 'Haruan' dan 'Ayah, Ibu dan Seorang Anak Kecil'. Manakala sajak-sajaknya pula ialah 'Burung Hitam', yang dianggap oleh Liew kaya dengan rasa kemanusiaan sejagat.

DAP di Negeri Sembilan mempunyai tanggungjawab secara kolektif. Apa yang dilakukan oleh Liew di Negeri Sembilan, mungkin tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya, apabila beliau menjadi Setiausaha DAP Negeri Selangor mulai tahun 1978. Di Selangor beliau lebih rapat dengan penolong setiausaha Madhavan Nair. Disebabkan beliau bersama Lee Lam Thye sahaja menang di Selangor, oleh itu khidmat Liew Ah Kim lebih tertumpu di kawasannya sahaja.

Tidak sama seperti kemenangan beliau di Negeri Sembilan dalam tahun 1969 dan 1974. Sekalipun DAP Negeri Sembilan menghadapi krisis dengan tersingkirnya Dr A Soorian, Chin Chan Sung dan Haji Hassan Haji Ahmad daripada parti, tetapi semangat bekerja secara kolektif di kalangan ahli-ahli DAP di Negeri Sembilan tidak terjejas.

Dalam tahun 1971 telah berlaku satu peristiwa amuk di kampung Titian Akar, Pengkalan Kempas di dalam kawasan DUN Pasir Panjang yang diwakili oleh Lee Geok Shean. Seorang petani dikenali sebagai Idrus Harimau telah menembak beberapa orang penduduk kampung sejak pukul 4.00 petang hingga ke malam.

Keesokan harinya jam 8.00 pagi barulah Idrus Harimau ditembak oleh polis setelah semalam bersembunyi di tengah sawah yang sedang menguning masak. Punca Idrus mengamuk hanya disebabkan masalah sosial yang sukar muh dibincangkan. Tetapi kesan daripada amukan Allahyarham Idrus ini menimbulkan kegelisahan di kalangan orang-orang kampung.

Lee Geok Shean, ADUN kawasan Pasir Panjang tidak berani mengunjungi mangsa-mangsa amukan itu, disebabkan ketegangan selepas rusuhan 13 Mei 1969 masih lagi membimbangkan. Tetapi Lee Geok Shean perlu juga mengunjungi mangsa-mangsa dalam tragedi amuk itu, sebagai wakil rakyat di kawasan berkenaan. Pengerusi DAP cawangan Pengkalan Kempas telah menghubungi Abdul Muluk Daud

memberitahu kejadian amuk yang mengorbankan beberapa orang penduduk di Kampung Titian Akar itu, kira-kira jam 9.00 pagi.

Sehingga jam 1.00 tengah hari DAP Negeri Sembilan membuat kunjungan ke rumah mangsa amuk, termasuk juga menziarahi Allahyarham Idrus. Naib Pengurus DAP Negeri Sembilan Haji Mohd Shariff Haji Harun mengetuai rombongan itu melawat ke Kampung Titian Akar. Wakil-wakil rakyat DAP yang ikut sama dalam rombongan tersebut termasuklah Liew Ah Kim (Sungai Ujong), Oh Keng Seng (Jimah) dan Lee Geok Shean (Pasir Panjang). Manakala Dr Chen Man Hin (Rahang) yang tidak dapat hadir mewakilkan kepada Abdul Muluk Daud, dan Dr Seevaratnam (Bukit Nanas) diwakili oleh Abdullah Ahmad.

Sementara yang tidak ikut sama dalam rombongan tersebut ialah Chin Chan Sung (Lukut), Haji Hassan Haji Ahmad (Si Rusa) dan Dr A Soorian (Lingga). Khidmat kolektif DAP dalam menjalankan tugas ini menjadi amalan di Negeri Sembilan ketika itu.

Hanya Haji Mohd Shariff sahaja naik ke rumah mangsa menziarahi jenazah dan menghulurkan derma bagi pihak DAP Negeri Sembilan. Wakil-wakil rakyat yang lain hanya menunggu di bawah sahaja, sebagai menghormati mesyarakat Islam dan penduduk-penduduk kampung.

Semangat bekerja sebagai satu pasukan inilah menjadikan DAP Negeri Sembilan sentiasa bersama-sama menghadapi masalah di kawasan

pilihanraya wakil rakyatnya. Ketika berlaku banjir awal tahun 1971, semua wakil rakyat DAP juga sama-sama membantu penduduk-penduduk yang terbabit.

Banjir besar yang berlaku tahun 1971 itu merupakan bencana alam di seluruh negara, menyebabkan air naik di tengah bandar Seremban hingga ke paras satu meter. Hari pertama bermulanya banjir kira-kira jam 3.00 petang, Dr Chen Man Hin sudah menghubungi pejabat setiausaha kerajaan beberapa kali memberitahu mengenai kemungkinan banjir.

Penduduk-penduduk di Jalan Loop, Rahang dan di Dusun Nyiur menghubungi Dr Chen mengenai banjir mulai melanda bandar Seremban. Memang bandar Seremban tidak pernah dilanda banjir. Oleh itu kerajaan juga tidak menyangka boleh berlaku banjir besar setelah hujan turun berterusan lebih seminggu.

Liew Ah Kim masih di Ladang Bukit Bertam kerana berkhidmat di ladang berkenaan. Bagaimanapun sebaik sahaja diberitahu mengenai keadaan banjir di bandar Seremban, beliau segera datang untuk bersama pengundi-pengundinya. Beliau datang agak terlewat sedikit tetapi jam 3.00 petang di tengah hujan lebat masih turun Dr Chen bersama Abdul Muluk Daud sudah ke pejabat Setiausaha Kerajaan muhu menawarkan diri memberikan khidmat bersama bilik gerakan negeri dalam menghadapi banjir.

Sewaktu merayu penduduk-penduduk menerima arahan kerajaan supaya berpindah, Dr Chen terpaksa mengharung air separas dada membantu memunggah barang-barang penduduk di Dusun Nyiur. Abdul Muluk berpecah dengan Dr Chen kerana beliau sudah ke Rahang Besar dengan air melimpah ke jalan dan memecahkan jembatan.

Sehingga jam 8.00 malam wakil-wakil rakyat DAP masih lagi meneruskan usaha memujuk penduduk-penduduk berpindah, disebabkan mereka berdegil dengan tidak mempercayai banjir melanda bandar Seremban. Liew Ah Kim yang sampai terlewat sedikit kira-kira jam 5.00 petang tidak sempat lagi ke pejabat DAP di Jalan Wilkinson. Beliau terus ke *petrol kiosk* kepunyaan Lee Geok Shean di Rahang dan meletakkan keretanya di situ.

Fong Lee Chien pembantu politik Dr Chen sampai ke Jiboi, Ampangan bersama Oh Keng Seng. Manakala Liew bersama Dr Chen membantu penduduk-penduduk di Dusun Nyiur. Sementara Abdul Muluk bersama K Raman terkepung di Rahang Besar disebabkan jembatan pecah. Sehingga jam 10.00 malam ahli-ahli DAP yang terbabit membantu memindahkan penduduk-penduduk akibat banjir sudah berpecah dengan haluan masing-masing.

Masing-masing tidak menemui lagi rakan-rakan yang sama ke tempat yang mereka tumpukan. Memang banjir yang melanda bandar Seremban memerlukan semua pihak, kerana

siapapun tidak menyangka bandar Seremban boleh dilanda banjir. Semua wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin DAP di Negeri Sembilan terpaksa membantu penduduk-penduduk yang terbabit.

Selepas banjir berlaku, jalan-jalan dan jembatan di seluruh Negeri Sembilan mengalami kerosakan teruk. Daerah-daerah juga dilanda banjir dengan rakyat mengalami kerugian akibat rumah, ternakan, dan harta benda dihanyutkan air. Mereka juga memerlukan bantuan makanan dan pakaian, sementara menunggu kehidupan mereka pulih semula.

Bagi menyalurkan bantuan kepada mangsa mangsa banjir di seluruh Negeri Sembilan, DAP membentuk jawatankuasa 'Tabung Bantuan Banjir' (Flood Relief Fund Committee) yang diketuai oleh Dr Chen Man Hin dengan anggota tanya Liew Ah Kim, Oh Keng Seng, Toh Leon Huat, Michael Lim, Haji Mohd SHariff Harun, Lim Cheng Hoe dan Fong Lee Chien.

Liew Ah Kim dan Oh Keng Seng menyampaikan bantuan ke Kampung Jiboi dan Kampung Ismail di Ampangan. Abdul Muluk Dau bersama Abdullah Ahmad dan K Raman ke daerah Jelebu. Michael Lim, Fong Lee Chien dan Lim Cheng Hoe pula mengendalikan pemerian bantuan di ibu pejabat parti di Jalan Wilkinson.

Lebih satu minggu gerakan menyalurkan bantuan seperti beras, tepung, gula, ikan sardin dan pakaian dijalankan. Dr Chen menyumbang

kan keretanya untuk kegunaan menghantar bantuan berkenaan ke daerah di luar bandar Seremban. Sementara Liew Ah Kim, Oh Keng Seng, Lim Cheng Hoe dan Michael Lim menjalankan kempen mendapatkan sumbangan derma daripada peniaga-peniaga beras.

Sumbangan beras, tepung dan gula daripada peniaga-peniaga datang mencurah-curah ke pejabat DAP di Jalan Wilkinson. Orang ramai juga menderma pakaian terpakai bagi disumbangkan kepada mangsa-mangsa banjir selepas mendengar rayuan daripada pemimpin-pemimpin DAP Negeri Sembilan.

Sebulan selepas banjir bandar Seremban menghadapi masalah kemarau pula. Ramai penduduk-penduduk tidak mendapat bekalan air, disebabkan banyak paip besar yang rosak masih belum dibaiki. Takungan air juga kering kontang menyebabkan pihak Jababtan Kerja Raya terpaksa mencatut air dengan menghantar bekalan menggunakan lori.

Bagi membantu rakyat di Seremban mengatasi bekalan air, DAP Negeri Sembilan juga membantu JKRR menghantar bekalan air kepada penduduk-penduduk. Dr Chen menyumbangkan *land rover* membawa tangki air untuk diberikan kepada penduduk-penduduk di sekitar daerah Seremban. Semua khidmat yang diberikan oleh DAP kepada menduduk-penduduk Seremban ketika menghadapi bencana alam ini adalah dilakukan secara kolektif dengan tanggungjawab bersama semua pemimpin-pemimpin parti.

Mereka berkhidmat tidak mengira kawasan yang diwakili oleh parti lawan terutamanya Parti Perikatan (kemudiannya BN).

## CERAKAN PENDIDIKAN

Pengalaman dua penggal menjadi ADUN di Negeri Sembilan banyak memberi manfaat kepada Liew Ah Kim, apabila beliau berpindah ke Selangor menjadi ADUN kawasan Kajang. Beliau menubuhkan enam lagi cawangan DAP di kawasan Parlimen Hulu Langat, termasuk di Semenyih yang tidak ditandingi oleh DAP dalam pilihanraya umum 1978.

Parlimen Hulu Langat meliputi tiga kawasan DUN iaitu i) Dusun Tua, ii) Kajang, dan iii) Semenyih merupakan kubu kuat BN. Dalam pilihanraya 1978 itu DAP tidak meletakkan calon bagi DUN kawasan Semenyih. Bagaimanapun dalam pilihanraya itu calon DAP bagi kawasan Parlimen Hulu Langat memberi saingan sengit kepada calon BN.

DAP Selangor mencalonkan tokoh wanitanya Ong Kwai Leng menentang ketua wanita MCA Rosemary Chong. Penyertaan Liew Ah Kim di Kajang membolehkan Ong Kwai Leng mendapat 11,598 undi dengan tewas kepada Rosemary Chong yang mendapat 12,539 undi. Majoriti 94% undi sahaja yang diperolehi oleh calon MCA memberi sokongan moral kepada Liew Ah Kim.

yang berjaya menembusi kubu kuat MCA di Hulu Langat.

Liew menjadi ADUN kawasan Kajang hanya dalam tempoh 3 tahun 8 bulan (sama dengan tempoh pendudukan Jepun di Malaya), disebabkan Parlimen dibubarkan terlalu awal iaitu dalam bulan April 1982. Dalam tempoh tersebut Liew Ah Kim, muncul sebagai pejuang gerakan pendidikan Cina di negeri Selangor. Beliau melancarkan protes terhadap dasar pendidikan melaksanakan kurikulum 3M, hingga dua buah sekolah memulaukan persekolahan.

Disember 1981, dua buah sekolah mengalami pemulauan daripada murid-murid dan ibu bapa iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Yoke Hwa di Kajang dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kampung Baru Semenyih di Semenyih. Liew Ah Kim secara langsung terbabit dalam langkah murid-murid dan ibu bapa memulaukan kelas, setelah rayuan ibu bapa pelajar tidak mahu didengar oleh pihak berkuasa. Dua tuntutan yang mereka kemukakan kepada Menteri Pelajaran (sekarang Menteri Pendidikan) ketika itu Dr Sulaiman Daud ialah:

1. Memberhentikan pelaksanaan kurikulum 3M di semua sekolah yang boleh menukar karektor pendidikan Cina dan India.
2. Bagi percubaan hanya 302 buah sekolah rendah sahaja dilaksanakan diseluruh negara daripada jumlah lebih seribu buah sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) atau (Tamil).

Pada 7 Januari 1982, Liew Ah Kim menyerta rombongan DAP menghantar memorandum kepada Menteri Pelajaran yang diketuai oleh Setiausaha Agung parti, Lim Kit Siang. Mereka yang ikut serta dalam rombongan tersebut termasuklah Dr Chen Man Hin, Lee Lam Thye, Dr Tan Seng Giaw, Chan Kok Kit, P Patto dan Lee Kaw. Memang Liew mengambil berat dengan masalah pendidikan Cina, sekiranya boleh mengubah karektor pendidikan kaum-kaum tertentu.

Sebagai bekas penuntut di Universiti Nanyang di Singapura, Liew terbabit dalam gerakan pelajar terutama pendidikan Cina. Beliau banyak menulis sajak dan prosa bagi memperkayakan pendidikan Cina, sekalipun Liew mengambil bidang puisi Melayu di bawah pimpinan Masuri S.N.

Sikapnya sebagai wakil rakyat pembangkang tidaklah emosional. Beliau lebih banyak membuat kritikan secara positif demi kebaikan semua rakyat Malaysia. Penglibatannya dalam perjuangan pendidikan China di negara ini adalah mahu memastikan tidak ada kaum yang teraniaya disebabkan sentimen perkauman yang dicetuskan oleh parti-parti politik.

Atas sikap kesederhanaan Liew dalam pendekatan (approach) politiknya, beliau dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Selangor menyertai rombongan melawat ke beberapa buah negeri Eropah, di samping menghadiri mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel (CPA) sebagai

pemerhati. Hanya beliau sahaja ahli pembangkang dalam rombongan yang diketuai oleh Timbalan Menteri Besar, Datuk Ahmad Razali bin Haji Mohd Ali.

Lawatan ke Eropah tahun 1980 itu memberi kesempatan kepada Liew melihat perkembangan demokrasi di negara-negara England, German, Perancis, Itali, Austria dan Switzerland. Beliau tertarik dengan sikap liberal dalam politik di negara-negara berkenaan bagi mencapai kemajuan dan pembangunan. Sewaktu lawatan itu Liew berkawan rapat dengan ADUN Sungai Besar, Ghazali Kantan daripada UMNO disebabkan mereka ditempatkan sebilik.

Hubungan baiknya dengan parti lawan tidak mengira UMNO, MCA, Gerakan atau MIC menjadikan beliau mudah dijadikan kawan. Sepanjang lawatan ke Eropah ini Ghazali Kantan begitu menghormati pendirian Liew Ah Kim, malah beliau banyak meminta bantuan Liew terutama sewaktu berkomunikasi untuk membeli-belah.

Liew bukanlah sentiasa mengkritik kerajaan secara membata tuli. Sekiranya kerajaan memberikan khidmat yang memuaskan kepada rakyat, Liew akan turut sama memuji. Ketika mengambil bahagian membahaskan Anggaran Belanjawan 1993, peringkat jawatankuasa di bawah Kementerian Dalam Negeri, di Dewan Rakyat pada 2 Disember 1992 sebagai Ahli Parlimen kawasan Seputeh, Liew dalam ucapannya menegaskan:

**"Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri, bagi pihak Puan Wong Sooi Lim dari no 505 Jalan Selesa 9, Happy Garden, off Jalan Klang Lama, 58200 Kuala Lumpur, yang kehilangan taraf kerakyatan akibat kecuaian jabatan pendaftaran negara (JPN).**

**Selama lebih satu tahun sejak permohonan menukar kad pengenalan baru, apabila Puan Wong diberi kad pengenalan merah beliau menanggung bimbang, terutama memikirkan nasib anak-anaknya. Kedediaan pihak jabatan pendaftaran negara membentulkan semula kesilapan adalah dialu-alukan dan DAP mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri."**

Dalam ucapan itu Liew juga menggesa 14 kes lagi yang sama dengan kes Puan Wong juga perlu diberikan semula kad pengenalan biru, di samping 116 kes yang ditarik baik kerakyatannya diberikan semula taraf kerakyatan mereka. Kes Puan Wong Sooi Lim, bukan lagi satu kecuaian tetapi penganiayaan yang sepatutnya tidak berlaku.

Puan Wong seorang warganegara dilahirkan pada 9 Februari 1947. Beliau seorang penjaja kecil yang sudah kematian suami dan terpaksa menanggung beberapa orang anak. Dalam bulan April 1990, Puan Wong yang memiliki kad pengenalan biru 1067823 telah memohon

menukar kad pengenalan baru mengikut peraturan yang dibuat oleh kerajaan.

Bagaimanapun Puan Wong terkejut, apabila beliau diberi kad pengenalan merah oleh jabatan pendaftaran negara. Melalui Liew Ah Kim, Puan Wong telah meminta penjelasan daripada jabatan pendaftaran negara, kenapa beliau diberi kad pengenalan merah ? Pihak jabatan pendaftaran negara memberitahu Liew Ah Kim bahawa Puan Wong memang mempunyai kad pengenalan merah semasa memohon membuat kad pengenalan baru.

Jawapan daripada jabatan pendaftaran negara ini memerlukatkan Liew Ah Kim, kerana beliau diberitahu Puan Wong sudah mengundi dalam pilihanraya semenjak tahun 1974. Tentulah meragui kalau seseorang yang telah mengundi dalam pilihanraya mempunyai kad pengenalan merah. Apakah Suruhanjaya Pilihanraya telah melakukan kesalahan membenarkan seseorang yang bukan warganegara mengundi dalam pilihanraya ?

Pegawai pilihanraya di hari pengundian juga tentu melakukan kesalahan kerana membenarkan seseorang yang mempunyai kad pengenalan merah masuk ke tempat membuang undi. Oleh itu adakah Puan Wong berbohong bahawa beliau sudah mula mengundi dalam pilihanraya 1974?

Sejak pilihanraya umum 1986, Puan Wong telah mengundi di kawasan Parlimen Seputeh dengan pusat membuang undinya di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Yoke Nam,

Oversea Union Garden dan nombor dalam buku daftar pemilih ialah 5175. Bukti ini jelas menunjukkan Puan Wong tidak pernah berbohong, malah beliau memang pemegang kad pengenalan biru di samping seorang warganegara yang sah di dalam undang-undang dan perlombagaan negara.

Disebabkan jabatan pendaftaran negara berkeras menyatakan Puan Wong mempunyai kad pengenalan merah, Liew Ah Kim telah menge-mukakan soalan ke Parlimen. Beberapa hari sebelum Dewan Rakyat membahaskan Anggaran Belanjawan 1993 peringkat jawatankuasa di bawah Kementerian Dalam Negeri, pegawai jabatan pendaftaran negara telah berkejar ke rumah Puan Wong. Beliau kemudiannya diberi-kan semula kad pengenalan biru.

Di samping menghargai langkah Kementerian Dalam Negeri membetulkan kesilapan yang telah dilakukan ke atas Puan Wong, masalah kerakyatan juga masih menimbulkan kebimbangan. Liew dalam ucapannya terus membuat kritikan ter-hadap kerajaan :

**"Bagaimanapun masalah yang dihadapi oleh rakyat berhubung dengan kerakyatan tidak seharusnya disembunyikan dari-pada pengetahuan ramai. Rakyat mestilah diberi gambaran sejelas-jelasnya menge-nai kedudukan mereka demi masa hadapan generasi rakyat Malaysia supaya mereka tidak bimbang, sekalipun tahun 2020 berakhir.**

Rakyat mesti diberi peluang membincangkan Artikel 30 secara terbuka terutama di media massa. Artikel 30 bukanlah perkara sensitif yang termasuk di bawah Akta Hasutan, tetapi ianya menentukan nasib masa hadapan sebilangan besar rakyat Malaysia yang terbabit.

Apakah kerajaan mahu melihat dalam masa sebilangan besar rakyat menikmati kehidupan sebagai warganegara yang mendapat faedah hasil pembangunan, tetapi sebilangan besar lagi yang terbabit di bawah Artikel 30 terus meraba-raba seperti orang buta yang kehilangan tongkat ?

Sekalipun YB Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri sudah memberi jaminan dalam kenyataan akhbarinya bahawa masalah yang berbangkit di bawah Artikel 30 sudah selesai, tetapi rakyat masih tertanya-tanya apakah penyelesaian itu ? Sama ada penyelesaian tersebut membolehkan mereka diiktiraf sama seperti warganegara lain yang tidak terbabit di bawah Artikel 30, ataupun mereka dilarang membangkitkan isu tersebut untuk selama-lamanya ?

Oleh itu media massa sepatutnya diberi peluang membahaskan isu Artikel 30 ini, dan tidak sepatutnya isu berkenaan dianggap melanggar Akta Hasutan. Semjak pindaan Akta Hasutan dibuat tahun

1971, kita tidak pernah keliru dengan definasi yang membabitkan Akta Hasutan itu. Tetapi kalau kerajaan sengaja menimbulkan prejedis perkara yang tidak 'menghasut' pun boleh didakwanya 'menghasut'.

Kebebasan bersuara dalam amalan demokrasi semakin jauh hanyut dibawa oleh arus kesombongan fikiran pemimpin-pemimpin BN. Kementerian Dalam Negeri secara sedar melakukan apa sahaja menyekat kebebasan akhbar dan media massa dengan memberi alasan menyebarkan fitnah. Media massa tidak pernah dilarang memutar belitkan kenyataan parti pembangkang, tetapi sidang pengarang sebuah akhbar tempatan terpaksa dirombak semata-mata dituduh memutar belitkan kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri."

Ucapan Liew mengenai kerakyatan tidak bermakna beliau memainkan isu sentimen kaum. Sekiranya beliau tidak membawa kes seperti Puan Wong ke Parlimen, siapakah yang akan membela nasib seorang wanita penjaja kecil yang kehilangan taraf kerakyatannya ? Apakah dengan membela nasib Puan Wong bermakna membangkitkan isu sentimen kaum ?

Isu kaum hanya gimmik politik MCA yang gagal mendapat sokongan orang-orang Cina disebabkan parti berkenaan lebih mementingkan golongan 'berada'. Sewaktu menjadi ADUN di

Negeri Sembilan, kebanyakan kes yang diterima oleh Liew setelah orang-orang terbabit gagal mendapatkan khidmat daripada pejabat MCA.

Beberapa kes kerakyatan yang dibawa ke pejabat MCA mereka hanya menerima surat sokongan dengan tidak ada langkah-langkah susulan. Selepas hampir setahun surat-surat sokongan pemimpin-pemimpin MCA tidak berkesan, mereka datang menemui Liew Ah Kim.

Liew tidak akan memberikan apa-apa surat, tetapi akan menelefon pegawai di jabatan pendaftaran negara di Seremban. Sekiranya beliau tidak mendapat jawapan yang memuaskan, Liew akan membawa pemohon itu sendiri menemui pegawai berkenaan. Beliau akan meminta nasihat bagaimana memudahkan permohonan kerakyatan dibuat.

Pendekatan Liew dalam memberi khidmat kepada orang ramai ialah dengan membawa setiap kes kepada pegawai yang terbabit, bukan sekadar menulis surat atau menelefon dari pejabat sahaja. Oleh itu hubungannya dengan pegawai-pegawai jabatan menjadi rapat, dan mudah mendapatkan kerjasama dalam sebarang urusan membantu orang ramai.

Dalam tahun 1972, Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN) pernah membuat kunjungan ke kediaman Liew di Ladang Bukit Bertam sebagai penghormatan kalangan penulis terhadap beliau. Di antara penulis-penulis yang ikut serta mengunjungi beliau sempena Tahun Baru Cina tahun

tersebut ialah Dharmawijaya, Dharmala N. S. Noredah Ahmad, Ghazali A Kadir, Adamshah Sendut, Mohd Yusuff Abdullah, Mohd Salleh Salimin, Siow Siew Sing dan A Kadir Yusuff.

Kunjungan hormat penulis-penulis Negeri Sembilan membanggakan Liew, bahawa masyarakat penulis tidak pernah terpengaruh dengan sentimen perkauman. Beliau percaya setiap penulis mempunyai pendekatan (approach) kemanusiaan sejagat dalam hubungan dan permasalahan kaum di negara ini.

## 4 PATAH SAYAP

PERALIHAN kuasa dalam UMNO apabila Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan Dato' Musa Hitam mengambil alih pucuk pimpinan negara, banyak pihak memberi perhatian kepada perubahan-perubahan yang akan dibawa oleh 2M ini membolehkan BN menang besar dalam pilihanraya umum 1982. Rakyat Malaysia seolah-olah terpukau dengan kemantapan Mahathir-Musa, sehingga mereka lupa bahawa masa hadapan memerlukan keadilan sosial dalam masyarakat berbilang kaum.

Lama kelamaan rakyat Malaysia menyedari juga bahawa Mahathir-Musa hanya untuk tempoh sementara sahaja sebagai pasangan mantap. mereka berdua juga mempunyai impian politik yang sama, hingga akhirnya terpaksa berpecah dalam tahun 1987. Ketika rakyat Malaysia terperangkap dalam suasana terlalu mengharap kepada Mahathir-Musa inilah ramai tokoh-tokoh pembangkang tewas dalam pilihanraya.

Lim Kit Siang, Setiausaha Agung DAP sendiri tewas di DUN kawasan Bandar Hilir Di Melaka, sekalipun menang bagi kawasan Parlimen Kota Melaka. Pengurus Kebangsaan DAP Dr Chen Man Hin juga tewas di Parlimen Seremban kepada Presiden MCA Dato' Lee San Choon. Pilihanraya 1982 boleh dikatakan musim gelap kepada parti-parti pembangkang, sehingga ke-

banyak pemimpinnya boleh dianggap patah sayap tetapi masih mampu untuk terus terbang tinggi.

Di tengah musim gelap inilah Liew Ah Kim juga mengalami kekalahan apabila bertanding di kerusi Parlimen kawasan Batu Gajah di Perak. Percubaan pertamanya untuk ke parlimen tersekat setelah tewas kepada calon MCA Ban Hon Keong yang mendapat 19,156 undi, manakala Liew hanya memperolehi 15,686 undi sahaja.

Kekalahan pertama yang dialami oleh Liew Ah Kim di dalam pilihanraya bukan disebabkan rakyat Malaysia terpukau oleh pembaharuan yang dibawa oleh regu pemimpin UMNO Mahathir-Musa itu, tetapi berpunca daripada masalah dalaman parti DAP sendiri. Pergolakan kepemimpinan DAP di Perak menjelang pilihanraya 1982 memberi kesempatan kepada BN mengeksloit kelemahan itu.

Krisis bermula apabila Pengurus DAP negeri Perak, Lim Cho Hock tidak disenangi oleh segeralintir ahli yang menimbulkan suasana tegang menjelang pilihanraya itu. Bagi meredakari keadaan Jawatankuasa Kerja Pusat (CEC) menghantar dua orang ahli CEC iaitu Liew Ah Kim dan Lau Dak Kee bertanding di Perak. Sementara P Patto salah seorang pemimpin di Perak dibawa pula bertanding di Selangor.

Dalam pilihanraya 1982 itu, semua kerusi parlimen di Perak jatuh ke tangan BN termasuk Ipoh dan Menglembu yang tidak pernah diwangi oleh parti kerajaan sejak tahun 1959.

DAP hanya menang 4 sahaja kerusi Dewan Undang Negeri iaitu Lim Cho Hock (Kepayang), Yu Hang Kien (Pantai Remis), Ting Chek Ming (Pangkor) dan Mohd Fadlan Yahaya (Pasir Bedamar).

Kepemimpinan DAP negeri Perak semakin meruncing selepas kekalahan teruk yang dialami dalam pilihanraya umum itu. Sebagai Pengurus DAP negeri Perak, Lim Cho Hock merasa kecewa dengan kekalahan tersebut. Beliau sendiri tewas bagi kerusi Parlimen Ipoh kepada calon MCA Peter Chin Gan Onn, sedangkan dalam pilihanraya umum 1978 Lim Cho Hock menang di Ipoh dengan majoriti 12,909.

Sekalipun menang di DUN Kepayang, tetapi tidak dapat mengubat hatinya yang luka, Lim hanya mendapat 13,614 undi mengalah calon BN-PPP Lam Kam Wah 13,453 dengan majoriti sekadar 161 sahaja. Sedangkan dalam pilihanraya 1978 Lim mendapat 17,848 mengalahkan calon BN-MIC R Jegathesa 7,414 dengan majoriti besar iaitu 10,434 undi.

Disebabkan tidak dapat menahan perasaan Lim Cho Hock mengambil keputusan bersara daripada politik dan meletakkan semua jawatannya dalam parti termasuk juga ADUN kawasan Kepayang. Dalam pilihanraya kecil berikutnya perletakan jawatan Lim Cho Hock itu, DAP meletakkan Lau Dak Kee menjadi calon. Lau Dak Kee berjaya memulihkan imej parti apabila menang dengan majoriti lebih 9,000 undi mengalahkan calon BN-PPP.

Krisis kepemimpinan di Perak itu memaks CEC mengambil alih pentadbiran parti dengan Lim Kit Siang selaku pengurus dan Liew A Kim dilantik menjadi setiausaha. Bagaimanapun Liew tidak lama menjadi setiausaha di Perak iaitu dalam tempoh enam bulan sahaja. Selepas itu beliau berkhidmat kepada parti di negeri Selangor.

Rakyat Malaysia memang menyedari mereka telah membuat kesilapan besar dengan mengesepakatkan peranan pembangkang dalam pilihan raya umum 1982, menyebabkan BN semakin angkuh di bawah Mahathir-Musa. BN bukan sahaja gagal menyelesaikan banyak isu termasuk skandal BMF di Hongkong, pindaan perlumbaan yang membabitkan istana buat kali pertama, krisis Bukit Cina di Melaka, dasar pendidikan yang tidak menentu, malah memaksa rakyat Malaysia menerima konsep ‘satu bahasa, satu budaya’.

MCA di bawah Lee San Choon juga tidak penting lagi kepada Mahathir-Musa, kerana kedudukan MCA hanya sebagai ‘penumpang’ dalam BN yang mengharapkan belas ihsan daripada UMNO, bukan lagi sebuah parti yang mewakili masyarakat Cina di Malaysia. Disebaliknya kecewa dengan layanan daripada UMNO pimpinan Mahathir-Musa inilah Lee San Choon mengambil keputusan bersara daripada politik sama seperti langkah yang diambil oleh Li Cho Hock juga.

Lee San Choon meletakkan jawatan sebagai Presiden MCA dan melepaskan kedudukannya sebagai menteri kabinet dan Ahli Parlimen Seremban. Beliau mengambil keputusan tersebut setelah isu Timbalan Perdana Menteri kedua yang dibangkitkan oleh MCA tidak diterima oleh UMNO pimpinan Mahathir-Musa. Kekecewaan inilah yang mendorong Lee San Choon berundur daripada politik.

Dalam pilihanraya kecil Parlimen Seremban berikutan dengan perletakan jawatan Lee San Choon, DAP sekali lagi mencalonkan Dr Chen Man Hin. Sekalipun akhbar dan media-massa yang dikuasai sepenuhnya oleh kerajaan menyebarkan berita beratus-ratus ahli DAP keluar parti untuk menyertai MCA, tetapi Dr Chen menang dengan majoriti 6,393 undi dalam pilihanraya kecil itu. Dua kemenangan besar calon-calon DAP dalam pilihanraya kecil selepas kalah teruk dalam pilihanraya umum 1982, menyemarakkan semangat Liew Ah Kim.

Kekalahan beliau di Parlimen Batu Gajah tidak melemahkan semangatnya. Apabila dipilih menjadi Setiausaha Publisiti Kebangsaan, tanggung jawabnya kepada parti bertambah berat. Dengan tidak menjadi wakil rakyat, Liew mempunyai banyak masa terluang untuk menjelajah ke seluruh negara bagi memulihkan semula imej parti.

Bermula dalam tahun 1982, Liew memberikan khidmat sepenuh masa kepada parti. Beliau juga terpaksa bekerja dengan sebuah syarikat

pemaju perumahan setelah tidak menjadi wakil rakyat lagi. Sebagai tokoh veteran di dalam parti, Liew juga banyak mencerahkan pengalamannya bagi meneruskan perjuangan DAP yang terjejas berikutan dengan kemerosotan prestasi dalam pilihanraya umum 1982.

Mahathir-Musa yang dikagumi oleh rakyat Malaysia menjelang pilihanraya 1982 tenyata tidak memberi banyak sumbangan kepada masa hadapan rakyat Malaysia. Krisis mereka mulai ketara dengan '**power struggle**' di kalangan penyokong-penyokongnya. Bagi menyembunyikan kelemahan dalam UMNO sendiri, mereka terpaksa melipat gandakan taktik menindas parti-parti pembangkang.

Slogan-slogan indah dicipta bagi memukau terus rakyat Malaysia, sekalipun rakyat menyedari bahawa slogan-slogan 'Pandang Ke Timur', 'Bersih, Cekap, Amanah' dan 'Kepimpinan Melalui Teladan' hanya tinggal di atas kertas sahaja. Dalam masa mahukan 'Kepimpinan Melalui Teladan' itulah berlakunya peristiwa berdarah Lubuk Merbau di Kedah dalam satu pilihanraya kecil di negeri itu. Kemudiannya berlaku lagi pembunuhan beramai-ramai di Mamali, Kedah.

Ketika BN bermegah-megah dengan slogan 'Bersih, Cekap, Amanah' inilah juga berlakunya skandal BMF di Hongkang dan kekeliruan mengenai MAMINCO. Apabila mereka mahu meyakinkan rakyat dengan kehebatan polis 'Pandang Ke Timur', maka secara angkuh

mereka mahu menerapkan konsep ‘satu bahasa, satu budaya’ dengan tidak menghiraukan kepentingan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Bagi menegakkan konsep ‘satu bahasa, satu budaya’ di tengah-tengah slogan ‘Pandang Ke Timur’ itulah Ketua Menteri Malaka, Rahim Tamby Chik merancang mahu meruntuhkan Bukit Cina dengan tidak menghiraukan nilai sejarah dan kebydayaan timur. Peristiwa Bukit Cina di Melaka dalam bulan Julai 1984 merupakan satu episod yang meletakkan kerajaan BN tidak menghormati hasrat rakyat berbilang kaum di negara ini.

MCA dan Parti Gerakan yang menjadi komponen BN tidak mengambil apa-apa langkah positif bagi menghalang usaha kerajaan mahu meratakan Bukit Cina untuk satu projek pembangunan komersyel. Kenapa MCA dan Gerakan mengambil sikap dingin ? Gerakan tidak mahu mencampuri urusan meratakan Bukit Cina atas alasan ianya isu negeri Melaka dan bukan merupakan kepentingan nasional.

Bagaimana pula dengan MCA ? Tan Koon Swan, Presiden MCA ketika itu adalah seorang usahawan yang bercita-cita tinggi. Beliau mempunyai kepentingan tertentu apabila projek meratakan Bukit Cina untuk dijadikan tapak pembangunan komersyel itu dilaksanakan. Atas sebab-sebab inilah beliau dan MCA tidak mahu menghiraukan faktor :

- i) Pemegang Amanah Kuil Cing Hun Teng yang termaktub dalam Akta Cing Hun Teng 1949.
- ii) Nilai sejarah dan kebudayaan dalam hubungan perpaduan orang-orang Melayu dan Cina.
- iii) Perasaan penduduk-penduduk di Melaka yang terbabit dengan projek meratakan Bukit Cina itu.

Malah projek tersebut juga membabitkan pemimpin-pemimpin MCA di Melaka termasuk Chan Teck Chan dan Ng Peng Her (ADUN Tranquerah ketika itu). Apakah projek pembangunan itu memberi manfaat kepada penduduk Melaka atau usahawan-usahawan daripada MCA? Oleh itu tidaklah mengherankan kenapa MCA dan Gerakan tidak mengambil berat mengenai isu meratakan Bukit Cina ini.

Tetapi berasaskan kesedaran kepada tiga faktor di atas, Liew Ah Kim bersama ahli-ahli DAP yang dipimpin oleh Lim Kit Siang bangkit menentang cadangan kerajaan negeri Melaka mahu menjadikan Bukit Cina kawasan pembangunan komersyel. Mereka mempertahankan Bukit Cina bukan disebabkan sentimen kaum, tetapi kepentingan nilai sejarah dan kebudayaan mengenai hubungan perpaduan di antara orang Melayu dan Cina yang dijalin sejak lima ratus tahun lampau.

## KEMPEN SELAMATKAN BUKIT CINA

Isu selamatkan Bukit Cina telah dieksplot oleh BN sebagai meniup api sentimen kaum dengan membelakangkan fakta sebenar. Pembangunan yang dicadangkan oleh kerajaan negeri Melaka dengan meratakan Bukit Cina tidak ada kaitan dengan isu perkauman, tetapi lebih merupakan monopoli kuasa ekonomi oleh pihak yang mempunyai kepentingan.

Bagi Liew Ah Kim, Bukit Cina adalah lambang perpaduan rakyat di negara ini mengikut latar sejarah negeri Melaka sebagai empayar Melayu di rantau ini pada abad ke 15. Hubungan Melayu-Cina sudah terjalin sejak Perameswara menjadi raja Melaka dan kunjungan Laksamana Yin Cheng ke Melaka dalam tahun 1403 Masehi.

Negeri Melaka yang baru mahu berkembang sentiasa diancam oleh kerajaan Siam iaitu kuasa besar di Asia Tenggara ketika itu. Apabila Perameswara memeluk Islam, negeri Melaka amat sukar dimajukan sebagai pusat budaya dan pemerintahan empayar Islam di rantau ini disebabkan ancaman daripada Siam.

Kedatangan Laksamana Yin Cheng ke Melaka tahun 1403 dan diikuti oleh Laksamana Cheng Ho dan pembantunya Ma Huan tahun 1405 Masehi adalah catatan sejarah yang amat berharga bagi membantu perkembangan dan kemajuan kerajaan Melaka. Selepas Perameswara berkunjung ke China tahun 1409 Masehi, Siam tidak berani lagi mengganggu Melaka.

Perameswara berkunjung lagi ke China tahun 1414 Masehi dan diikuti oleh anaknya Seri Maharaja dalam tahun 1431 Masehi bagi menjalankan persefahaman. Kemuncak daripada persahabatan inilah Sultan Mansur Syah (1459-1477) berkahwin dengan Hang Li Po dan diberi perkampungan mereka di Bukit Cina. Hubungan kerajaan Melaka dan kedatangan orang-orang Cina sudah bermula semenjak kedatangan Laksamana Yin Cheng lagi.

Oleh itu kuil Cing Hun Teng dan kubur-kubur lama yang terdapat di Bukit Cina sudah berusia 500 tahun iaitu sebelum perkahwinan Hang Li Po puteri raja Cina dan Sultan Melaka lagi. Jemaah Pemegang Amanah Kuil Cing Hun Teng mempertahankan Bukit Cina adalah berdasarkan kepada penerokaan awal yang dibuat oleh nenek moyang mereka di situ sejak 500 tahun dahulu.

Kepada siapakah mereka mahu menggantungkan harapan apabila MCA dan Gerakan tidak menghiraukan rintihan generasi mereka ? Mereka adalah warganegara Malaysia yang cintaikan nilai sejarah dan kebudayaan negeri ini yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Sekiranya projek meratakan Bukit Cina diteruskan lambang sejarah hubungan Melaka-China di zaman silam akan ikut terhapus.

Apakah nilai ini mahu dimusnahkan semata-mata untuk kepentingan beberapa orang usahawan di dalam MCA ? Sementara UMNO pula mengeksplot isu mempertahankan Bukit Cina

sebagai sentimen kaum. Oleh itu ahli-ahli jemaah Pemegang Amanah Kuil Cing Hun Teng terpaksa mengadu kepada DAP dan Ahli Parlimen Kota Melaka Lim Kit Siang, bagi membantu usaha mereka mempertahankan Bukit Cina.

DAP mengambil inisiatif membantu ahli-ahli jemaah Pemegang Amanah Kuil Cing Hun Teng yang diketuai oleh Yee Yeow Ling ini dalam usaha mereka menyelamatkan Bukit Cina. Jawatankuasa Kerja Pusat DAP bersetuju membentuk sebuah jawatankuasa kempen selamatkan Bukit Cina dengan Lim Kit Siang menjadi penge-rusi dan Liew Ah Kim selaku setiausaha.

Lim Kit Siang kemudiannya mengarahkan Liew menemui Pengerusi Jemaah Pemegang Amanah Kuil Cing Hun Teng iaitu Yee Yeow Ling sebaik sahaja jawatankuasa itu ditubuhkan. Dalam pertemuan itu Yee menyambut baik langkah DAP dan bersedia memberikan kerjasama bagi menjayakan kempen tersebut.

Dalam pertemuan itu Liew Ah Kim tidak memberikan janji yang tinggi, tetapi mengharapkan ahli-ahli jemaah Pemegang Amanah Kuil Cing Hun Teng tidak berputus asa dalam menghadapi cabaran tersebut. Memang Yee Yeow Ling terharu dengan sokongan DAP, kerana beliau dan rakan-rakannya kecewa terhadap sikap pemimpin-pemimpin MCA yang mahu memusnahkan lambang hubungan baik di antara orang-orang Melayu dan Cina yang terjalin sejak lima ratus tahun dahulu.

Di antara lain yang ditegaskan dalam pertemuan pertama Liew bersama Yee di Melaka ialah :

- YEE YEOW LING* : Sudah lima ratus tahun kuil ini ditempatkan di Bukit Cina. Apakah cara yang boleh diambil bagi selamatkan Bukit Cina ini ?
- LIEW AH KIM* : Kita tak mampu mencapai kejayaan kalau bersendirian, kecuali kita semua bersatu.
- YEE YEOW LING* : Kami hanya harap awak dan orang-orang awak dapat selamatkan Bukit Cina ini.
- LIEW AH KIM* : Tetapi kita mahu sokongan pihak awak, kalau tidak kami akan dituduh sengaja timbulkan isu.
- YEE YEOW LING* : Kami akan berdiri teguh di belakang awak, demi mempertahankan kuil ini dan Bukit Cina.
- LIEW AH KIM* : Saya harap ikrar ini tidak akan tersekat di tengah jalan.
- YEE YEOW LING* : Kami menyokong awak bukan kerana kepentingan peribadi, tetapi untuk generasi akan datang.
- LIEW AH KIM* : Oleh itu kita jangan undur lagi ke belakang.

Setelah menerima ikrar daripada ahli-ahli jemaah Pemegang Amanah Kuil Cing Hun Teng, kemudiannya Liew Ah Kim mengambil langkah pertama dengan mengadakan sidang akhbar dan ceramah di seluruh negara. Pada 16 Julai 1984, Liew telah membuat kenyataan akhbar mengingatkan Ketua Menteri Melaka, Abdul Rahim Tamby Chik dan kerajaan negeri supaya menerima hasrat majoriti rakyat yang membantah projek meratakan Bukit Cina itu.

Adalah tidak adil sekiranya kerajaan negeri menutup telinga dalam isu tersebut di samping menuduh DAP memainkan sentimen perkauman. Rahim Tamby Chik bukan sahaja melakukan kesilapan besar sekiranya meratakan Bukit Cina, tetapi mencetuskan kebencian rakyat hingga beberapa generasi akan datang.

Di antara langkah-langkah seterusnya akan diambil oleh Liew Ah Kim dan jawatankuasa kempen selamatkan Bukit Cina yang dipengerusikan oleh Lim Kit Siang itu ialah:

1. Membuat kenyataan akhbar untuk meneruskan bantahan secara terbuka daripada orang ramai.
2. Melacarkan kempen tanda tangan di seluruh negara.
3. Memprotes dengan mengadakan perarakan berjalan kaki sejauh seribu batu.
4. Membuat pungutan RM 1 tiap-tiap seorang untuk membayar tunggakan cukai tanah Bukit Cina seluas 104 ekar yang berjumlah hampir RM 2 juta.

Setiap langkah itu akan dibuat satu demi satu sekiranya gagal diberikan perhatian oleh kerajaan negeri Melaka yang terus berdegil dengan isu Bukit Cina. Disebabkan langkah pertama tidak memberi kesan kepada pentadbiran kerajaan negeri Melaka, Liew meneruskan langkah kedua dengan melancarkan kempen tanda tangan ke seluruh negara. Dalam tempoh yang singkat sahaja kempen tanda tangan mendapat sambutan hingga berjumlah lebih 350,000 orang.

Setelah kempen tanda tangan dilancarkan, Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad mula menyedari akan bantahan rakyat menyebabkan beliau membuat pengumuman projek meratakan Bukit Cina itu tidak akan diteruskan. Dengan pengumuman Dr Mahathir ini, Liew mula memperlahangkan kempennya untuk memastikan sama ada kerajaan ikhlas atau tidak dengan pengumuman tersebut. Bagaimanapun keputusan hitam putih tidak diberikan oleh kerajaan negeri Melaka mengenai pembatalan projek berkenaan. Disebabkan tidak berpuas hati dengan sikap kerajaan negeri Melaka, Liew meneruskan langkah berikutnya iaitu berjalan kaki sejauh seribu batu di seluruh negara, dan mengutip wang seringgit tiap-tiap orang bagi membayar cukai tenah dan tunggakan yang dikenakan oleh kerajaan negeri Melaka.

Sebulan sebelum kempen berjalan kaki sejauh seribu batu dilaksanakan, satu perhimpunan diadakan di Bukit Cina diketuai oleh Lim Kit Siang dan Yee Yeow Ling. Pihak polis telah

memberi amaran supaya orang ramai tidak menghadiri perhimpuan tersebut kerana polis tidak mengeluarkan sebarang permit. Usaha kerajaan menggagalkan perhimpuan rakyat dengan menggunakan polis menjadi 'tukang ugut' tidak dihiraukan oleh rakyat.

Liew Ah Kim memimpin ahli-ahli DAP dari Kuala Lumpur untuk menyertai perhimpuan di Bukit Cina. Perjalanan menggunakan bas ini telah disekat oleh polis apabila memasuki bandar Melaka. Sebaik sahaja sampai berdekatan dengan stesen minyak petrol menuju ke Bukit Cina selepas melalui di hadapan Hotel Merlin polis yang membuat sekatan, terus menangkap Liew Ah Kim bersama beberapa orang penyokong DAP. Liew telah ditangkap oleh polis atas kehendak kerajaan BN disebabkan mempertahankan khazanah negara yang amat bernilai iaitu Bukit Cina.

Beliau gembira ditangkap polis kerana mahu menyelamatkan harta negara, dan amat berbeza dengan pemimpin-pemimpin MCA yang memusnahkan harapan rakyat dan membolot harta kekayaan megara untuk kepentingan peribadi. Liew Ah Kim kemudiannya didakwa di mahkamah atas tuduhan berhimpun secara haram. Peristiwa yang berlaku pada 19 Ogos 1984 itu, merupakan pertama kali Liew ditangkap oleh polis atas kehendak kerajaan BN.

Dalam perbicaraan di Mahkamah Tengah Melaka, Liew dan rakan-rakannya didapati tidak bersalah. Mereka dibela oleh peguambela parti

iaitu Karpal Singh. Bagaimanapun kerajaan tidak berpuas hati dengan keputusan itu, terus membuat rayuan ulang bicara ke Mahkamah Tinggi pula dalam usaha untuk membuat tekanan kepada Liew. Kes mahkamah berkaitan dengan isu Bukit Cina ini terpaksa dihadapi oleh Liew berjalan hampir lima tahun.

Tidak lama selepas penangkapan ke atas Liew, protes dengan berjalan kaki sejauh seribu batu diteruskan juga oleh Karpal Singh (Ahli Parlimen Jelutong) dan Fung Ket Wing (Ahli Parlimen Sandakan). Mereka berdua juga menerima nasib yang sama dengan Liew, apabila ditangkap oleh polis di Alor Setar, Kedah sebaik sahaja memulakan gerakan berjalan sejauh seribu batu itu.

Dengan usaha gigih DAP dan ahli-ahli setia yang tidak takut diugut dan berani menghadapi apa sahaja dugaan, akhirnya kerajaan bersetuju secara rasmi membatalkan projek meratakan Bukit Cina. Liew bersama pemimpin-pemimpin DAP yang lain bersedia menghadapi ujian paling getir selepas mengalami kekalahan dalam pilihanraya umum 1982, seolah-olah terpaksa terbang jua sekalipun dalam keadaan patah sayap.

## **MEMULIHKAN IMEJ PARTI**

Sumbangan DAP dalam isu Bukit Cina memulihkan semula imej parti. Rakyat kembali

memberi sokongan dalam apa sahaja isu yang dibangkitkan oleh DAP. Sokongan yang semakin meningkat inilah membolehkan DAP mencapai kejayaan cemerlang dalam pilihanraya umum 1986, dengan merampas semula beberapa kerusi Parlimen yang dapat ditawan oleh MCA atau Gerakan dalam pilihanraya umum 1982.

Rakyat Malaysia kian terdedah dengan krisis pentadbiran 2M yang semakin goncang, dan akhirnya regu Mahathir-Musa berkecaci juga. Musa Hitam telah meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri menjelang pilihanraya 1986 disebabkan tidak bersetuju dengan pentadbiran Dr Mahathir.

Tetapi Liew Ah Kim tidak mahu membicarakan sebarang isu mengenai krisis dalam parti lawan. Beliau lebih banyak memberikan penekanan bagi meningkatkan prestasi parti dengan jawatannya selaku Setiausaha Publisiti Kebangsaan. Jawatan yang dipegangnya sejak tahun 1982 itu terus diserahkan kepada beliau hingga sekarang, sebagai mencerminkan kepercayaan parti terhadapnya tidak berbelah bagi.

Di samping aktif berpolitik, Liew juga mempunyai masa lapang untuk bersukan. Latar belakang kegiatannya dalam sukan inilah menyebabkan tubuh badannya sihat sekalipun pernah menderita sakit satu waktu dulu. Tidak heranlah mengapa Liew mampu menyertai kempen berjalan kaki seribu batu dalam isu Bukit Cina itu. Liew tidak keberatan untuk berjalan kaki dalam jarak demikian jauh semata-

mata untuk menunjukkan protes terhadap sikap tidak adil kerajaan.

Sewaktu menjadi ADUN Sungai Ujong di Negeri Sembilan, Liew menunjukkan minat dalam sukan pingpong dan badminton. Beliau pernah mengajak Abdul Muluk Daud bermain badminton di rumah Lee Geok Shean (ADUN Pasir Panjang, ketika itu) di sebelah malam bersama Oh Keng Seng (ADUN Jimah).

Liew yang berpasangan dengan Abdul Muluk beberapa kali merungut kerana regunya sering memberi mata kepada lawan. Sekalipun bermain badminton sekadar mahu mengisi masa lapang setelah seharian untuk berkhidmat, namun Liew tetap menunjukkan minat mahu bermain bersungguh-sungguh.

Minat kepada sukan menyebabkan Liew ikut sama memberi galakan kepada Pemuda Sosialis DAP (DAPSY) Seremban menganjurkan pertandingan bola sepak tujuh sebelah dalam tahun 1973. pertandingan bola sepak tujuh sebelah ini mendapat sambutan persatuan-persatuan belia di Seremban. Ketua DAPSY cawangan Seremban, Balakrishnan mengambil inisiatif menyediakan piala pusingan sumbangan Dr Chen Man Hin dan piala irungan diberikan oleh Liew Ah Kim dan Oh Keng Seng.

Dr Chen juga ikut sama memberi galakan dalam bidang sukan dengan memberi sumbangan bola dan jersi kepada belia-belia Melayu di Ampangan dan belia-belia India di Rantau Estet. Pemimpin-pemimpin DAP juga tidaklah

sepanjang masa tertumpu kepada politik, tetapi ada waktunya mereka juga membabitkan diri dalam bidang sukan.

Kadangkala apabila ada masa lapang Liew sendiri akan bermain pingpong bersama kawan-kawan di pejabat parti di Seremban. Ketika itu seringkali Liew akan menjadi sasaran kawan-kawan apabila mereka mengajak bertaruh dengan membelanja makan tengah hari sekiranya kalah. Pertaruhan ini juga bukanlah serius tetapi bertujuan untuk berseronok sahaja.

Biasanya Liew yang tewas. Tetapi kalau menang pun Liew juga akan membelanja kawan-kawan untuk makan tengah hari. Fong Lee Chien, pembantu politik Dr Chen dan Peter Chek seorang penyokong parti, seringkali mengajak Liew bermain pingpong sekiranya mereka kehabisan wang untuk makan tengah hari. Sama ada kalah atau menang terpaksa juga Liew membelanja kawan-kawannya itu.

Satu ketika sewaktu beliau menghadiri sidang Dewan Undangan Negeri, Liew telah menyewa sebuah bilik hotel di Seremban dalam tempoh persidangan itu. Beliau mengajak Abdul Muluk menginap di biliknya sambil berbincang isu-isu yang akan dibangkitkan di Dewan Undangan Negeri. Disebabkan Abdul Muluk membawa seorang lagi kawan, Liew dengan rela hati tidur di lantai dengan membenarkan kawan-kawannya tidur di katil.

Sikap Liew mengutamakan kawan-kawan ini menjadikan beliau amat disenangi dalam pergau-

lannya dengan segenap lapisan masyarakat. Oleh itu tidak mengherankan apabila beliau sanggup menaiki bas dari Kuala Lumpur bersama ahli-ahli parti ke Melaka bagi menyertai perhimpunan dalam kempen selamatkan Bukit Cina itu.

Ketika satu majlis diadakan menyambut Hari raya Aidilfitri tahun 1971 anjuran DAP cawangan Seremban, ahli-ahli parti telah meminta semua ADUN menghiburkan mereka dengan sebarang persembahan. ADUN yang lain mengelak dari pada memenuhi permintaan ahli-ahli parti, tetapi Liew Ah Kim tampil ke hadapan menyanyikan lagu Melayu berjodol 'Begawan Solo'.

Kesediaannya memenuhi permintaan ahli-ahli dan penyokong-penyokong memperlihatkan beliau berani mencuba sedaya upaya bagi mengatasi masalah yang timbul. Sehingga beliau pernah ditertawakan di Parlimen oleh Ahli-ahli Parlimen BN apabila menyebut perkataan 'lori' menjadi 'loli'.

Bagaimanapun perkataan 'loli' itu tidaklah penting kalau dibandingkan dengan isu yang beliau bangkitkan. Liew membangkitkan satu isu besar berkaitan dengan pencemaran udara dan alam sekitar yang berlaku di KM 5 Jalan Sungai Besi dalam tahun 1989. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjadi punca berlakunya pencemaran udara dan alam sekitar ini, dengan menempatkan tempat pelupusan sampah di situ.

Lori-lori pengangkut yang sarat dengan sisa hahan binaan melalui jalan tersebut meninggalkan debu hingga mencemarkan udara di situ.

Bangunan tempat kediaman awam dan kilang-kilang sepanjang jalan yang ditempuh oleh lori-lori berkenaan telah ditutupi debu. Malah udara di kawasan tempat pelupusan sampah itu seolah-olah kabus tebal sepanjang hari.

Isu lori-lori pengangkut sampah yang digunakan oleh DBKL inilah dibangkitkan oleh Liew di Dewan Rakyat, tetapi ditertawakan oleh Ahli-ahli Parlimen BN di sebabkan sebutan 'lori' menjadi 'loli'. Bagaimanpun ucapan Liew tidak terjejas dengan ejekan Ahli-ahli Parlimen BN, kerana beliau lebih mementingkan isu yang dibangkitkan daripada cara berfikir yang tidak matang.

Kemampuan Liew menghadapi ejekan Ahli-ahli Parlimen BN adalah berasaskan pengalamannya yang luas sejak menjadi ADUN di Negeri Sembilan mulai tahun 1969 lagi. Beliau akan tetap mencuba kebolehannya berucap sama ada di Dewan Undangan Negeri mahupun di Parlimen untuk menyuarakan hasrat rakyat, sekalipun sebutannya kurang tepat.

Dalam tempoh 1982-1986 setelah mengalami kekalahan dalam pilihanraya umum, Liew tetap menyumbangkan khidmatnya kepada kepentingan awam. Beliau bukan sahaja terbabit dalam isu Bukit Cina, malah membangkitkan kes koperasi yang menyebabkan pendeposit-pendeposit mengalami kerugian. Semua isu demikian cuba ditutup oleh MCA supaya tidak sampai kepada pengetahuan umum. Oleh itu kekalahan Liew

dalam pilihanraya 1982 tidak menjaskankan usahanya untuk terus berkhidmat kepada orang ramai.

Apabila persempadanan baru pilihanraya dibuat menjelang pilihanraya 1986, Liew diberi tugas mengetuai DAP cawangan Jalan Sungai Besi yang meliputi kawasan Parlimen Seputeh. Dalam pilihanraya umum 1986 itu, Liew menang bagi kerusi Parlimen Seputeh, di samping menjadi Timbalan Pengerusi DAP Wilayah Persekutuan yang diketuaioleh Lee Lam Thye.

## DITANGKAP KALI KEDUA

Setelah menjadi Ahli Parlimen selepas pilihanraya 1986, sekali lagi Liew Ah Kim ditangkap kerana memperjuangkan nasib orang ramai. Ini jugalah amalan dalam pemerintahan kerajaan BN di bawah pimpinan Dr Mahathir, bahawa mereka yang mendedahkan penyelewengan akan diugut dengan tindakan polis. Sementara mereka yang melakukan penyelewengan dibebaskan.

Pada 7 Januari 1987, Liew bersama Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng and Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor kawasan Damansara N Madhavan Nair telah ditangkap di hadapan Bank Negara Malaysia kerana mendesak kerajaan campur tangan dengan 150 pendeposit-pendeposit yang wang mereka diselewengkan oleh koperasi-koperasi.

Lebih 300 koperasi yang diselenggarakan oleh mereka yang mempunyai hubungan rapat dengan

pemimpin-pemimpin MCA mengalami masalah kewangan, memyebabkan pendeposit-pendeposit mengalami kerugian. Disebabkan kerajaan masih mahu melindungi mereka yang terbabit dengan isu koperasi ini, Liew bersama rakan-rakannya terpaksa menganjurkan satu tunjuk perasaan di hadapan bangunan Bank Negara.

Dengan sokongan pendeposit-pendeposit dalam koperasi, Liew, Lim Guan Eng dan Madhavan Nair tidak mempedulikan amaran polis supaya bersurai. Mereka lebih rela ditangkap, daripada membiarkan orang ramai terus menjadi mangsa pemimpin-pemimpin koperasi. Kerajaan adalah bertanggung jawab menyebabkan koperasi-koperasi ini menghadapi masalah kewangan.

Kerajaan kemudiannya bersetuju melalui Bank Negara untuk memulangkan wang pendeposit-pendeposit dalam koperasi ini. Oleh itu Liew bersama Guan Eng dan Nair tidak merasa kesal menjadi mangsa kerajaan BN apabila mereka ditangkap oleh polis atas tuduhan berhimpun secara haram.

Masalah pendeposit dan koperasi ini memang sudah dialami oleh Liew Ah Kim sewaktu beliau masih menjadi ADUN Sungai Ujong di Negeri Sembilan, apabila ramai wanita di Rasah New Village mengadu kepada DAP Seremban bahawa mereka manjadi mangsa pengumpul wang yang disebut 'chit fund'. Cara mereka menyelenggara 'chit fund' ini samalah seperti pendeposit dan koperasi.

Wanita yang mengelolakan 'chit fund' ini menghilangkan diri bersama wang yang dikutip, menyebabkan mereka yang menjadi pendeposit mengalami kerugian. Ketika ini DAP Seremban menyerahkan kes wanita-wanita ini kepada peguam Yong Yong Soi, yang juga seorang bekas majestrit dan ahli DAP.

Disebabkan 'chit fund' dianjurkan secara haram, maka sebarang tindakan undang-undang amat sukar mahu diambil. Peristiwa tahun 1972 di Seremban ini menunjukkan cara memujuk pendeposit-pendeposit melabur kepada pengajur 'chit fund' masih diamalkan oleh mereka yang mempunyai hubungan rapat dengan pemimpin-pemimpin MCA.

Sekiranya golongan mereka yang terpedaya ini bertindak, sudah tentulah beban kesalahan diletakkan di bahu mereka, sedangkan mereka yang melakukan jenayah secara tersusun terlepas daripada undang-undang.

Bagaimanapun Liew sudah bersedia untuk ditangkap bila-bila masa sahaja kalau memperjuangkan nasib golongan uang tertindas ini. Malah sewaktu 'operasi lalang' dilaksanakan oleh kerajaan BN pimpinan Dr Mahathir-Ghafar tahun 1987, Liew memang tidak gentar untuk ditangkap. Beliau sudah menguruskan bayaran *instalment* rumah supaya dibayar setiap bulan melalui potongan, sekiranya beliau ditahan di bawah ISA.

Dalam 'operasi lalang' ini Liew bernasib baik berana tidak ikut ditahan bersama rakan-

rakannya yang lain seperti Lim Kit Siang, P Patto, Karpal Singh, Hu Sepang, Lim Guan Eng dan beberapa lagi. Ketika penduduk-penduduk Cheras membuat tunjuk perasaan membantah dikenakan RM 1 di tol Cheras, Liew juga ikut menyertai tunjuk perasaan tersebut. Bagaimana-pun beliau berasib baik tidak ditangkap.

Peristiwa tol Cheras meletakkan Ahli Parlimen Sungai Besi, Tan Kok Wai menjadi benteng penduduk-penduduk di Cheras apabila beliau ditangkap polis berikutan tunjuk perasaan tersebut. Dengan kegigihan Tan Kok Wai merelakan dirinya ditangkap polis, di samping perjuangan DAP untuk kepentingan penduduk-penduduk Malaysia, akhirnya kerajaan terpaksa menurunkan kadar bayaran tol Cheras kepada 50 sen sahaja.

‘Operasi lalang’ tahun 1987 hanya parti pembangkang sahaja menjadi sasaran, sedangkan Lee Kim Sai yang banyak menimbulkan isu sentimen kaum tidak ditangkap. Beliau hanya diminta bercuti ke luar negeri dalam tempoh ‘operasi lalang’ itu dibuat.

Ini bertepatan dengan kenyataan S Samy Vellu sewaktu bertelagah dengan Lim Guan Eng di kawasan ruang ligar Parlimen selepas Lim Guan Eng membangkitkan isu Maika Holding. Samy Vellu berkata kepada Guan Eng: **Samy Vellu tidak akan masuk jel kerana isu Maika Holding, tetapi awak dan ayah awak yang akan masuk jel.**

Tegasnya, kenyataan Samy Vellu ini mencerminkan hakikat sebenar pentadbiran BN iaitu sesiapa yang melakukan skandal tidak akan dihukum kerana mereka orang BN. Tetapi yang sepatutnya dihukum ialah orang yang bercakap benar dengan mendedahkan penyelewengan sehingga memusnahkan kepentingan negara. Maknanya orang-orang BN yang menjadi 'yes man' akan sentiasa terlindung dengan kekebalan undang-undang.

Dengan ramai pemimpin-pemimpin DAP ditangkap di bawah ISA dalam 'operasi lalang' itu, Liew Ah Kim telah dilantik oleh CEC memegang jawatan Pemangku Timbalan Setiausaha Agung, dengan Lee Lam Thye menjadi Pemangku Setiausaha Agung. Pemilihan Liew selaku Pemangku Timbalan Setiausaha Agung menjadi cabaran kepada beliau dan Lee Lam Thye untuk menerajui parti, ketika kebanyakan pemimpin-pemimpin ditahan oleh kerajaan.

Sebagai pemimpin pusat, Liew beberapa kali dipilih mewakili CEC menghadiri mesyuarat peringkat negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Malah dalam tahun 1987 itu selepas kebanyakan pemimpin-pemimpin ditahan di bawah ISA, Liew bersama Ahmad Noor, Naib Pengurus parti mewakili CEC menghadiri persidangan IPU yang diadakan di Sofia, Bulgaria. Persidangan IPU (Kesatuan Parlimen Antarabangsa) dihadiri oleh Ahli-ahli Parlimen sedunia bagi membincangkan kepentingan sistem demokrasi berparlimen berjalan dengan lancar.

Mewakili CEC menghadiri persidangan di peringkat antarabangsa memberi banyak pengalaman kepada Liew, terutama dalam saat permimpin-pemimpin utama seperti Lim Kit Siang, Karpal Singh, P Patto dan beberapa lagi merengkok dalam tahanan ISA berajaan BN.

Liew juga mempunyai pengalaman manis sewaktu mewakili CEC membantu kempen dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak tahun 1990. Beliau bersama Ahmad Ton, Naib Pengurus DAP negeri Johor dihantar ke Sibu. Mereka telah dibawa berkempen pada waktu malam di salah satu Rumah Panjang. Sewaktu rancak berceramah Ahmad Ton berbisik kepada Liew bertanyakan di bawah rumah ada orang memanggil namanya.

"Ramai orang merungut-rungut di bawah rumah memanggil nama saya: Mat, mat, mat ..." bisik Ahmad Ton sambil mendengar bunyi rungutan di bawah rumah. Memang Liew juga mendengar bunyi seperti orang berbisik menyebut: Mat, mat, mat. Tetapi setelah dipastikan bunyi tersebut sebenarnya ialah beratus-ratus ekor babi yang kandangnya dibuat di bawah Rumah Panjang.

Sepanjang perjalanan balik ke Sibu mereka berdua tertawa apabila kenangan peristiwa Ahmad Ton terkeliru dengan bunyi di bawah Rumah Panjang itu. Liew sendiri tidak dapat menahan ketawa sekiranya teringatkan kejadian bersama Ahmad Ton semasa berkempen di Sibu, Sarawak.

## 5 JANJI BERMULA

DUA kerusi ditambah bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjadikan 7 kawasan Parlimen diperuntukkan dalam pilihanraya 1986. DAP memperbaiki rekod dalam pilihanraya 1986 ini dengan memenangi 24 kerusi Parlimen dan 37 kerusi Dewan Undangan Negeri. Kemenangan cemerlang DAP ialah di Sabah dengan memenangi 4 kerusi Parlimen iaitu Sandakan, Gaya, Tanjung Aru dan Tawau.

Dalam pilihanraya umum 1986 ini juga DAP melancarkan program Tanjung 1 dengan matlamat untuk menawan Pulau Pinang. Lim Kit Siang sendiri menumpukan tenaga di Pulau Pinang dalam projek Tanjung 1 ini, tetapi BN diselamatkan oleh kerusi-kerusi yang diperlantik di Seberang Prai.

Kegagalan projek Tanjung 1 disebabkan beberapa faktor. BN bukan sahaja melakukan berbagai-bagi sekatan, malah menggunakan sepenuhnya media-massa. Dalam masa pilihanraya semua media-massa seolah-olah menjadi alat kerajaan BN. Regu Mahathir dalam menghadapi pilihanraya 1986 ialah Ghafar Baba selaku Timbalan Pendana Menteri yang juga Ketua UMNO Bahagian Seputih.

Seputeh adalah kawasan baru dalam Wilayah Persekutuan. Dalam persempadan baru

kawasan pilihanraya berjumlah 7 di Wilayah Persekutuan itu ialah:

1. Bukit Bintang
2. Sungai Besi
3. Kepong
4. Batu
5. Lembah Pantai
6. Titiwangsa
7. Seputih

Liew Ah Kim dipilih bertanding di kawasan Parlimen Seputih iaitu di kawasan Bahagian UMNO diketuai oleh Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri. Beliau ditentang oleh calon MCA David Chua Kok Tee. Dengan 83.1 peratus pengundi Cina, 7.6 peratus Melayu dan 8.6 peratus India daripada jumlah 75,153 pengundi, Liew Ah Kim menang dengan mendapat 36,782 undi berbanding dengan David Chua Kok Tee yang hanya memperolehi 15,789 undi.

Ketika berkempen membantu calon MCA Chafar Baba telah menjanjikan kepada pengundi pengundi di Salak South untuk membina pasar baru sama ada calon BN/MCA kalah ataupun menang dalam pilihanraya berkenaan. Janji Ghafar Baba untuk memikat hati pengundi pengundi di kawasan Parlimen Seputih tida diterima, apabila mereka memberi kemenangan mutlak kepada Liew dengan majoriti 20,993 undi.

Bagaimanapun janji Ghafar Baba mah membina pasar baru itu tidak dipenuhi sekalipun selepas pilihanraya 1990. Pengundi-pengundi Salak South tetap tidak melupakan janji ya

dibuat oleh Ghafar Baba dalam pilihanraya 1986, dan mereka tetap menuntut janji itu kepada sesiapa sahaja calon MCA yang bertanding di kawasan Parlimen Seputih.

Tapak yang dijanjikan untuk membina pasar baru itu telah didirikan kilang sementara oleh pihak tertentu, dengan tidak ada sebarang tindakan diambil oleh DBKL. Penduduk-penduduk di Salak South yang memerlukan bangunan pasar terus diabaikan, sekalipun negara sudah lebil 35 tahun mencapai kemerdekaan. Ghafar Baba sendiri juga sudah melepaskan jawatannya selaku Ketua UMNO Bahagian Seputih.

Ketika bertanding di kerusi Parlimen Seputih, Liew Ah Kim tidak memberikan apa-apa janji. Sebagai anak kampung sama juga seperti Ghafar Baba, tentulah sukar bagi Liew mahu membuat janji sekiranya terpilih menjadi wakil rakyat di tengah kota. Janji yang dibuat oleh beliau terhadap dirinya ialah mahu memberi khidmat kepada pengundi-pengundinya dengan sebaik mungkin.

Rekod perkhidmatan Liew sewaktu menjadi ADUN Sungai Ujong di Negeri Sembilan (1969-1978) dan ADUN Kajang di Selangor (1978-1982) meyakinkan pengundi-pengundi di kawasan Parlimen Seputih, sekalipun Liew tidak memberikan apa-apa janji dalam pilihanraya.

Sebaik sahaja dipilih sebagai Ahli Parlimen Seputih, Liew menumpukan khidmatnya kepada pendekatan (approach) kebajikan. Masalah sosial

memang wujud di mana-mana sahaja tidak kira di desa maupun di bandar. Kawasan Parlimen Seputih juga banyak kes masalah sosial yang tidak diberikan perhatian oleh pihak kerajaan yang memaksa Liew menyelesaikan sendiri dengan sokongan ahli-ahli DAP yang setia.

Mereka terpaksa bergotong royong membina jalan kecil bagi kemudahan penduduk-penduduk kampung setelah DBKL tidak melayani rungutan penduduk-penduduk kampung. Liew juga mengetuai ahli-ahli DAP membina jambatan kecil di Jalan Chan Sow Lin, setelah rungutan penduduk-penduduk kampung tidak diberi perhatian oleh DBKL.

Menjadi wakil rakyat di kota Kuala Lumpur sudah tentulah mempunyai banyak urusan dengan DBKL. Tetapi kerena birokrasi di DBKL menyulitkan hubungan orang ramai dengan pentadbiran. Malah DBKL sendiri tidak mengambil berat sekalipun masalah tersebut disuarakan oleh Ahli Parlimen.

Disebabkan banyak masalah sosial yang dibawa kepada DBKL tidak mendapat perhatian, Liew pernah mendesak kerajaan supaya jawatan Dato' Bandar Kuala Lumpur hendaklah dipilih melalui pilihanraya. Dengan cara demikian sahaja rakyat boleh menolak Dato' Bandar yang memberikan perkhidmatan tidak memuaskan setiap kali pilihanraya dibuat.

Tetapi kerajaan bimbang sekiranya Dato' Bandar dipilih melalui pilihanraya, peluang BN mahu mentadbirkan DBKL tidak cerah.

Pengundi-pengundi warga kota tidak akan memilih calon BN menjadi Dato' Bandar disebabkan terlalu banyak politiking dalam pentadbiran DBKL. Liew Ah Kim memang sentiasa memberikan perhatian serius ke atas sebarang salah guna kuasa yang dilaksanakan oleh DBKL.

Selepas perletakan jawatan Elyas Omar 17 September 1992, Liew telah membuat kenyataan akhbar bertarikh 16 September 1992 mengulas isu Dato' Bandar ini. Dalam kenyataan akhbar ini Liew menegaskan:

**"Sama ada Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan nama Dato' Bandar atau Pemangku Dato' Bandar esok 17 September 1992 mengikut Perkara 3 Akta Ibu Kota 1960, tugas pertama Dato' Bandar yang baru atau Pemangku Dato' Bandar ialah menyiasat isu pembelian 23 buah kereta Volvo DBKL dan perbelanjaan yang dianggarkan kira-kira RM 1.2 juta ke Casablanca dan Barcelona.**

Isu ini perlu diselesaikan dan dibawa ke muka pengadilan bagi menjamin wang pembayar-pembayar cukai cukai di Kuala Lumpur tidak digunakan sewenang-wenangnya, di samping keresahan mereka dengan perbelanjaan yang boros sehingga kebijakan Kuala Lumpur terabai seperti masalah setinggan, penjaja, kesesakan lalu lintas, banjir kilat dan beberapa lagi.

Desakan supaya dipilih anak negeri Selangor menjadi Dato' Bandar mengikut Perjanjian 1972 bukan perkara penting, kerana sesiapa sahaja dipilih sebagai Dato' Bandar adalah bertanggungjawab kepada rakyat dan pembayar-pembayar cukai di Kuala Lumpur.

Siapa bakal menjadi Dato' bandar tidak penting, tetapi yang penting ialah sumbangannya kepada pembangunan Kuala Lumpur dan kebijakan kepada rakyat serta pembayar-pembayar cukainya.

Oleh itu DAP Wilayah Persekutuan menyeru bakal Dato' Bandar atau Pemangku Dato' Bandar hendaklah memulakan tugas pertamanya dengan membersihkan imej institusi Dato' Bandar itu sendiri iaitu menyiasat isu sebenarnya pembelian 23 buah kereta Volvo DBKL dan jumlah perbelanjaan ke Casablanca dan Barcelona daripada 6 Julai hingga 3 Ogos 1992."

Kritikan Liew Ah Kim terhadap pentadbiran DBKL bukanlah mencari permusuhan dengan Dato' Bandar, tetapi disebabkan sikap birokrasi di DBKL yang memekakkan telinga dalam sebarang rungutan yang dibangkitkan oleh penduduk-penduduk Kuala Lumpur. Sekalipun DBKL akan mengambil tindakan, tetapi memakan masa yang lama.

Awal tahun 1992 misalnya penduduk-penduduk di Salak South New Village telah

membuat rayuan supaya ditebang sebatang pokok mati berhampiran rumah yang berbahaya kepada penduduk. DBKL tidak menghiraukan rungutan penduduk-penduduk dengan alasan menebang pokok mati berkenaan di luar tanggungjawab DBKL.

Disebabkan kedudukan pokok berkenaan di tepi jalan bukan dalam kawasan rumah penduduk, siapakah pula yang bertanggungjawab untuk menebangnya kalau bukan DBKL? Oleh sebab itu penduduk-penduduk di sini terpaksa menemui Liew bagi menyampaikan kebimbangan mereka. Urusan yang demikian kecil juga terpaksa dipenuhi oleh Liew dengan menghubungi DBKL dan mendesak supaya ditebang pokok berkenaan.

Setelah didesak oleh Liew Ah Kim, barulah DBKL mengambil langkah positif untuk menebang pokok mati yang berbahaya kepada keselamatan penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran.

## UTAMAKAN MASYARAKAT PENYAYANG

Tanggungjawab sebagai Ahli Parlimen bukan sekadar menyuarakan masalah rakyat sahaja, tetapi Liew Ah Kim terpaksa menerima apa sahaja pengaduan yang disampaikan kepadanya. Bagi menyelesaikan masalah kehidupan seorang lelaki tua Wong Voot Siew berumur 97 tahun yang tidak mempunyai keluarga di Kampung

Batu Kong, Jalan Sungai Besi, Liew mengambil inisiatif melaksanakan program utamakan masyarakat penyayang.

Wong Voot Siew telah diambil menjadi keluarga angkat DAP cawangan Jalan Sungai Besi dan segala urusan kebajikannya diselenggarakan oleh sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh Liew sendiri. Sumbangan wang diterima daripada ahli-ahli DAP cawangan Jalan Sungai Besi bagi membiayai perbelanjaan Wong Voot Siew.

DAP cawangan Sungai Besi menyediakan pembantu rumah dengan dibayar gaji RM 300 sebulan bagi menguruskan makan minum dan membasuh pakaian Wong Voot Siew. Di samping itu perbelanjaan sara hidupnya disumbangkan RM 300 sebulan juga. Segala urusan menyelenggarakan penjagaan kepada orang tua ini dibuat oleh John Ho, pembantu politik kepada Liew.

Program masyarakat penyayang yang dilaksanakan oleh DAP cawangan Jalan Sungai Besi ini disebabkan kes Wong Voot Siew tidak mendapat perhatian Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tentulah tidak adil masalah demikian terus dibebankan kepada ahli-ahli DAP cawangan Jalan Sungai Besi dan Liew Ah Kim, sedangkan kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat berlepas tangan daripada tanggungjawabnya.

Masalah yang mengabai kebajikan di kawasan Parlimen Seputih terpaksa diberikan perhatian oleh Liew apabila Jabatan Kebajikan Masyarakat enggan melayani kes demikian. Dalam bulan

September 1992 telah berlaku satu tragedi malang ke atas keluarga Leong Ah Loi di Salak South New Village. Kira-kira jam 3.00 petang kebakaran yang memusnahkan bangunan kilang di Jalan Sungai Besi telah berlaku.

Leong Ah Loi yang dikenali oleh jiran-jirannya sebagai seorang yang suka menolong sesiapa di dalam kesusahan, telah berkejar ke kawasan kebakaran itu untuk membantu menyelamatkan harta benda awam. Sekalipun jarak rumahnya dengan tempat kebakaran jauh, tetapi Leong Ah Loi ikut sama membantu mangsa kebakaran itu menyelamatkan harta bendanya.

Ketika ini seorang pemuda yang membantu mangsa kebakaran telah terkena kejutan elektrik akibat beberapa bahagian bangunan yang mempunyai wayar elektrik sudah runtuh. Leong Ah Loi yang cuba membantu pemuda tersebut juga telah terkena kejutan elektrik menyebabkan mereka berdua meninggal dunia dengan mengorbankan jiwa semata-mata untuk menolong orang lain.

Leong Ah Loi meninggalkan isteri bernama Chan Yoke Lan berumur 29 tahun dan tiga orang anak yang masih kecil. MCA Seputih telah membuat jaminan melalui kenyataan akhbar menubuhkan jawatankuasa untuk membantu mangsa kebakaran, tetapi tidak memberikan perhatian kepada mangsa yang terkorban kerana cuba membantu mangsa kebakaran menyelamatkan harta bendanya.

Oleh itu tidak ada pihak yang mahu menunjukkan simpati kepada keluarga Leong Ah Loi yang menjadi korban kerana mahu membantu orang lain. Liew telah mengambil inisiatif dengan meminta Jabatan Kebajikan Masyarakat memberikan bantuan kepada balu Leong dan anak-anaknya bagi membolehkan mereka memulakan penghidupan baru.

Liew telah melawat keluarga malang ini pada keesokan harinya selepas tragedi malang itu. Tiga orang anak kecil yang ditinggalkan oleh Leong Ah Loi mendapat simpati jiran-jiran, di mana salah seorang daripadanya sentiasa menangis memanggil-manggil ayahnya. Sebagai Ahli Parlimen sepenuh masa, Liew juga bukanlah seorang yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.

Oleh itu beliau mengambil inisiatif melancarkan kutipan derma dengan kerjasama akhbar-akhbar berbahasa Cina bagi membantu balu Loeng iaitu Puan Chan Yoke Lan. Dalam tempoh yang singkat sahaja derma untuk anak-anak mendiang Leong terkumpul lebih RM 30,000/. Dengan kutipan derma ini membolehkan Puan Chan memulakan perniagaan kecil-kecilan lagi menyara anak-anaknya.

Sekalipun isu yang diselesaikan oleh Liew merupakan nasib orang perseorangan, tetapi ianya membabitkan kepentingan masyarakat. Apakah akan terjadi kepada Puan Chan dan anak-anaknya yang masih kecil setelah hilang dahan tempat bergantung iaitu suaminya men-

diang Leong ? Malah ketika di Seremban pun kerap kali Liew campurtangan dalam masalah individu.

Kes penyewa tanah di Rasah yang tidak puas hati dengan tuan tanahnya seorang Sikh telah dibawa kepada Liew selaku ADUN. Tentulah merumitkan Liew kerana masalah itu tidak membabitkan rakyat dengan kerajaan. Lainkah kalau isu yang berurusan dengan kerajaan, tentulah beliau boleh kemukakan kepada jabatan-jabatan yang terbabit.

Disebabkan orang ramai tidak memahami fungsi ADUN atau wakil rakyat, beberapa orang penyewa tanah itu terus juga mendesak Liew campur tangan. Jalan yang boleh diambil Liew hanyalah berunding dengan tuan tanah berkenaan bagi menyelesaikan perbalahan mereka secara harmoni. Sekiranya tuan tanah tersebut berkeras, beliau terpaksa berhadapan dengan masalah sosial apabila penyewa-penyewa tanah tidak dapat bersabar dengan tekanan tuan tanah.

Tuan tanah secara undang-undang berhak menghalau penyewa-penyewanya apabila tidak membayar sewa. Disebabkan tuan tanah tersebut mahukan tanahnya disewa oleh orang lain, maka dia enggan menerima bayaran sewa daripada penyewa-penyewa. Sikap tidak adil tuan tanah itu jelas dengan memerangkap penyewa-penyewa terbabit sebagai golongan yang tidak menjelaskan sewa, setelah dia enggan menerima wang sewa.

Penyewa-penyewa pula berkeras tidak mahu menerima kenaikan kadar sewa tanah kerana

mengikut perjanjian tempoh menaikkan kadar sewa itu tidak sesuai. Bagi membolehkan tuan tanah untuk menghalau penyewa-penyewa ialah dengan membuktikan penyewa-penyewa tidak membayar sewa mereka. Isu inilah yang dibawa kepada Liew bagi diselesaikan.

Liew telah mengajak Abdul Muluk ke Rasah menemui lelaki Sikh yang menjadi tuan tanah itu. Sayangnya lelaki Sikh itu bersikap angkuh dengan tidak mahu melayani kedatangan Liew. Malah lelaki itu tidak mahu mempercayai Liew seorang ADUN setelah diperkenalkan kepada-nya.

"Mana saya tahu awak State Assemblyman atau bukan, macam mana saya boleh percaya awak State Assemblyman ?" tegas lelaki Sikh itu semacam menyindir. Tetapi Liew tetap memujuknya untuk berunding bagi menyelesaikan masalah tersebut sama ada lelaki Sikh itu percaya beliau seorang ADUN atau bukan.

Sikap lemah lembut Liew yang sentiasa mahu berunding itu, lama kelamaan berjaya melembutkan hati lelaki Sikh berkenaan. Tuan tanah itu bersetuju mempelawa Liew masuk ke rumahnya bersama penyewa-penyewa terbabit untuk membukakan pintu rundingan. Masalah perbalahan penyewa-penyewa tanah dengan lelaki Sikh itu akhirnya diselesaikan secara harmoni.

## **MEMORANDUM DARIPADA RAKYAT**

Langkah terakhir diambil oleh Liew setelah usaha-usaha peringkat awal tidak diambil perhatian oleh pihak berkuasa ialah mengemukakan memorandum yang ditandatangan oleh orang ramai. Pada 31 Julai 1987, Liew telah mengemukakan satu memorandum daripada penduduk-penduduk Kampung Baru Salak Selatan mengenai isu ‘Melanjutkan tempoh pajakan daripada 30 tahun ke 99 tahun bagi Kampung Baru Salak selatan, Kuala Lumpur’.

Isi kandungan memorandum yang ditanda tangani oleh 287 orang penduduk itu diserahkan kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Drs Suleiman Mohammed itu seperti berikut:

**"Kami diberitahu melalui surat kelulusan daripada Pengarah Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan pada tahun 1986 di mana pembayaran premium sebanyak RM 3,00 sekali persegi telah ditetapkan bagi melanjutkan tempoh pajakan selama 99 tahun.**

Pada bulan September dan berikutan bulan November 1986, YB Liew Ah Kim, Ahli Parlimen kawasan Seputih telah bagi pihak kami perayu kepada YB Menteri Wilayah Persekutuan, Kementerian Persekutuan untuk mengurangkan premium daripada RM 3.00 sekali persegi kepada 50 sen sekaki persegi, tetapi

hingga hari ini, kami belum menerima apa-apa jawapan.

Kami, penduduk-penduduk Kampung Baru Salak Selatan ingin menyuarakan kesulitan kami sebagai golongan yang berpendapatan rendah. Memandangkan kemerosotan ekonomi dan kekurangan peluang kerja-kerja, pendapatan purata bagi setiap rumah tangga adalah RM 600.00 atau kurang. Pendapatan yang kecil ini hanya dapat memenuhi keperluan asas bulanan mereka. Lagipun, pada tahun yang lalu, setiap penghuni telah membayar sumbangan sebanyak RM 4,500.00 kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi perbelanjaan sistem pembetungan.

Adalah difahamkan bahawa premium bagi Kampung Baru Cheras telah dikurangkan hingga RM 1.00 sekaki persegi dan kami di sini bersama-sama menuruni tandatangan dan mengemukakan memorandum ini agar tuan dapat meminda kadar premium bagi melanjutkan tempoh pajakan daripada 30 tahun kepada 99 tahun. Sungguh berbangga jika dapat kami menikmati kadar premium yang sama seperti dikenakan kepada Kampung Baru Cheras.

Sekian, terima kasih."

Isu pajakan tanah ini sudah disampaikan oleh Liew kepada Pengarah Tanah dan Galian

Wilayah Persekutuan dalam suratnya 5 November 1986 lagi, dan jawapan yang diberikan oleh jabatan berkenaan bertarikh 29 November 1986 rujukan PTG/WP, 2/16252/82(18) hanya dalam pertimbangan dan akan dibawa ke jatakuasa kerja tanah untuk diberi keputusan.

Liew juga menyampaikan rungutan orang ramai melalui memorandum mengenai keadaan perparitan di pekan Salak South yang sering dilanda banjir kilat menyebabkan kegelisahan pekedai-pekedai dan pengguna-pengguna jalan raya. Boleh dianggarkan banjir kilat berlaku 20 kali sepanjang tahun akibat sistem perparitan yang tidak kemas.

Selepas menerima memorandum bantahan daripada orang ramai, DBKL telah melaksanakan projek mengorek parit di kiri kanan jalan sepanjang pekan Salak South bagi mengatasi masalah banjir kilat ini. Sehingga akhir tahun 1992 projek mengorek parit berkenaan hampir siap sepenuhnya. Sekalipun berlaku juga banjir kilat sekali sekala, tetapi penduduk-penduduk berpuas hati dengan masalah tersebut yang sudah dapat diatasi.

Dalam bulan Jun 1989, dua memorandum telah dihantar oleh Liew bagi membawa masalah orang ramai kepada kerajaan. Pada 4 Jun 1989, beliau telah mengemukakan memorandum daripada penduduk-penduduk Bandar Baru Seri Petaling dan pakar-pakar persekitaran kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur mengenai isu: **Merayu kepada pihak berkuasa agar menutupi**

**tapak pembuangan sampah dan membengkalai sebarang cadangan pembinaan ‘incinerator’ berhampiran dengan Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur’.**

Seramai 1,162 orang penduduk daripada pelbagai kaum bersatu menurunkan tandatangan dalam memorandum ini yang isi kandungannya ialah:

"Adalah dimaklumkan bahawa tapak pembuangan sampah tersebut di atas telah wujud selama beberapa tahun yang lalu. Pada asalnya, tapak tanah tersebut yang keluasannya 10 ekar itu adalah di bawah paras jalan tetapi kini telah meningkat sekurang-kurangnya 14 kaki ke atas paras jalan. Walaupun di pandang sampah-sampah dalam keadaan melimpah, kami mendapati banyak lori sampah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang penuh muatannya masih menghantar ke tapak pembuangan tersebut.

Tapak pembuangan sampah ini bukan hanya merupakan pemandangan yang menyakitkan mata tetapi telah mengancam kesihatan penduduk-penduduk di kawasan perumahan Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur akibat pencemaran udara yang berpunca daripada bau busuk longgokan sampah tersebut.

Lagipun, sebuah kawasan perumahan yang bersebelahan dengan tapak pembuangan berkenaan akan dimajukan pada

masa yang singkat kelak setelah mendapati kelulusan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kami merasa kagum bagaimana pihak berkuasa DBKL meluluskan pelan tapak perumahan tersebut walaupun ianya berdekatan tapak pembuangan sampah itu.

Memandangkan betapa bahayanya pencemaran udara ini menjadikan kesihatan para penduduk di sini dan juga jiran perumahan pada masa tidak berapa lama lagi, kami ingin tahu sama ada pihak yang berkuasa menyedari perkara-perkara yang berikut:

- 1) Betapa serius akibatnya pencemaran udara dan air terhadap kesihatan orang ramai, dan
- 2) Betapa seriusnya 'radioactivity' yang disebabkan oleh sampah berkenaan.

Jika pihak berkuasa tahu keadaan masalah yang dihadapi, maka kami ingin tahu mengapa tapak pembuangan itu dibiarkan di tapak tersebut dan bukan ditutup dengan secepat mungkin. Untuk menambahkan masalah lagi, projek perumahan yang berdekatan tapak pembuangan sampah itu diluluskan lagi, sehingga pihak berkuasa mengabaikan kepentingan kesihatan persekitarannya.

Adalah difahamkan bahawa kerajaan bercadang untuk membina 'incinerator' di tapak pembuangan tersebut dengan kos sebanyak RM 100 juta dan kontrak tersebut telah diberi pada bulan Ogos 1988. Jika maklumat ini benar, kami dengan sepenuhnya menentang cadangan projek tersebut atas sebab-sebab yang berikut:

1. Jika 'incinerator' dibina, maka tapak pembuangan sampah yang sedia ada akan terus dijadikan tapak pembuangan;
2. Setiap 'incinerator' memang tidak boleh membakar sampah seratus peratus dan akan meninggalkan debu-debu dan sisa-sisanya dan ini akan menyebabkan kemungkinan pencemaran lagi;
3. Tapak pembuangan ini terlalu hampir dengan kawasan perumahan dan ini juga melanggar Akta Kualiti Persekutaran 1974; dan
4. Kami tidak diberi peluang untuk mengamalkan hak asasi manusia di bawah Seksyen 34 A dalam Akta (Pindaan) Kualiti Persekutaran 1985 (EIA).

Jika tapak pembuangan itu dibiarkan berada di tempat yang sama dan pembuangan dibiarkan berterusan dengan tidak

menghirau kawalan pencemaran udara dan pada masa yang sama kelak akan dibina 'incinerator', ini bermakna Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mempunyai sikap bertanggungjawab ke atas kepentingan kesihatan orang ramai.

Kami di sini merayu kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan semua jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat supaya mengambil perhatian dan tindakan seperti berikut:

1. Mencari suatu tapak gantian untuk pembuangan sampah dan yang sama perlu diletakkan sekurang-kurangnya 1,000 meter dari kawasan perumahan yang terdekat sekali;
2. Menutup tapak yang sedia ada dan menghentikan pembuangan sampah selama 3 bulan daripada tarikh di atas, sementara mengambil tindakan untuk mengawal pencemaran udara; dan
3. Membengkalai cadangan projek 'incinerator' di tapak tersebut di atas.

Memorandum ini ditanda tangani oleh penduduk-penduduk di Bandar Baru Seri Petaling dan lain-lain ahli persekitaran pada 4 Jun 1989. Orang-orang yang bertanda tangan di bawah adalah berhak untuk mengambil tindakan undang-undang menurut Akta EIA dan Akta

Kualiti Persekutaran 1974 terhadap se-siapa pihak jika masalah-masalah ini tidak diberi perhatian dan pertimbangan yang awal.

**Sekian dimaklumkan."**

Dalam usaha Liew Ah Kim menyampaikan memorandum ini beliau mendapat sokongan penduduk-penduduk yang sentiasa berdiri teguh di belakangnya dalam isu-isu yang dibangkitkan. Mereka tidak teragak-agak menurunkan tanda tangan sebagai ikrar menyokong tindakan Liew dalam usaha menyelesaikan masalah orang ramai yang tidak dihiraukan oleh pihak berkuasa.

Pada 29 Jun 1989, Liew mengetuai penduduk-penduduk rumah pangsa Razak Mansion, Batu 3 1/2 Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad dalam isu: Bantahan nilaiann tahunan yang tinggi dikenakan ke atas pembeli rumah pangsa Razak Mansion, Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Isi kandungan memorandum yang dihantar kepada Dr Mahathir itu ialah seperti berikut:

**"Kami penduduk-penduduk khususnya pembeli-pembeli rumah pangsa Dewan Bandaraya kawawan Razak Mansion, Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur dengan hormatnya ingin merayu kepada YAB Dato' Seri selaku menteri yang bertanggungjawab bagi kemajuan Wilayah Persekutuan berhubung dengan kadar nilaiann tahunan yang dikenakan oleh**

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ke atas rumah pangsa-rumah pangsa yang kami beli pada kadar yang tinggi.

Untuk makluman YAB Dato' Seri, nilaians tahunan yang dikenakan dan terus dikalkan oleh Dato' Bandar walaupun kami telah merayu untuk penurunan, ialah menurut jumlah bilik dan sewa tahunan iaitu RM 840.00 dan RM 1,080.00. Dato' Bandar telah menolak rayuan kami seperti dalam kenyataan keputusan bantahan bil. E 3209/ZAO/gay bertarikh 17 Jun 1989.

Kami dengan ini ingin menyampaikan bantahan kami atas nilaians tahunan yang tinggi serta ingin merayu kepada YAB Dato' Seri supaya campur tangan dengan mengurangkan jumlah nilaians tersebut. Rumah pangsa kos rendah dibina ialah untuk membantu keluarga-keluarga miskin. Kerajaan pada dasarnya patutlah membantu mengurangkan beban yang ditanggung oleh golongan ini bukan menambahkan lagi beban kepada mereka. Penduduk-penduduk kebanyakannya adalah golongan berpendapatan rendah dan mereka merasa bahawa kesusahan untuk menampung perbelanjaan bulanan keluarga kerana kos sara hidup dan kadar inflasi sangat tinggi dan semakin tinggi.

Kebanyakan pemilik-pemilik rumah pangsa adalah terdiri daripada golongan rakyat yang telah tua atau pesara-pesara yang menggantungkan kehidupan mereka di atas belas ihsan anak-anak yang mana mereka juga memikul beban keluarga sendiri. Unit rumah pangsa yang dibeli oleh keluarga mereka sendiri dan bukan disewakan untuk mendapat keuntungan. Di samping itu pembayaran balik pinjaman bank pada setiap bulan untuk rumah pangsa yang dibeli itu sudah cukup membebankan mereka kerana kadar faedah yang tinggi malah pembayaran balik itu telah pun dicukai oleh kerajaan. Mereka juga tidak dapat lari daripada membayar caj penyenggaraan tahunan sebanyak RM 240.00 yang dikenakan ke atas setiap memiliki unit rumah pangsa.

Sekian dimaklumkan."

Memang memorandum daripada rakyat senjata berkesan dalam mendesak kerajaan memberikan keadilan kepada semua warganegara. Oleh itu Liew terpaksa meminta sokongan rakyat sekiranya pihak kerajaan sengaja mahu berdalih apabila satu-satu isu dibangkitkan.

Mereka membangkitkan isu yang membabitkan kepentingan orang ramai bukan mahu menentang kerajaan, tetapi menuntut keadilan yang sewajarnya dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi. Tetapi ada kalangan para pentadbir dalam jabatan-jabatan kerajaan

yang sengaja bersikap emosi hingga wujudnya rasa sentimen kaum.

Sebelum itu Liew juga menyampaikan masalah penduduk-penduduk di Razak Mansion kepada Dato' Bandar dengan mengetuai 307 penghuni rumah pangsa itu menyampaikan memorandum pada 19 Ogos 1988 yang merayu supaya dikurangkan bayaran perkhidmatan di rumah pangsa berkenaan. Dalam memorandum itu ditegaskan:

**"Adalah dimaklumkan bahawa terdapat 661 buah unit rumah pangsa kediaman di Razak Mansion dan 71 peratus daripadanya telah dijual.**

Kami sebagai pembeli-pembeli rumah pangsa tersebut dikehendaki untuk membayar bayaran perkhidmatan bulanan sebanyak RM 40.00 sejak masa pembelian dilakukan dan sehingga hari ini belum lagi dipinda.

Bayaran perkhidmatan meliputi penyenggaraan kerja-kerja seperti pembuangan sampah sarap, pembersihan persekitaran, tangga dan veranda, menggantikan lampu awam dan pemberesan paip bersama. Rumah pangsa tersebut tidak mempunyai lif-lif dan kami merasa kadar bayaran sebulan sangat tinggi.

Adalah difahamkan bahawa bayaran perkhidmatan sebulan di Wangsa Maju yang berkuat kuasa pada Januari 1987 adalah RM 20.00 sahaja. Pengumuman yang di-

**buat oleh Datuk Bandar pada 27 Mei 1987 adalah dirujuk.**

Oleh yang demikian, kami di sini menuarkan tanda tangan untuk merayu kepada Datuk Bandar supaya mengurangkan bayaran perkhidmatan sebulan kepada RM 20.00.

**Kerjasama dan pertimbangan tuan sangat dihargakan."**

Datuk Bandar Kuala Lumpur terpaksa ber-setuju dengan desakan penduduk-penduduk ini seperti dijelaskan dalam surat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertarikh 28 September 1988, rujuk (72) dlm. DBKL/JPP/ZON2/A008. Dalam surat yang ditanda tangani oleh Roslan bin Ibrahim daripada Jabatan Pengurusan Perumahan memberi jawapan:

**"Adalah saya diarah merujuk surat YB bertarikh 19 Ogos 1988 berkenaan perkara di atas.**

**2. Sukacita dimaklumkan bahawa Y Bhg Datuk Bandar telah ber-setuju meluluskan penurunan bayaran perkhidmatan di rumah pangsa Razak Mansion, Jalan Sungai Besi daripada RM 40.00 kepada RM 20.00 sebulan. Pernurunan kadar bayaran ini berkuat kuasa mulai 1 Oktober 1988.**

**3. Sekian untuk makluman Y Berhormat."**

Khidmat cemerlang yang diberikan oleh Liew Ah Kim sebagai Ahli Parlimen kawasan Seputih

sepanjang penggal 1986-1990, membolehkan beliau terus dipilih oleh pengundi-pengundi dalam pilihanraya umum 1990. Undi yang diperolehi oleh Liew dalam pilihanraya umum 1990 semakin bertambah iaitu 39,445 mengalahkan calon MCA Fu Ah Kiaw yang mendapat 16,437. Majoriti yang didapati oleh Liew 20,993 dalam pilihanraya umum 1986 meningkat kepada 23,008 dalam pilihanraya umum 1990.

Sokongan yang terus diberikan oleh pengundi-pengundi di kawasan Parlimen Seputih adalah berdasarkan rekod perkhidmatannya yang dikagumi. Sekaligus pula menolak dakwaan rencana fitnah yang disiarkan oleh sebuah akhbar Cina yang menyebutnya sebagai 'Ahli Parlimen yang tidur'. Bagaimanapun Liew terpaksa mengambil tindakan undang-undang ke atas fitnah tersebut dengan menyamannya di mahkamah.

## 6 WAKIL RAKYAT DI KOTA

PILIHANRAYA umum 21 Oktober 1990, DAP tidak bersendirian sebagai pembangkang. Persefahaman telah dicapai di kalangan parti-parti pembangkang iaitu Semangat 46, DAP, PRM, IPP didalam GAGASAN RAKYAT, manakala di Kelantan dan Terengganu persefahaman pembangkang membentuk Angkatan Perpaduan Ummah.

Sekalipun DAP gagal membentuk kerajaan di Pulau Pinang, tetapi DAP merupakan parti majoriti di Dewan Undangan Negeri dengan memenangi 14 kerusi, sementara UMNO hanya memenangi 12 kerusi, dan Parti Gerakan 7 kerusi sahaja. Gerakan terpaksa berkongsi dengan UMNO bagi membolehkan parti itu memerintah dan membentuk kerajaan di Pulau Pinang.

Kedudukan kerusi Parlimen DAP pula tidaklah merosot di Semenanjung sekalipun Dr Chen Man Hin tewas di Seremban. Dalam pilihanraya 1986 DAP memperolehi 24 kerusi parlimen dengan adanya 4 kerusi di Sabah dan 1 kerusi di Sarawak. Tetapi dengan langkah PBS mengisyiharkan menyertai pembangkang pada 15 Oktober 1990, kesemua 4 kerusi DAP di Sabah jatuh kepada PBS.

Dalam pilihanraya 1990 kerusi Parlimen yang dimengangi oleh DAP di Semenanjung ialah 18, dan di Sarawak 2. Oleh itu kurangnya kerusi

DAP bukanlah disebabkan prestasi yang menu-  
run, tetapi wujudnya pembangkang dalam pem-  
bangkang di Sabah menyebabkan pengundi-  
pengundi serba salah. Mereka kemudiannya  
membuat pilihan kepada PBS, disebabkan  
kedudukan PBS sebagai kerajaan di Sabah.

Liew Ah Kim kekal memenangi kawasan  
Parlimen Seputih. Ketika berlaku kebakaran  
kilang mercun Bright Sparklers di Kampung  
Baru Sungai Buluh dalam bulan Mei 1991, rom-  
bongan DAP diketuai oleh Lim Kit Siang sejak  
pagi lagi sudah melawat ke kawasan kebakaran  
itu pada 8 Mei 1991.

Kebakaran kilang mercun itu penuh dengan  
misteri, kerana beroperasi di tengah kawasan  
kediaman orang ramai. Bagaimana pihak polis  
dan kerajaan negeri Selangor membenarkan  
kilang yang menyimpan bahan letupan beroperasi  
di kawasan perumahan. DAP telah membang-  
kitkan isu kilang Bright Sparklers ini bagaimana  
ianya boleh beroperasi sekian lama dengan tidak  
ada sebarang tindakan daripada pihak berkuasa.

Laporan juga menyebut kilang berkenaan  
sudah dua kali meletup, dengan bomba dike-  
jarkan untuk memadamkan api. Ini bermakna  
kerajaan memang menyedari kilang mercun itu  
beroperasi. Tetapi laporan mengenai kebakaran  
kilang mercun Bright Sparklers ini tidak diberi  
penjelasan secukupnya oleh kerajaan. Semua  
pihak masih berdalih dengan kejadian yang  
mengorbankan banyak jiwa dan harta benda  
awam.

Rumah-rumah berhampiran kilang berkenaan musnah. Penduduk-penduduk terbabit juga mengalami kerugian akibat letupan yang menggegar hingga lebih satu kilometer sekeliling kawasan berkenaan. Selepas kejadian ini kerajaan Selangor baru bertindak mahu mengesan kilang-kilang haram, di samping wujudnya satu lagi kilang mercun di Kajang.

Pada 8 Mei 1991 jam 11.00 pagi Liew Ah Kim bersama Naib Pengurus Kebangsaan Lee Ban Chen dan ADUN Negeri Sembilan kawasan Peradong Lai Teo Kuan melawat kawasan letupan yang memusnahkan kilang mercun itu. Sewaktu Liew masuk ke kawasan larangan, Timbalan Perdana Menteri Ghaffar Baba juga sampai bersama rombongannya. Ketika ini Lim Kit Siang bersama rombongannya sudah pun meninggalkan kawasan kebakaran.

Sewaktu rombongan Ghafar Baba meninggalkan kawasan kebakaran dengan melambai-lambai tangan kepada penduduk-penduduk yang berduka sejam kemudian, Liew tidak balik selepas melihat kawasan kebakaran. Beliau berjalan kaki menemui penduduk-penduduk di situ bagi mendapatkan gambaran mengenai kebakaran dan letupan yang dahsyat itu.

Satu keluarga pekebun sayur dengan linangan air mata menunjukkan dapur rumahnya yang musnah, di samping bahagian atap berlubang akibat terjahan batu sebesar kotak susu yang berterbang dari arah letupan kilang Bright Sparklers itu. Rumah berkenaan terletak hampir

setengah kilometer dari tempat letupan dan kebakaran.

Bayangkan dalam jarak demikian jauh rumah berkenaan terkena terjahan batu, bagaimana pula dengan nasib rumah yang berhampiran ? Penanam sayur itu bernasib baik kerana sewaktu kejadian mereka semuanya sedang bekerja di kebun sayur. Anak-anaknya tidak ada di rumah kerana ditumpangkan di rumah ibu mertuanya yang tidak tinggal dalam kawasan berkenaan.

Penanam sayur itu terkejut dengan letupan yang menggegar perkampungan di Sungai Buluh itu, hingga nampak dengan jelas dari kebun sayurnya api menjulang naik. Disebabkan sudah dapat mengagak letupan daripada kilang mercun berkenaan, penanam sayur itu terus balik ke rumah bagi memastikan anak-anaknya yang bersekolah belum balik lagi ke rumah.

Keluarga ini dapat melihat ketul batu sebesar kotak susu di tengah rumah, dengan sebahagian dapurnya musnah. Dinding dan lantai juga retak akibat gegaran kuat. Liew Ah Kim masuk sendiri ke dalam rumah pekebun sayur berkenaan untuk melihat keadaan rumah mangsa tersebut akibat kecuaian kerajaan membenarkan kilang yang menyimpan bahan letupan beroperasi.

Kemudiannya Liew melihat jiran mangsa berkenaan iaitu satu keluarga India, yang salah seorang keluarganya terbabit dalam letupan tersebut sebagai pekerja. Keluarga berkenaan bukan sahaja kehilangan keluarga yang terkorban dalam letupan di kilang mercun tersebut, malah

sebahagian dinding dan lantai rumahnya pecah-pecah akibat gegaran kuat.

Dalam kejadian letupan kilang mercun Bright Sparklers di Sungai Buluh ini, Liew tidak sekadar menunjukkan muka dengan masuk melawat tapak kilang yang menjadi debu, tetapi meluangkan masa hampir satu jam menemui penduduk-penduduk yang menjadi mangsa pihak kapitalis yang mencari keuntungan di atas keringat dan air mata penduduk-penduduk miskin di Kampung Baru Sungai Buluh.

Kilang berkenaan terus beroperasi sekalipun kerajaan negeri Selangor menyedari tersimpan bahan letupan di situ. Sejak beberapa tahun telah berlaku kebakaran kecil akibat bahan letupan, tetapi tidak ada tindakan diambil. Malah dalam kejadian sebelum itu sudah ada nyawa terkorban, namun kerajaan negeri Selangor dan pihak berkuasa seperti bomba dan polis terus mendiamkan diri.

Kenapa setelah berlaku letupan yang menggegarkan Sungai Buluh dengan kebakaran yang mengerikan, baru kerajaan negeri Selangor mahu bertindak ? Masakan Majlis Perbandaran Petaling Jaya, balai bomba atau polis daerah tidak pernah menerima laporan mengenai kebakaran dan kehilangan jiwa sebelum tragedi itu.

Tetapi Liew Ah Kim tidak sekadar menjengahkan muka di tempat kejadian untuk mendapatkan liputan media-massa, malah beliau menemui penduduk-penduduk di situ. Liew ber-

tanyakan gambaran sebenar serta masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk. Tiap-tiap orang penduduk yang ditemui oleh Liew semuanya mahukan kilang tersebut ditutup, dan kerajaan mesti melarang sebarang kilang beroperasi dalam kawasan kediaman orang ramai.

Sikap kerajaan membenarkan golongan usahawan mengaut untung dengan menyebabkan orang awan terancam berlaku juga di Batu Arang, Rawang dalam bulan Julai 1991. Liew telah pergi membuat tinjauan ke Batu Arang bersama Dr Kua Kia Song, Ahli Parlimen Petaling Jaya apabila berlaku tanah jerlus menyebabkan sebahagian pekan Batu Arang menghadapi bahaya.

Tanah jerlus berlaku di Batu Arang disebabkan aktiviti sebuah syarikat simen yang mengambil bahan sisa arang batu di situ. Akhbar WATAN keluaran 13 Julai 1991 menyatakan kenyataan Liew Ah Kim:

**"BATU ARANG: DAP membidas kerajaan negeri tidak mengambil berat rungutan orang ramai di pekan ini yang membahayakan keselamatan, berikutan dengan aktiviti syarikat simen di Rawang menggunakan bahan-bahan sisa arang batu. Setiausaha Publisiti DAP Kebangsaan Encik Liew Ah Kim semasa membuat lawatan ke sini berikutan berlakunya tanah jerlus di sekitar pekan ini kelmarin berkata:**

**"Bekas lombong arang batu yang dikorek bagi mengambil sisa bahan ini oleh**

syarikat simen di Rawang menyebabkan banyak terowong di bawah pekan ini menghadapi masalah tanah jerlus."

Encik Liew yang juga anggota Parlimen Seputih kemudiannya meminta kerajaan negeri memastikan punca sebenar berlakunya tanah jerlus di pekan ini, dan mengambil langkah segera bagi menjamin keselamatan penduduk-penduduk di sini yang sentiasa dalam keadaan bimbang. "Masalah tanah jerlus yang melanda pekan ini adalah perkara serius, dan kerajaan negeri tidak boleh tunggu dan lihat sahaja untuk bertindak," tegasnya.

Liew Ah Kim tidak akan membangkitkan sebarang masalah orang ramai selagi beliau tidak melihat sendiri keadaan sebenarnya. Oleh itu sebarang kenyataan akhbar atau ucapannya di Dewan Rakyat adalah setelah melihat sendiri keadaan yang berlaku. Beliau datang sendiri menemui orang ramai sama ada di luar kawasan pilihanrayanya semata-mata mahu mendapatkan gambaran sebenar mengenai kesulitan yang dihadapi oleh mereka yang menyampaikan aduan kepada beliau.

## SUARA DI DEWAN RAKYAT

Beberapa kali Liew Ah Kim berdiri untuk mendapatkan peluang berucap di Dewan Rakyat, tetapi peluangnya akan tipis kalau Ong Tee

Keat, Timbalan Speaker mempengerusikan sidang Dewan Rakyat. Dalam isu kebakaran lapangan terbang Subang, beliau bangun beberapa kali tetapi tidak diberi laluan oleh Ong Tee Keat.

Isu kebakaran lapangan terbang Subang pada 15 Oktober 1992, tentulah membabitkan Menteri Pengankutan, Dr Ling Liong Sik iaitu **boss** Ong Tee Keat sendiri. Memang Ong Tee Keat sudah menduga ucapan Liew akan mengkritik kewibawaan Dr Ling sepanjang ucapannya. Oleh itu beliau bertindak menyekat dengan tidak memberi laluan kepada Liew.

Di dalam akhbar-akhbar Cina memang Liew mengkritik MCA dengan keras yang menyebabkan Ong Tee Keat tidak senang. Beberapa kali Liew menyifatkan Ong Tee Keat tidak berwibawa sebagai penggerusi sidang Dewan Rakyat, disebabkan kerapkali memihak dengan mempertahankan menteri-menteri MCA.

"Ong Tee Keat mestilah bersikap adil menjadi penggerusi sidang Dewan Rakyat, bukannya memihak kepada satu-satu parti politik. Sikap demikian adalah tidak layak duduk di kerusi penggerusi sidang Dewan Rakyat." jelas Liew apabila mempertikaikan sikap Ong Tee Keat, Timbalan Speaker Dewan Rakyat yang juga Ahli Parlimen Ampang Jaya yang memenangi kerusi tersebut dengan belas ihsan penyokong-penyokong UMNO.

Ketika berucap membahaskan Akta Pengambilan Tanah 1960 (pindaan 1991) di

Dewan Rakyat, Liew berpeluang membuat ucapan apabila Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Zahir Ismail mempengerusikan sidang Dewan. Teks ucapan Liew Ah Kim yang dibangkitkan di Dewan Rakyat pada 30 Julai 1991 seperti berikut:

"DAP merasakan Akta Pengambilan Tanah 1960 (pindaan 1991) yang disebut Akta Ibu, Seksyen 3 di bawah 68 (a) dan perenggan (b) yang dibentangkan sekarang dilakukan secara terburu-buru, tidak demokratik, malah tidak logik sama sekali.

Langkah kerajaan menguatkuasakan '*Where any land have been acquired under these act*' menimbulkan keresahan dan kebimbangan rakyat, apatah lagi mereka yang tidak memahami proses undang-undang.

Kerajaan pula diberi kuasa terlalu luas untuk maksud pengambilan tanah '*whether before or after the commencement of the section*' dengan meletakkan hak hanya pada sebelah pihak kerajaan sahaja.

Rakyat secara langsung tidak diberi peluang mencabar sebarang keputusan pengambilan tanah ke mahkamah disebabkan '*no subsequent disposal or use of, or dealing with, the land whether by State Authority or by the go goverment, person or corporation on whose behalf the land was acquired, shall invalidate the acquisition of the land*'.

Tidakkah kerajaan sedar akta ini bertentangan dengan hak asasi manusia di mana-mana

pun negara dalam tamaddun moden sekarang? Apakah fungsi mahkamah diwujudkan apabila seseorang warga negara tidak diberi peluang mendapatkan pengadilan di mahkamah?

Tanah adalah sumber harta terpenting kepada manusia. Mereka yang tidak memiliki tanah sudah tentu sentiasa menghadapi kebimbangan dengan nasib masa depan anak-anaknya. Mereka terpaksa menumpang di tanah orang lain, atau meneroka tanah karam seperti kes Hamid Tuah dalam peristiwa Teluk Gong, di Klang, Selangor pertengahan tahun 60-an dulu.

Apakah kerajaan tidak memikirkan bagaimana nasib mereka yang dipaksa menyerahkan tanahnya dengan bayaran pampasan tidak setimpal pada kadar harga pasaran sebenar? Apakah kerajaan mahu melihat lebih ramai rakyat Malaysia kehilangan tanah dengan Akta yang tidak demokratik ini?

Memang kerajaan boleh memberi pelbagai jaminan bahawa Akta ini tetap memelihara kepentingan rakyat! Tetapi apa yang dirancang '*on the paper*' bukanlah mudah apabila dipraktikkan.

Sepatutnya kerajaan harus belajar bahawa masalah setinggan dan penerokaan tanah haram adalah berpunca daripada kegelisahan rakyat yang laparkan tanah. Kerajaan juga pernah menghadapi masalah tunjuk perasaan pelajar-pelajar sekitar awal tahun 70-an di Baling, Kedah dan setinggan di Johor Bahru, Johor.

Isu kemiskinan dalam tunjuk perasaan pelajar pada tahun 70-an dulu pernah melibatkan Ahli

YB dari Pasir Mas dan Ahli YB dari Permatang Pauh, yang menjadi pemimpin pelajar ketika itu.

Sepatuhnya mereka berdua parlu menasihati kerajaan terhadap Akta Pengambilan Tanah yang tidak demokratik ini, apabila sama-sama berada di Dewan Rakyat ini sekarang.

Kita mengamalkan sistem demokrasi. Tidak ada istilah ‘demokrasi ala Malaysia’ atau ‘demokrasi ala Barat’ dalam amalan demokrasi ini. Demokrasi tetap demokrasi, dan kita perlu menghormati konsep itu sekiranya mahu mengekalkan sistem demokrasi dalam pentadbiran negara.

Rakyat perlu diberi peluang mempertahankan hak mereka dalam soal pengambilan tanah mereka. Mengambil tanah mereka secara paksa sekalipun dihalalkan oleh undang-undang yang tidak demokratik ini, samalah macam mencabuli maruah mereka.

Dengan majoriti di Dewan ini memang BN boleh meluluskan apa sahaja Akta dengan tidak mempedulikan ianya demokratik atau sebaliknya. Tetapi dalam kes ini kerajaan perlu membuat pilihan sama ada mahu menjaga kepentingan rakyat secara adil atau mahu memenuhi keghairahan pucuk pimpinan kerajaan secara tidak bermoral ?

Memang kerajaan mengadakan undang-undang atau Akta setelah mendapat nasihat daripada pakar-pakar, tetapi ada waktunya nasihat pakar-pakar boleh diketepikan apabila kerajaan merasakan kepentingannya terjejas. Tidak he-

ranlah bagaimana kes Tun Salleh Abbas bekas Ketua Hakim Negara masih menjadi misteri dalam sejarah undang-undang di negara kita.

Akta Pengambilan Tanah 1960 pindaan 1991 yang dipanggil Akta Ibu ini, bukanlah 100 peratus sempurna. Masih banyak yang tidak jelas kerana kita tidak diberi butir-butir lengkap iaitu cara mana tanah-tanah terbabit akan diambil ?

Apakah definisi '*if beneficial to the economic development of Malaysia, or any part thereof, or to the public generally, or any clause of the public*'.

Tidak mungkinkah akan berlaku pengambilan tanah untuk membina bangunan tertentu misalnya bangunan UMNO, MCA atau MIC yang membabitkan tanah orang perseorangan yang juga dikira '*if beneficial to the economic development of Malaysia*'.

Demikian yang berlaku sekarang dalam kes 1,500 keluarga lebih kurang di Kampung Thye San, Salak Selatan di Kuala Lumpur yang melibatkan 233 ekar tanah mereka, termasuk juga beberapa buah kilang. Pengambilan tanah di situ memang bertujuan untuk pembangunan di kawasan saya - Seputih.

Pembinaan padang golf untuk 18 lubang di situ untuk pembangunan dan kepentingan siapa? Ke mana lebih kurang 1,500 keluarga itu akan berpindah apabila tanah perumahan mereka sekarang diambil untuk tujuan '*if beneficial to the economic development of Malaysia*' itu ?

Seorang sarjana hukum dari Unviersitas Andalas, Padang, Sumatera Barat, Bapak

Herman Sihombing, pernah membentangkan kertas kerja mengenai tanah dalam tahun 1968 dalam 'Seminar Hukum Adat Minangkabau' beliau menyebut:

Dari segi penguasaannya tanah disebut:  
i) tanah perseorangan, ii) tanah pusaka tinggi, dan iii) tanah pusaka rendah. Yang banyak menimbulkan persoalan ialah tanah harta pusaka tinggi, tanah suku yang belum termasuk dalam katogeri 'genggam beruntuk, pegang bermasing' iaitu tanah yang belum diusahakan ..."

Apakah Akta yang kita bincangkan sekarang termasuk dalam kategori hanya tanah harta pusaka tinggi yang disebut dalam kertas kerja Bapak Herman iaitu: Tanah yang tidak diusaha-hakan ? Apakah kerajaan hanya akan mengambil tanah yang tidak diusahakan ? Apakah kerajaan hanya akan mengambil tanah yang tidak diusa-hakan untuk dibangunkan secara komersil?

DAP mengalu-alukan sekiranya kerajaan mengambil tanah yang tidak diusahakan. Mungkin tanah demikian boleh memberi manfaat kepada semua pihak. Rakyat Malaysia memang mahukan pembangunan dalam segala aspek.

Tidak bermakna rakyat menolak pembangunan sekiranya mereka mempertikaikan undang-undang yang tidak adil. Mahkamah wajar menjadi perisai terakhir sekiranya kerajaan enggan memenuhi rayuan mereka. Pengambilan tanah orang ramai atas alasan pembangunan sudah

berlaku semenjak merdeka lagi iaitu kira-kira lebih 33 tahun lalu.

Tetapi di bawah pentadbiran sekarang yang menjanjikan masyarakat penyayang inilah, Malaysia berhadapan dengan satu undang-undang yang dipaksakan melalui Dewan yang mulia ini bagi memenuhi kemahuan segelintir pemimpin melaksanakan Akta ini secara '*by hook or by crook*' mesti di luluskan.

Kalaularah mahkamah tidak dibenarkan menjadi benteng kehakiman, bagaimanakah rakyat yang senasib dengan satu kes di Batu Kikir, Negeri Sembilan mahu mencari keadilan ?

Puan Sepiah binti Maarif dari Kampung Bukit Perah, Batu Kikir, Negeri Sembilan ditawarkan RM 3,000/- sahaja bagi tanahnya lot 1189 EMR seluas 2 ekar 1 rod .04 pool atau 0.9207 hektar. Manakala rumahnya pula ditawarkan pampasan RM 10,000/- sahaja.

Puan Sepiah yang sudah berumur lebih 60 tahun diminta pula berpindah dari tapak rumahnya, dengan tidak diberi tapak rumah lain sebagai ganti. Tujuan kerajaan memang baik iaitu untuk membesar jalan Batu Kikir-Padang Lebar bagi manfaat rakyat di kawasan ini.

Tetapi apakah di sebalik tujuan baik ini terpaksa pula menghancurkan harapan Puan Sepiah dan keluarganya ? Apakah Puan Sepiah menentang pembangunan apabila beliau enggan menyerahkan tanah dan tapak rumahnya ? Puan Sepiah seorang warganegara yang sudah banyak berkorban untuk pembangunan sebelum ini.

Beliau pernah menyerahkan tanah getahnya lot 76 EMR 2178 seluas 0.200 ekar untuk membina Sekolah Kebangsaan Batu Kikir dengan pampasan RM 1,300/- sahaja, sekalipun tanah getah itulah sumber pendapatan beliau sekeluarga dengan anak-anak seramai 10 orang.

Tidak lama selepas itu sekali lagi beliau dengan rela hati menyerahkan satu ekar tanah getahnya di atas lot seluas 2 ekar 3 rod 0.04 pool itu untuk membina bangunan tambahan Sekolah Kebangsaan Batu Kikir.

Ini membuktikan Puan Sepiah adalah contoh warganegara yang bukan menentang pembangunan, sebaliknya beliau mahukan keadilan sosial apabila enggan berpindah daripada tapak rumahnya sekarang.

Seorang bekas tenaga pengajar di Fakulti Hukum dan Pengetahuan Masyarakat, Universitas Indonesia, Jakarta - Allahyarham Prof Mohammad Nasroen (meninggal dunia 28 September 1969) dalam kertas kerjanya yang yang dibentangkan di Seminar Hukum Adat Minangkabau tahun 1968, di Sumatera Barat berpendapat:

"Mengenai hukum tanah di Minangkabau ada dua corak hukum iaitu: i) hukum adat, dan ii) hukum pemerintah. Dalam sejarah ada undang-undang dari pemerintah, tetapi tidak diterima oleh masyarakat dan oleh sebab itu tidak dijalankan, sungguhpun ia adalah undang-undang, umpamanya Undang-undang Agrira

**Reglemen tahun 1872 yang tidak dijalankan di wilayah Minangkabau."**

Ini bermakna penjajah Belanda yang dikatakan kejam di Indonesia, masih mempunyai sikap peri kemanusiaan setelah masyarakat menolak undang-undang yang diciptanya. Kita harus sedar bukanlah semua undang-undang itu mampu menyelesaikan masalah sebenar,

Kita bersidang di Dewan yang mulia ini untuk membincangkan perkara yang memberi manfaat kepada rakyat. Kalau undang-undang dibentangkan untuk kepentingan kerajaan dengan mengabaikan masalah rakyat majoriti, ini juga menggalakkan wujudnya '*exploitation man by man*'.

Hukum tanah di Minangkabau ini boleh dijadikan contoh betapa perlunya kita mewujudkan: i) undang-undang tanah masyarakat (atau hukum adat), dan ii) undang-undang tanah pemerintah (atau hukum pemerintah).

Rakyat mesti diberi hak menolak undang-undang yang menghapuskan segala kepentingan mereka ke atas milik peribadinya. DAP secara tegas menolak Akta Pengambilan Tanah yang tidak demokratik, tidak adil dan tidak logik ini."

Bagi membuktikan beliau peka dengan masalah yang dibangkitkannya, Liew telah membuat lawatan ke rumah Puan Sepiah binti Maarif, di Batu Kikir pada 4 Januari 1993, setelah diberitahu kerajaan negeri Negeri Sembilan mahu merobohkan juga rumah Puan Sepiah.

Liew Ah Kim melihat sendiri keadaan keluarga berkenaan, yang terpaksa memberhentikan dua orang anaknya sedang bersekolah dalam tahun 1975, apabila kerajaan mengambil tanah getah sebagai sumber rezekinya untuk membina bangunan sekolah. Beliau juga menerima pengaduan mengenai projek jalan Batu Kikir-Terentang itu sudah tiga kali ditukar cadangan.

Cadangan pertama hanya untuk membesarkan jalan, tetapi apabila beberapa orang penduduk kampung bersetuju tanah mereka diambil maka ditukar pula kepada cadangan meluruskan jalan. Cadangan terakhir ialah mahu membesar dan meluruskan jalan, yang membabitkan rumah Puan Sepiah mesti dirobohkan.

Liew telah membuat kenyataan akhbar mengutuk sikap Pejabat Tanah Jempol yang membuli penduduk-penduduk kampung, kerana tanah yang mereka diami adalah tanah tradisi yang diwarisi sejak lima atau enam generasi. Puan Sepiah dan suaminya Encik Tahir Haji Ahmad pernah diperdaya oleh pihak pejabat tanah dalam tahun 1975, apabila beliau meminta diganti tanah getahnya yang diambil.

Pejabat tanah bersetuju memberikan tanah ganti seluas 2 ekar, tetapi dengan syarat tidak boleh ditanam pokok getah atau kelapa sawit. Apakah ertinya sikap pejabat tanah ini ? Liew Ah Kim tidak sekadar berjuang untuk masyarakat Cina di dalam bandar, tetapi beliau tetap komited dengan masalah masyarakat Melayu di luar bandar yang ditindas berterusan.

Beliau sanggup datang sendiri ke Batu Kikir di Negeri Sembilan, semata-mata mahu melihat keadaan sebenar yang dihadapi oleh keluarga Puan Sepiah. Malah beliau kesal apabila kerajaan Negeri Sembilan tidak menghiraukan sumbangan keluarga ini di masa lalu dengan merelakan tanah getahnya diambil. Suami Puan Sepiah, Encik Tahir juga pernah berkhidmat menyabung nyawa menentang pengganas komunis dalam masa darurat ketika berkhidmat sebagai anggota polis tahun 1946-1960.

Inikah balasan yang diterima oleh keluarga berkenaan setelah memberi sumbangan kepada pembangunan dan keselamatan negara ? Penindasan demikianlah yang membuatkan Liew Ah Kim sanggup mengorbankan masa dan tenaganya untuk menuntut keadilan sosial ke atas keluarga Puan Sepiah.

## **PENGERUSI WILAYAH PERSEKUTUAN**

Semenjak pilihanraya umum 1986, Liew Ah Kim dilantik menjadi Timbalan Pengerusi DAP Wilayah Persekutuan, dengan Lee Lam Thye pengerusinya. Operasi lalang tahun 1987, Liew dilantik menjadi Pemangku Timbalan Setiausaha Agung dengan Lee Lam Thye memangku jawatan Setiausaha Agung berikutnya dengan penahanan beberapa pemimpin utama parti termasuk Lim Kit Siang di bawah ISA.

Menjelang pilihanraya 1990, DAP Wilayah persekutuan menghadapi masalah apabila Lee Lam Thye secara mengejut meletakkan jawatan di semua peringkat dalam parti termasuk juga pengurus DAP Wilayah Persekutuan. Lee Lam Thye juga mengambil keputusan bersara daripada politik. Bagi menghadapi kebuntuan dalam kepimpinan DAP Wilayah Persekutuan, CEC bersetuju melantik Liew Ah Kim menjadi Pemangku Pengurus.

Selepas pilihanraya 1990, Wilayah Persekutuan memerlukan kepimpinan yang mantap dalam meneruskan perjuangan DAP. Perwakilan di Wilayah Persekutuan bersetuju sebulat suara melantik Liew Ah Kim tokoh veteran parti menjadi pengurus yang baru. Dengan ini mulai tahun 1990 Liew Ah Kim memegang jawatan Pengurus DAP Wilayah Persekutuan dengan Dr Tan Seng Giaw menjadi timbalannya.

Sebagai pengurus, Liew perlu menunjukkan sikap kepimpinan yang perlu dicontohi. Sikap beliau yang sederhana disamping memberikan perkhidmatan yang baik kepada pengundi-pengundi di kawasannya, menyebabkan Liew menjadi tumpuan ahli-ahli parti mendapatkan nasihat. ADUN Damansara N Madhavan Nair misalnya akan meminta bantuan Liew menyelesaikan beberapa kes yang diterimanya daripada pengundi.

Begitu juga ADUN Negeri Sembilan kawasan Rahang, Lee Yuen Fong menghadapi masalah menyelesaikan beberapa orang warganegara

Malaysia dari Seremban yang ditahan oleh kerajaan Thai dalam bulan Mac 1991. Liew Ah Kim sendiri menemui pegawai kedutaan Thailand di Kuala Lumpur membincangkan penghantaran balik warganegara Malaysia yang ditahan itu.

Di samping kesediaannya menyelesaikan kes yang dihadapi oleh rakan-rakannya yang menjadi wakil rakyat, Liew juga akan bersuara lantang dalam isu pendidikan. Kalau beliau menggerakkan aktiviti memulaukan kelas di Sekolah Yoke Hwa (C) Kajang pada 28 Januari 1982 kerana membantah dasar pendidikan, Liew juga bersedia untuk melancarkan kempen tanda tangan sekiranya kerajaan berkeras menaikkan yuran masuk ke universiti yang membebankan rakyat.

Dalam kenyataan akhbarnya yang disiarkan oleh akhbar Watan 26 Mac 1991, melaporkan bantahan keras Liew terhadap sikap kebendaan kerajaan BN. Laporan akhbar itu menyebut:

**"KUALA LUMPUR: DAP menimbangkan satu langkah lebih berkesan meminta kerajaan mengkaji semula kenaikan yuran universiti yang dijangka dilaksanakan mulai sesi Julai tahun ini.**

Langkah ini mungkin menghantar memorandum kepada Menteri Pendidikan dan universiti-universiti, atau melancarkan kempen tandatangan membantah apa yang dianggapnya 'membebangkan rakyat'.

Setiausaha Publisiti DAP Kebangsaan, Encik Liew Ah Kim berkata peruntukan RM 1.5 billion kepada kementerian pendidikan dalam Rancangan Malaysia ke 5, sebanyak 42 peratus disalurkan kepada universiti-universiti.

Dalam kenyataan akhbarnya beliau menjelaskan, ini bermakna RM 2 billion sudah diperuntukkan kepada universiti dan sepatutnya mencukupi perbelanjaan sebenar, sekiranya kerajaan mengamalkan sikap berjimat.

Encik Liew, yang juga anggota Parlimen Seputih membidas Timbalan Menteri Pendidikan Dr Fong Chan On yang mengumumkan kenaikan yuran tersebut kerana tidak membuat apa-apa membandah keputusan kabinet. Sambil menyesali sikap Dr Fong dan MCA beliau menegaskan:

"Kenaikan yuran secara mengejut dari-pada RM 540.00 kepada RM 3,000.00 bagi jurusan sastera dan sains, menghancurkan peluang ramai pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke universiti."

DAP meminta kerajaan bersikap lebih rasional kerana bidang pendidikan menentukan tahap masyarakat yang akan mengambil alih pentadbiran negara, katanya.

Beliau tidak nampak di manakah logiknya kerajaan menaikkan kadar yuran

yang membebankan rakyat, dalam masa peruntukan 42 peratus daripada RM 5.1 billion adalah jumlah yang paling tinggi disalurkan kepada pengurusan universiti-universiti.

Apa yang disuarakan oleh DAP jelas Liew, bukanlah pandangan peribadi, tetapi setelah menerima rungutan daripada ibubapa-ibubapa yang membantah langkah kerajaan menghancurkan potensi pendidikan anak-anak mereka.

Beliau kemudiannya meminta Dr Fong berdailog dengan ibubapa-ibubapa murid ini, memberi penjelasan mengapa beliau dan MCA tidak membantah kenaikan yuran universiti yang tidak munasabah ini."

Di samping membuat kenyataan akhbar menyuarakan masalah orang ramai, Liew juga akan ikut sama menyelesaikan beberapa masalah peribadi yang membabitkan kepentingan orang ramai. Pada 6 Ogos 1992 telah berlaku pergaduhan di antara peniaga-peniaga pasar malam dengan direktorat penguatkuasa DBKL. Kejadian tersebut berlaku di pasar malam Taman Oversea Union, apabila beberapa orang kakitangan direktorat penguatkuasa DBKL merobohkan gerai dengan memukul peniaga pasar malam.

Perbuatan kakitangan direktorat penguatkuasa DBKL ini menimbulkan kemarahan orang ramai, menyebabkan mereka bertindak membantu peniaga yang di pukul. Mereka yang ber-

tindak menyerang balas itu terdiri daripada orang ramai yang tidak sabar dengan kekerasan yang ditunjukkan oleh direktorat penguatkuasa DBKL. Akibatnya pihak polis campur tangan dengan meminta mereka yang menyaksikan kejadian itu tampil memberi keterangan.

Bagi memenuhi tanggungjawab sebagai warganegara yang sedia bekerjasama dengan pihak polis, Tan Swee Kim dan Yong Tong Chon iaitu peniaga pasar malam yang berniaga berhampiran gerai terbabit datang ke Balai Polis Brickfields pada 13 Ogos 1992 bagi membantu siasatan polis. Anehnya mereka berdua telah ditahan oleh polis kerana dituduh terbabit dalam pergaduhan tersebut.

Keluarga Tan Swee Kim dan Yong Tong Chon telah menemui Liew Ah Kim mengenai kejadian yang menimpa Tan dan Yong. Liew telah menghubungi ketua balai polis Brickfields, DSP Gan Song Hoo, dan menyesali sikap polis bertindak demikian. Sekiranya polis tidak mengubah sikap, tentulah lebih ramai rakyat Malaysia enggan memberikan kerjasama dalam sebarang siasatan polis.

Liew bersama keluarga Tan dan Yong terpaksa menunggu di balai polis Brickfields hingga jam 2.00 pagi, menuntut Tan dan Yong yang mahu memberi keterangan untuk membantu siasatan polis tetapi ditahan. Sehingga pagi 14 Ogos 1992, Liew bersama pembantu politiknya John Ho tidak balik ke rumah, semata-mata mahu memastikan Tan dan Yong tidak dianiaya.

Berikutnya Liew menghubungi Ketua Polis Wilayah Persekutuan Dato' Henry Chen supaya campur tangan. Setelah mengambil kira penjelasan Liew, Dato' Henry Chen bersetuju memberikan perhatian terhadap kes berkenaan. Dengan kerjasama Dato' Henry Chen dan DSP Gan Song Hoo, disamping kawat cam daripada pihak direktorat penguatkuasa DBKL yang membuktikan Tan dan Yong tidak terbabit, mereka berdua dibebaskan pada tengah hari 14 Ogos 1992 itu.

Sebagai penghargaannya kepada pihak polis, Liew telah menulis surat kepada Dato' Henry Chen yang mengambil berat masalah yang disampaikan kepadanya. Kesilapan demikian tidak sepatutnya berulang dalam perkhidmatan polis yang sentiasa memberikan khidmat kepada orang ramai.

Di samping kegigihan Liew memberikan khidmat kepada orang ramai, beliau juga menghadapi tekanan daripada kerajaan. Disebabkan beliau bersikap sederhana, tidak ada sebab kerajaan boleh mengambil tindakan yang membabitkan ISA. Oleh itu sepanjang penglibatannya dalam politik Liew Ah Kim tidak pernah menghadapi ISA bagi menyekat aktivitinya.

Bagaimanapun pada 26 Oktober 1991, dilaporkan oleh akhbar Liew Ah Kim akan didekwa di mahkamah kerana gagal mematuhi arahan Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang dikatakan melanggar peraturan penerbitan. Liew yang bertanggungjawab sebagai pemegang permit

penerbitan akhbar ROKET, dituduh membenarkan akhbar ROKET dijual kepada umum.

Hanya membenarkan akhbar ROKET dijual kepada umum dan bukan kepada ahli sahaja, Liew boleh didakwa di mahkamah ? Apakah ini bentuk kerajaan yang perlu disokong oleh rakyat ? Demikian soalan yang bermain di kepada Liew, setelah kerajaan BN tidak ada cara lain lagi untuk menekannya.

Tetapi tegas Liew, "KDN berhak mendakwa sesiapa sahaja di mahkamah, dan DAP juga berhak membertahankan diri dalam proses mahkamah bagi menentukan keadilan dalam perlembagaan negara terpelihara." Liew bersama peguam parti, Karpal Singh tidak gentar menghadapi cabaran kerajaan BN mahu mengheretnya ke mahkamah mengenai isu penjualan akhbar ROKET kepada orang ramai.

Akhbar ROKET yang dikendalikan oleh Liew Ah Kim mempunyai empat edisi iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris, Cina dan Tamil. Tekanan yang diterima mengenai penjualan kepada orang ramai hanya Bahasa Malaysia dan Tamil. Dr Mahathir Mohamad dalam tahun 1968 sebelum menjadi Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri yang bertanggungjawab dengan permit KDN akhbar-akhbar juga pernah menulis artikel dalam ROKET.

Isu ROKET tidak boleh dijual kepada orang ramai masih belum selesai, kerana Liew dan peguam parti Karpal Singh juga membawa kes ini ke mahkamah.



▲ Bergambar kenangan selepas gotong royong membina rumah penduduk yang dilanda ribut, di Kampung Satu, Jalan Chan Sow Lin tahun 1988.



◀  
Bergotong royong dengan penduduk-penduduk Kampung Luke Yew, (berhampiran Dewan Bahasa dan Pustaka). Kelihatan juga Encik Hamid Satar (baju belang), Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam DBKL.



▲ Sdr. Liew bersama DAPSY cawangannya setelah menang kejohanan badminton merebut Piala Sdr. Chen Man Hin tahun 1988.

Menyampaikan memorandum mengenai masalah penduduk Kuala Lumpur kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato'

▼ Drs. Sulaiman Mohamed.





Sdr. Liew (tengah) bersama Shahidan Kassim (tali leher belang) Ahli Parlimen Arau, bergambar kenangan di Sofia, Bulgaria.

Sdr. Liew (dua dari kiri) bersama Sdr. Ahmad Nor menghadiri persidangan IPU peringkat antarabangsa di Sofia, Bulgaria tahun 1988.





▲ Penyokong-penyokong meraikan Sdr. Liew setelah memenangi semula kerusi Parlimen Seputeh dalam pilihanraya 1990.

►  
Sdr. Liew (baju batik) bersama penulis veteran di negeri China, Ker Ling, semasa melawat Republik China tahun 1991.

